



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 1)
URUSAN MESYUARAT	(Halaman 2)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 2)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2022	(Halaman 24)
Rang Undang-undang Pemuliharaan Hidupan Liar (Pindaan) 2021	(Halaman 78)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim
2. " Timbalan Yang di-Pertua Dato' Seri Mohamad Ali bin Mohamad (Melaka)
3. " YM Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Kewangan]
4. " Datuk Dr. Mohd Radzi bin Jidin [Menteri Kanan Pendidikan]
5. " Dato' Sri Ti Lian Ker [Timbalan Menteri Belia dan Sukan]
6. " Datuk Lim Ban Hong [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
7. " Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
8. " Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad [Timbalan Menteri Pengajian Tinggi]
9. " Tuan Aknan a/l Ehtook
10. " Tuan Haji Aziz bin Ariffin (Perlis)
11. " Datuk Paul Igai
12. " Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan
13. " Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan (Sabah)
14. " Tan Sri Dato' Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad
15. " Dato' Isa bin Ab. Hamid
16. " Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian
17. " Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan (Johor)
18. " Tuan Robert Lau Hui Yew
19. " Datuk John Ambrose
20. " Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol
21. " Puan Susan Chemera Anding
22. " Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
23. " Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
24. " Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
25. " Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
26. " Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi
27. " Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)
28. " Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)
29. " Datuk Mohan a/l Thangarasu
30. " Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
31. " Dato' Ajis bin Sitin (Pahang)

AHLI HADIR (samb/-)

- | | | |
|-----|----------------|---|
| 32 | Yang Berhormat | Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim |
| 33. | | Tuan Ahmad bin Yahaya (Kedah) |
| 34. | " | Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad (Kelantan) |
| 35. | " | Datuk Razali bin Idris |
| 36. | " | Dato' Nelson a/l Renganathan |
| 37. | " | Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai |
| 38. | " | Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee |
| 39. | " | Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan) |
| 40. | " | Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili (Sarawak) |
| 41. | " | Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri |
| 42. | " | Dato' Dr. Nuing Jeluing (Sarawak) |
| 43. | " | Puan Fadhlina binti Dato' Sidek (Pulau Pinang) |
| 44. | " | Datuk Haji Bashir bin Haji Alias (Wilayah Persekutuan Labuan) |

AHLI TIDAK HADIR

- | | | |
|----|----------------|---|
| 1. | Yang Berhormat | Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] |
| 2. | " | Dato' Dr. Mah Hang Soon [Timbalan Menteri Pendidikan I] |
| 3. | " | Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin |
| 4. | " | Dato' Arman Azha Abu Hanifah |
| 5. | " | Dato' Wira Othman bin Aziz (Kedah) |
| 6. | " | Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka) |

**AHLI TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

- | | | |
|----|----------------|---------------------------------------|
| 1. | Yang Berhormat | Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang) |
|----|----------------|---------------------------------------|

**AHLI CUTI
(DI BAWAH PERKARA 52 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN)**

- | | | |
|----|----------------|---|
| 1. | Yang Berhormat | Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu |
|----|----------------|---|

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Menteri Wilayah Persekutuan]
2. “ Datuk Willie Anak Mongin [Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi II]
3. “ Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Timbalan Menteri Luar Negeri]
4. “ Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)]
5. “ Dato' Dr. Mansor bin Haji Othman [Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air]
6. “ Datuk Ali Anak Biju [Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli]
7. “ Datuk Haji Awang bin Hashim [Timbalan Menteri Sumber Manusia]
8. “ Dato Sri Alexander Nanta Linggi [Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]
9. “ Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Menteri Perpaduan Negara]
10. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II]
11. “ Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri [Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya]
12. “ Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi]
13. “ Datuk Seri Jalaluddin bin Alias [Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan]
14. “ Dato' Dr. Haji. Noor Azmi bin Ghazali [Timbalan Menteri Kesihatan I]
15. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh [Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II]
16. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia]
17. “ Tuan Muslimin bin Yahaya [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi]
18. “ Datuk Seri Dr. Santhara Kumar a/l Ramanaidu [Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya]

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Nor Yahati binti Awang

Setiausaha Dewan Negara

Muhd Sujairi bin Abdullah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

-

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Halijah binti Mat Sin

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Noraidah binti Manaf

Siti Norlina binti Ahmad

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Sherliza Maya binti Talkah

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nur Hazwanie binti Mohd Rozali

Yoogeswari a/p Muniandy

Muhamad Fazal bin Mahat

Nor Aizafasya binti Zainal

Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Hizamihatim Maggisa bin Juara

Muhammad Firdaus bin Ahmad

Izzul Syazwan bin Abdul Halim

Maryam binti Azinuddin

Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

Nurul Syakirah binti Ibharim

Suhaila binti Sariffuddin

Siti Fatimah Nurain binti Mohamad

Nor Afina binti Mohamed Rashid

Nik Muhammad Ismail bin Karim

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

Selasa, 21 Disember 2021

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya menjemput Setiausaha Dewan Negara membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“20 Disember 2021

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. DR. 11/2021 – Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2021;
2. DR. 12/2021 – Rang Undang-undang Kewangan 2021;
3. DR. 10/2021 – Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2021;
4. DR. 15/2020 – Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 2021;
5. DR. 14/2021 – Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2021;
6. DR. 16/2021 – Rang Undang-undang Petunjuk Geografi 2021; dan
7. DR. 17/2021 – Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pindaan) 2021.

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

URUSAN MESYUARAT

Menteri Kanan Pendidikan [Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2), saya mohon memaklumkan supaya rang undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Datuk Bobbey Bin Suan minta Menteri Kanan Pendidikan menyatakan, apa langkah yang diambil serta pemantauan bagi memastikan murid yang tidak dapat mengikuti kaedah pembelajaran secara dalam talian khususnya murid tahap satu untuk menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) dengan lebih baik.

Menteri Kanan Pendidikan [Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha untuk memastikan pendidikan murid terutamanya dalam aspek literasi dan numerasi diberi keutamaan. Kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) merupakan aspek yang diberi penekanan dalam pendidikan murid di tahap satu iaitu Tahun 1, 2 dan 3.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM melaksanakan Program Pemulihan Khas untuk murid sekolah rendah yang menghadapi masalah menguasai kemahiran asas 3M. Guru pemulihan dengan kerjasama guru mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik memberi bimbingan yang bersesuaian kepada murid sehingga mereka dapat menguasai kemahiran asas 3M.

KPM juga memperkenalkan Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah untuk memastikan murid sekolah rendah menguasai sekurang-kurangnya tahap minimum iaitu Tahap Penguasaan 3 dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik.

Pelaksanaan program ini adalah sebagai sokongan pengajaran dan pembelajaran (PDP) yang menyeluruh untuk membantu memantapkan tahap penguasaan 3M. Bermula September 2021, KPM telah memperkenalkan program pemeraksanaan pelaksanaan kurikulum atau KPM PerkasaKU. Satu daripada aspek yang diberi penekanan dalam program ini ialah penguasaan literasi dan numerasi. Penekanan juga diberikan kepada penglibatan ibu bapa dalam menyokong pelaksanaan PDP.

Program ini dirancang bagi memastikan murid menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi melalui PDP secara bersemuka atau pengajaran dan pembelajaran di rumah PdPR yang bersesuaian dengan tahap keupayaan murid untuk mengikuti pembelajaran seterusnya. Pada masa ini murid Tahap 1 yang telah dikenal pasti dibekalkan dengan modul asas literasi dan modul asas numerasi bagi mempertingkatkan penguasaan 3M mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM menyedari bahawa sesi persekolahan secara bersemuka untuk tahun 2020 dan tahun 2021 tidak dapat dilaksanakan seperti mana kebiasaan.

Justeru KPM telah membuat ketetapan untuk melanjutkan sesi persekolahan tahun 2021 sehingga bulan Februari 2022. Pelanjutan ini bagi membolehkan pihak sekolah merancang dan melaksanakan aktiviti pemulihan, pengukuhan dan pengayaan secara intensif bagi meningkatkan kesediaan murid untuk mengikuti peringkat persekolahan berikutnya. Berkaitan pemantauan, Pentaksiran Bilik Darjah atau PBD dilaksanakan bagi mengumpul data perkembangan pembelajaran murid yang direkodkan dari semasa ke semasa. Data tersebut dapat digunakan oleh guru untuk mengenal pasti intervensi yang sesuai bagi meningkatkan tahap penguasaan 3M- murid.

KPM yakin langkah strategik yang dilaksanakan ini dapat memastikan murid menguasai kemahiran 3M dengan lebih baik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin. Ada soalan tambahan.

Datuk Bobbey Bin Suan: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Bobbey Bin Suan: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang lengkap. Akan tetapi ada satu soalan. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, apa tindakan pihak kementerian khusus dalam menangani masalah internet di kawasan luar bandar seperti Sabah dan Sarawak yang masih jauh ketinggalan menerima saluran internet jalur lebar 5G dan adakah bantuan seperti pemberian tablet ataupun *laptop* bagi memastikan anak-anak yang kurang berkemampuan dapat dibantu dengan sebaik mungkin. Terima kasih.

■1010

Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana Yang Berhormat menyebut, kita sedar antara kekangan utama di kawasan luar bandar khususnya adalah dalam konteks hubungan internet dan juga bekalan peranti.

Dalam konteks ini, selain daripada Program Cerdik yang telah diumumkan oleh Kementerian Kewangan dalam Belanjawan tahun lepas yang telah dilaksanakan sepenuhnya 150 ribu buah peranti ke sekolah-sekolah yang terpilih di seluruh negara. Pihak kementerian melalui Yayasan Didik Negara melaksanakan usaha sama dan kerjasama dengan pelbagai pihak badan korporat dan pihak swasta untuk membolehkan sekiranya ada bantuan-bantuan yang ingin diagihkan oleh pihak swasta, kita akan bantu dan agihkan.

Baru-baru ini sebanyak 4,000 buah peranti kita bekerjasama dengan Yayasan AEON Malaysia untuk diagihkan di sekolah-sekolah terpilih di seluruh negara termasuklah di kawasan luar bandar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan lain, seterusnya.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri, boleh tidak menyatakan jumlah murid yang gagal menguasai 3M ini dan apakah usaha-usaha pemulihan yang dilaksanakan bagi mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan berikan jawapan spesifik yang 3M ini secara bertulis kerana kita di peringkat akhir untuk membuat penilaian selepas sekolah ditutup. Sekolah baru tutup minggu lepas, jadi sebelum- masa PdPR dilaksanakan itu, kita tidak dapat bersemuka. *Finally* kita dapat bersemuka dan yang mana itu kita dapat *update* data-data terbaru kita. *Insya-Allah* kita akan sampaikan tentang jumlah ini secara bertulis.

Namun begitu, berkaitan dengan apa pendekatan yang dibuat oleh pihak kementerian seperti mana saya sebut tadi pendekatan berkaitan dengan pemulihan yang kita laksanakan, pertama. Kedua juga melalui Program Pengukuhan Literasi yang kita laksanakan dan bulan September tahun lepas kita perkenalkan KPM PerkasaKU.

Ini merupakan program khusus, kita buat modul khusus untuk membantu murid-murid yang ketinggalan. Pada waktu itu, modul ini dirangka supaya kalau buat di rumah pun melalui PdPR, kita ada panduan untuk ibu bapa membantu anak-anak mereka. Kita juga buka sesi sekolah ini kita lanjutkan sehingga bulan Mac tahun hadapan supaya bulan Januari dan Februari ini dapat kita gunakan untuk mengukuhkan lagi tahap penguasaan mereka. Jadi kita ingin melihat supaya khususnya murid di Tahap Satu ini Tahun 1, Tahun 2, Tahun 3 ini sebelum dia meningkat ke tahun berikutnya mereka mempunyai tahap penguasaan yang baik dalam konteks literasi dan numerasi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dr. Ahmad Azam.

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Saya ada satu soalan bersangkutan paut dengan Sarawak. Baru-baru ini di Pilihan Raya Sarawak, SPR membenarkan 64 DUN berkempen secara fizikal daripada 82 DUN. Jadi sudah jelas dan nyata yang 64 DUN ini maksudnya tidak ada *internet coverage*.

Jadi bagaimana murid-murid di kawasan 64 DUN ini menjalani PdPR mereka. Apa langkah kerajaan mengatasi masalah ini dengan kadar segera, saya rasa kita sudah berlalu selama dua tahun. Jadi masalah ini tidak lagi selesai. Terima kasih.

Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin: Berkaitan dengan liputan internet di kawasan luar bandar, pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia sedang berusaha gigih untuk memastikan Program JENDELA itu dapat dilaksanakan secepat mungkin. Berkaitan dengan PdPR di rumah, sewaktu ataupun dalam keadaan tidak ada akses kepada internet ini, sebenarnya perkara ini kita telah kenal pasti daripada peringkat awal, kita tetapkan pelaksanaan PdPR.

Oleh sebab itu, sewaktu awal pelaksanaan PdPR, kita sebut bahawa PdPR itu dilaksanakan mengikut kesesuaian guru dan murid kerana kita tahu ada kekangan. Namun begitu, dalam konteks murid yang tidak mempunyai akses kepada peranti dan juga internet, guru-guru ada menyediakan modul-modul tertentu untuk membolehkan murid ini melaksanakannya dan menghantar balik kepada guru-guru dan apabila saya turun ke kawasan pendalaman pun itulah yang dilaksanakan.

Guru-guru cukup komited dan murid-murid juga cukup komited untuk menyiapkan tugas yang diberikan dalam bentuk modul. Jadi hubungan antara guru dan murid itu tidak terputus walaupun tidak ada akses kerana mereka boleh mendapatkan modul itu di sekolah dan kemudian menghantarnya balik di sekolah. Terima kasih.

Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Satu lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya Yang Berhormat Menteri, ini dalam soalan ini tahap satu. Sekarang ini boleh tidak Dewan ini diberitahu di Sabah berapa, di Sarawak berapa dan di Semenanjung beberapa buah sekolah menengah, itu sudah Tahap 2 itu yang belum lagi ada internet di sekolah-sekolah tersebut. Boleh tahu lebih kuranglah di Sabah berapa, di Sarawak berapa dan Semenanjung *at least* menggambarkan hala tuju pendidikan negara kita tentang penggunaan internet ini, yang belum ada internet lagi seperti Sabah dan Sarawak.

Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin: Okey. Secara umumnya hampir semua sekolah di seluruh negara sudah ada, cuma tahap akses itu ada yang signal yang kuat, ada signal yang lemah. Namun apabila bercakap tentang hubungan *internet* di sekolah memang telah ada cuma kita dapati ada sekolah-sekolah walaupun ada kadang-kadang signalnya terlalu lemah disebabkan oleh liputan di kawasan sekitar itu agak lemah. Untuk kawasan-kawasan yang tidak mempunyai liputan biasa kita gunakan VSAT yang melalui satelit untuk sekolah-sekolah tersebut.

Jadi secara umumnya hampir semua sekolah di seluruh negara telah mempunyai akses pada internet. Namun begitu, pihak kementerian sedang bekerjasama dengan MAMPU untuk mengukuhkan lagi internet di sekolah, terutamanya untuk mewujudkan lebih banyak *hotspot* dalam kawasan sekolah. Sebelum ini *hotspot*-nya adalah di kawasan pejabat sekolah, bilik guru kalau ada pun di pusat sumber, namun kita sedang berusaha untuk meningkatkan lagi *hotspot* dalam kawasan sekolah supaya murid-murid dapat menggunakan kemudahan internet ini secara lebih meluas. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kanan Pendidikan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid.

2. Dato' Isa bin Ab. Hamid minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, jumlah dagangan eksport Batik Malaysia dan import batik luar pada tahun sebelum 2019, dan selepas 2021.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato' Sri Hajah Nancy Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Isa.

Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa berusaha dan melaksanakan pelbagai inisiatif ke arah pembangunan dan pemerkasaan industri batik negara. Selain itu promosi, publisiti serta galakan penggunaan produk-produk batik Malaysia di kalangan Keluarga Malaysia yang berbilang kaum turut dilaksanakan terutamanya menerusi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia), salah sebuah agensi di bawah seliaan MOTAC.

Pada tahun 2009, bilangan usahawan kraf batik yang berdaftar seramai 120 orang. Pada ketika itu nilai jualan usahawan kraf terbabit adalah sebanyak RM30.9 juta. Sedekad kemudian, bilangan usahawan kraf batik telah meningkat kepada seramai 700 orang. Nilai jualan pada tahun 2019 itu juga adalah sebanyak RM176.4 juta.

Industri batik ini terus menunjukkan perkembangan yang positif dengan jumlah usahawan batik sehingga 31 Oktober 2021 meningkat kepada 775 orang. Sepanjang tempoh 2016 hingga 2020, dagangan eksport batik Malaysia oleh pengusaha kraf yang berdaftar adalah sebanyak RM6.7 juta. Manakala bagi dagangan eksport batik Malaysia pada tahun ini sehingga 31 Oktober 2021 yang lalu, nilai yang dicatatkan adalah sebanyak RM289 ribu. Nilai yang agak rendah ini merupakan dijangka ekor penularan COVID-19 di seluruh dunia yang bukan sahaja memberi impak kepada penutupan sempadan, malah turut mempengaruhi ekonomi global.

Walau bagaimanapun, jumlah dagangan eksport batik Malaysia dijangka akan kembali pulih selepas sektor ekonomi dibuka sepenuhnya yang memberi kelebihan kepada usahawan batik untuk memasarkan dan mempromosikan produk mereka. Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, perbandingan daripada domestik dan juga antarabangsa ini memang jualan domestik ini ada lebih tinggi, RM839,652,187.64 berbanding dengan RM7,097,333.43 itu untuk antarabangsa. Ada sebab-sebab yang tertentu mungkin yang menyebabkan ia perbezaannya agak jauh. Ini adalah untuk seluruh tahun 2016 sehingga 2021. Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Isa.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya soalan tambahan, apa usaha-usaha Kraftangan dalam meningkatkan inovasi bagi kaedah penghasilan batik supaya batik kita lebih diterima di luar negara dan negara-negara maju. Oleh sebab kita melihat bahawa penghasilan batik perlu ke arah yang mesra alam. Sekian, terima kasih.

■1020

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebelum kita pergi ke arah inovasi, kita perlu ada juga kita punya R&D dengan izin, di mana kraf tangan memberi bimbingan daripada aspek pengeluaran produk dengan memfokuskan kepada peningkatan kemahiran teknikal untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran dan kualiti produk. Ini dilaksanakan melalui inisiatif program kemahiran dan peningkatan kemahiran.

Saya menjurus kepada soalan tadi lebih menyentuh mengenai inovasi, di mana kalau daripada segi ciri-ciri inovasi kita di sini, kita melihat kepada keadaan suasana di satu-satu tempat. Misalnya, kita telah melahirkan produk, cara untuk membuat batik melalui tanah liat. Itu kerana tempat-tempat tertentu itu mempunyai tanah liat untuk membantu pembatik-pembatik atau pengusaha batik tempatan. Kita juga ada linut iaitu dilahirkan dari tempat yang mempunyai banyak linut. Salah satu tempatnya ialah di Mukah, Sarawak kerana mereka banyak sumber linut tersebut. Jadi, ini adalah di antara yang kita dapat fikir sekarang ini di mana ia lebih mesra alam.

Jadi Yang Berhormat, saya berterima kasih kerana ini memberi peluang kepada yang lain juga mengenali apakah peluang kita untuk memberi cara baharu untuk membuat batik. Malah ada *eco print*, saya minta izin, bagi saya masa sedikit. Saya pergi ke sebuah tempat yang begitu jauh pedalamannya di Sarawak, Ba'kelalan. Mereka tidak ada sumber lain, tetapi tanaman- mereka mengambil tanaman itu digunakan sebagai salah satu daripada sumber untuk menjadikan batik.

Ini kerana mereka tidak pernah membuat batik di situ. Jadi, itu juga merupakan suatu inovasi untuk melahirkan usahawan batik di tempat-tempat yang terpencil. Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertamanya, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi peluang kepada pengusaha batik di mana hari Khamis kita pakai baju batik di Parlimen.

Persoalan saya hanya satu sahaja berkenaan dengan persaingan harga antara batik tempatan dengan batik luar negara. Kalau sebut batik mesti datang dari Terengganu dan Kelantan. Jadi sekarang batik dari luar seperti India, Pakistan berlambak masuk ke Malaysia. Jadi, persaingan harga itu sangat ketara. Batik luar murah, batik tempatan mahal. Apakah kaedah ataupun perancangan pihak kerajaan untuk menjaga batik negara kita digunakan di negara kita sebelum kita hendak eksport? Persaingan tadi.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya juga mencari-cari alasan kenapa ia menjadi begitu. Akan tetapi kita melihat daripada segi bahan yang digunakan dan bahan kita. Kita bersaing daripada segi bahan dan juga kita punya *labour*, dengan izin. Ini kerana kita menggunakan cara lebih- pelukis kita melukis dengan tangan di mana ia agak lambat dan ia melibatkan orang-orang terutama orang kampung, malah OKU juga terlibat. Jadi, kita hendak memberi peluang kepada mereka ini. Maka inilah, kalau beza kita dengan yang lain dari luar negara, mereka lebih kepada menggunakan mesin. Jadi, itu perbezaan kita.

Kita ada juga menggunakan mesin tetapi untuk kita di sini kita lebih menggalakkan terutama orang kampung untuk menghasilkan batik itu dengan menggunakan kerja tangan sendiri. Malah kalau kita lihat daripada segi corak kita bezanya dengan negara lain juga. Kita banyak menggunakan fauna, lebih banyak menggunakan flora untuk melahirkan corak-corak yang berbeza dari negara lain. Misalnya, kalau Indonesia kalau kita lihat, mereka banyak melahirkan lebih daripada segi mungkin ada unsur keagamaan. Selain daripada itu juga, kita juga melihat daripada sumber kain-kain itu adalah dari luar negara juga. Kita dapatkan untuk kita membuat batik. Maka ia ada kesan...

Datuk Razali bin Idris: Yang Berhormat Menteri, maksud saya tadi spesifik. Maksud saya tadi, batik dari luar masuk ini tidak ada kah kerajaan hendak memberi syarat-syarat yang ketat ataupun halang kah atau apa?

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Ada, ada. Terima kasih. Saya sambung itu ya. Belum sampai ke situ, terima kasih. Ini saya bawa di sini, ini daripada segi perintah kastam. Larangan mengenai import. Kita tidak membenarkan import untuk batik dari luar negara tetapi itu hanya batik. Kalau daripada segi undang-undang ini ada- kata orang *lacuna*, daripada segi undang-undang ini.

Kalau dia bawa batik yang sudah dijahit itu, itu memang senang untuk dikawal walaupun masih juga daripada segi penguatkuasaannya, mungkin ada kelemahan jugalah. Akan tetapi kalau ia merupakan kain itu sudah dilukis dengan digunakan- yang gulung itu. Oleh sebab ia tidak ada kod yang tertentu untuk kita hendak mengawal itu batik atau tidak tetapi kita melihat kepada bagaimana kita hendak menguatkan lagi. Itu daripada segi kawalannya.

Malah kita ada juga- kalau batik Malaysia, kita sendiri ada kita punya *Malaysian Standard*, dengan izin. Malah kita cuba melihat lagi dari sudut pandangan mereka, mereka *stakeholders* kita dengan izin... [Disampuk] Pemegang taruh, *sorry*. Jadi, kita ada juga konsultasi dengan mereka untuk kita menguatkan lagi daripada segi penguatkuasaan ini. Namun begitu Yang Berhormat sekalian yang berada di Dewan ini, kita memang memerlukan maklum balas seperti ini bagi membolehkan kita mendapatkan lagi maklumat...

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Yang Berhormat, boleh mencelah sedikit Yang Berhormat?

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah kah?

Timbalan Yang di-Pertua: Ini pertanyaan, biar Yang Berhormat Menteri selesaikan dahulu.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Saya rasa itu sudah cukup menjawabnya. Akan tetapi saya ada juga menggulung petang ini, kalau ada yang bersedia dengan soalan-soalan lain, boleh juga. Terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya.

Seterusnya, saya menjemput Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair.

3. Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, usaha yang telah dilaksanakan oleh kementerian dalam mengenal pasti pelajar-pelajar IPTA yang benar-benar memerlukan bantuan kewangan sokongan khususnya mereka yang bukan daripada kalangan peminjam PTPTN atau penerima mana-mana tajaan biasiswa.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair yang bertanyakan soalan hari ini berkenaan dengan Kementerian Pengajian Tinggi dalam konteks untuk memastikan pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan kewangan sokongan khususnya selain daripada PTPTN dan sebagainya.

Bagi makluman Yang Berhormat sidang Dewan sekalian, KPT sebenarnya memang amat prihatin dan peka terhadap kebajikan dan keperluan pelajar institut pengajian tinggi terutamanya bagi pelajar golongan B40. Justeru, pelbagai usaha dan inisiatif seperti bantuan makanan, bantuan-bantuan kewangan *one-off*, pemberian peranti, pelan data serta penajaan biasiswa disediakan bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan pelajar IPT sentiasa terjamin.

Sehubungan dengan itu, jabatan ataupun unit hal ehwal pelajar (HEP) yang memainkan peranan dalam menguruskan kebajikan pelajar berperanan untuk mengenal pasti pelajar-pelajar yang berkeperluan, menyelaras serta menyediakan bantuan-bantuan bagi memelihara kebajikan pelajar serta permohonan pinjaman jikalau perlu, tajaan biasiswa, bantuan-bantuan kewangan lain, bantuan-bantuan dari pusat zakat, bantuan makanan seperti *voucher*, bantuan peranti, pelan data serta penyelarasan inisiatif *food bank*, siswa, dengan izin.

Dalam konteks ini, pengenalanpastian pelajar berkeperluan di IPT dijalankan menerusi beberapa kaedah. Antaranya ialah pertama ialah kita mempunyai sistem rekod pengurusan maklumat pelajar yang mempunyai maklumat khusus tentang pekerjaan dan pendapatan ibu bapa atau seisi keluarga yang diselenggarakan secara berkala oleh jabatan ataupun unit hal ehwal pelajar dan mendaftar di universiti. Bermakna ini adalah merupakan *the nerve of the student in university*.

Kedua ialah kita membuat semakan silang data di pangkalan data kita yang ada dengan data e-Kasih. Ini yang kita buat sekarang ini. Ini untuk memastikan bahawasanya tidak ada pelajar yang tercicir. Andai kata mereka mempunyai masalah dan sebagainya.

Ketiga, kita mempunyai penasihat akademik ataupun *academic advisor*, dengan izin, yang berperanan membimbing pelajar sepanjang tempoh pengajian pelajar. Ini bermakna jikalau pelajar memiliki permasalahan sama ada dari sudut akademik ataupun kewangan dan sebagainya, mereka boleh berhubung dengan *academic advisor* berkenaan, untuk disalurkan kepada universiti.

■1030

Terakhir, keempat adalah dari sudut pemerksaan. Peranan majlis atau Jawatankuasa Perwakilan Pelajar sebagai penghubung antara pelajar dan pihak pengurusan IPT dalam konteks menjaga kepentingan pelajar. Ini maknanya, MPP merupakan *focal group* kepada pelajar, menghubungkan antara pelajar universiti dan universiti dengan pihak KPT. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Dato' Haji Husain bin Awang: [Bangun]

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setakat pagi ini, tiada satu sen pun bantuan khas yang diumumkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi buat anak-anak mahasiswa yang terlibat dengan musibah banjir yang sedang melanda negara kita.

Soalan saya, bagaimanakah pihak kementerian melakukan pengenalpastian terhadap anak-anak mahasiswa yang terkesan dengan kerosakan tempat tinggal akibat banjir yang sudah pasti memerlukan bantuan-bantuan khusus tertentu daripada kerajaan? Apa bentuk bantuan bersasar- *direct aid*, dengan izin, yang sedang diusahakan oleh KPT buat para mangsa banjir daripada kumpulan B40 yang anak-anak mereka merupakan mahasiswa IPTA? Sekian, terima kasih.

Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Terima kasih atas soalan ini, ini soalan yang penting sekarang kita berhadapan dengan musibah banjir. Kita doakan semua mangsa yang terlibat akan terus pulih dan diberikan semangat.

Okey untuk soalan ini, sebenarnya kita di Kementerian Pengajian Tinggi Yang Berhormat Senator, kita mempunyai bilik gerakan. Bilik gerakan ini diselaraskan di seluruh universiti sekarang ini dan diaktifkan semenjak musibah banjir berlaku dua hari yang lepas. Maka dalam hal ini, kita mengumpulkan data-data dari setiap universiti berkenaan dengan permasalahan yang berlaku, berkaitan dengan banjir inilah.

Jadi dalam konteks ini saya belum mempunyai maklumat yang terkini. Cuma macam hari ini pun, saya akan turun petang ini, habis penggulungan saya petang ini, saya akan turun ke rumah berjumpa dengan mahasiswa-mahasiswa yang terlibat di kawasan inilah. Jadi dalam hal ini, kecaknaan pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan juga kerajaan dalam hal ini amat jelas. Cumanya data itu saya akan berikan secara bertulis kemudian. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan lain?

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah perancangan jangka panjang oleh kementerian untuk memberi lebih banyak biasiswa termasuk tajaan daripada sektor swasta pada masa akan datang kepada para pelajar universiti yang berkecukupan memandangkan waktu ini kelihatan biasiswa-biasiswa sedia ada masih belum mencukupi bagi menampung bilangan pelajar yang memerlukan? Terima kasih.

Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan ini. Ya saya faham, ini keadaan kita sekarang ini, keadaan negara juga dalam keadaan yang dalam proses pemulihan. Maka saya fikir untuk menjawab soalan sama ada kita akan menambah atau tidak bilangan biasiswa yang diperlukan kepada pelajar ini, ia perlu dibincangkan secara lebih terperinci. Cadangan ini saya akan angkat kepada pihak kementerian untuk dibawa kepada MOF dan sebagainya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi atas jawapan yang diberikan.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 4.

4. Puan Fadhlina binti Dato' Sidek minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan, usaha-usaha kerajaan bagi memastikan masyarakat menghayati prinsip Rukun Negara sebagai kaedah praktikal dalam memupuk perpaduan dan mengekalkan keharmonian hidup damai bersama dalam komuniti yang pelbagai.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara [Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara komited untuk memastikan perpaduan dan keharmonian negara sentiasa berada di tahap yang terbaik dalam apa jua strategi dan program yang dilaksanakan. Penghayatan kepada Rukun Negara sentiasa diberi keutamaan. Rukun Negara dijadikan asas dalam pembangunan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan, dengan izin, *Blueprint*- Perpaduan Negara.

Melalui Teras Pertama Dasar Perpaduan Negara iaitu Patriotisme dan Demokrasi, salah satu strategi yang digariskan merupakan meningkatkan literasi pemahaman dan penghayatan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas amalan hidup. Begitu juga dengan penghasilan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021/2030 dan Kami@Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia yang dilancarkan pada 28 November 2021 yang lalu, penghayatan kepada Rukun Negara dijadikan sebagai asas kepada penyatuan dan perpaduan sebuah Keluarga Malaysia.

Pembangunan pelan ini juga melibatkan penyertaan masyarakat di seluruh negara melalui sesi libat urus rakyat. Melalui sesi ini, masyarakat diminta untuk memberikan maklum balas tentang pemahaman dan kesedaran mereka terhadap Rukun Negara. Jadi kita bukan buat dari atas ke bawah, ia dari bawah ke atas. Penghayatan kepada Rukun Negara sememangnya ditekankan sejak awal usia kanak-kanak. Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif membangunkan Pelan Pendidikan Awal Kanak-kanak Tabika Perpaduan yang memfokuskan kepada penghayatan pendidikan Rukun Negara dan penerapan nilai-nilai murid dalam diri murid seawal usia empat hingga enam tahun di Tabika Perpaduan.

Manakala di peringkat sekolah, kita ada Kelab Rukun Negara. Di peringkat institusi pengajian tinggi, kita ada Sekretariat Rukun Negara yang ditubuhkan dan diperluaskan yang mana sehingga kini terdapat 6,843 Kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah dan 187 Sekretariat Rukun Negara di seluruh negara. Modul program Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara ini dibangunkan berpanduan aspirasi Rukun Negara dalam membina semangat cinta akan negara dalam kalangan para pelajar. Objektif penyediaan modul ini adalah:

- (i) untuk memperkukuhkan pemahaman dan penghayatan pendidikan Rukun Negara;
- (ii) meningkatkan penglibatan aktif pelajar dalam Program Kenegaraan dan Perpaduan; dan
- (iii) memantapkan jaringan kerjasama strategik masyarakat dan rakan perpaduan bersama pelajar.

Kementerian Perpaduan Negara juga sedang meneliti modul baharu Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara bagi tujuan penambahbaikan dengan pengenalan program-program yang lebih interaktif untuk lebih menarik minat pelajar.

Saya juga mengambil peluang ini untuk memberi saranan supaya majlis-majlis rasmi di peringkat kementerian diselitkan dengan ikrar Rukun Negara, hanya kementerian kami yang buatlah. Apa-apa majlis rasmi kami sentiasa berikrar Rukun Negara, bagi menyemarakkan lagi semangat cinta akan negara dan usaha memperkukuhkan perpaduan Keluarga Malaysia. Di peringkat kementerian lain juga, kita ada jawatankuasa khas yang menghubungkan semua kementerian terbabit dalam memastikan penerapan falsafah Rukun Negara dalam semua agensi dan dasar kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya hendak ambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Perayaan Solstis Musim Sejuk atau *Dongzhi Festival*... [Bercakap dalam bahasa Mandarin]

Memang perpaduan dan Rukun Negara merupakan topik yang amat penting di kalangan masyarakat Malaysia. Saya hendak mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan selain daripada Rukun Negara, apakah sasaran pelan dan tindakan kementerian dalam memperkuatkan perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia? Adakah pelaksanaan asas Rukun Negara perlu dinilai semula, dengan izin, *relook* dalam memastikan inti patinya sejajar dengan keadaan Malaysia sekarang? Terima kasih.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai. Pertama, di peringkat kementerian daripada segi kayu ukur yang kita gunakan, kita ada Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) yang kita sedang tambah baik dan tambah daripada segi- yang terakhir adalah pada tahun 2018 kita perlu ada kajian yang terbaru tentang tahap perpaduan rakyat Malaysia. Kita sememangnya menggunakan Rukun Negara sebagai teras kepada semua perkara dasar dan juga pelaksanaan program-program daripada tabika sampailah ke Rukun Tetangga.

Jadi di peringkat Kementerian Perpaduan Negara, kita memang mahu menerapkan falsafah Rukun Negara sebagai falsafah teras yang menghubungkan semua kaum, rakyat, tidak kira geografi, Borneo dan Semenanjung agar identiti dan integrasi nasional itu dapat dicapai. Hal ini kita telah jayakan melalui perangkaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara yang baru dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bulan lalu. Kita telah menerima sokongan dan dukungan yang baik daripada semua EXCO negeri hatta negeri-negeri pembangkang sekalipun kerana ini ialah milik semua, bukan hanya kerajaan yang ada pada hari ini.

Jadi kita akan lebih mahu mendapat sokongan bukan sahaja daripada kerajaan negeri, juga pihak-pihak swasta kerana saya katakan tadi falsafah perpaduan dan Rukun Negara ini milik semua pihak. Kita akan sentiasa tambah baik daripada segi penerapan program-program Rukun Negara berdasarkan cita rasa semasa. Anak muda sekarang ini tidak suka kita berceramah tentang Rukun Negara. Perlu ada program-program simulasi yang interaktif dalam kita menerapkan nilai-nilai Rukun Negara kepada anak-anak muda yang ada pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan seterusnya.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya, sejauh dan setahap mana kita berada sekarang daripada segi perpaduan dalam negara. Contohnya kalau tahap tertinggi 10, kita berada di tahap berapa sekarang- lima, enam, tujuh, lapan? Macam itu. Berdasarkan indeks yang ada pada kementerian. Terima kasih.

■1040

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip.

Untuk jawapan yang lebih khusus, saya akan jawab secara bertulis tentang nombor indeks itu. Akan tetapi berdasarkan kajian yang kami telah buat dalam beberapa tahun lalu, sepanjang tahun lalu, di peringkat kementerian kita ada Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN), mungkin kurang dikenali tetapi sudah lama wujud. Kita sentiasa memberi tajaan dan bantuan geran kepada mana-mana sarjana di seluruh negara di universiti-universiti kita untuk menghasilkan kajian-kajian berupa perpaduan.

Kita kaji banyak kes sekolah vernakular, penerapan penghayatan Rukun Negara di peringkat syarikat ataupun kerajaan. Jadi semua kajian ini kita belum secara rasmi terbitkan tetapi memang ada. Jadi, *insya-Allah* kalau Yang Berhormat Senator tidak keberatan, kami akan hantar jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal, Timbalan Menteri Perpaduan Negara atas jawapan yang diberikan.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hui Yew.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan saya, saya mahu buat satu penjelasan. Pada PRN Sarawak yang baru diadakan, 64 daripada 82 DUN telah diklasifikasikan sebagai mempunyai kadar liputan...

Timbalan Yang di-Pertua: Itu boleh buat dalam soalan tambahan nanti ya. Cuma baca soalan sahaja.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Soalan saya nombor 5.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

5. Tuan Robert Lau Hui Yew minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan strategi kerajaan dalam memastikan:

- (i) liputan rangkaian 4G sampai ke kawasan pedalaman di Sarawak dan bukan sahaja di kawasan berpenduduk; dan
- (ii) harga capaian internet 4G adalah berpatutan terutamanya untuk golongan B40

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Zahidi bin Zainul Abidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew.

Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menambah baik... *[Tidak jelas]* Sarawak melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1, setakat 30 November 2021, beberapa inisiatif telah diambil bagi memastikan jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar dapat diperluaskan ke seluruh negara terutamanya di Sarawak.

Inisiatif tapak menara baru, perancangan ini untuk di Sarawak. Perancangan, sebanyak 824 buah tapak menara. Yang siap sebanyak 81 buah tapak menara. Jadi bermakna, lebih 700 buah tapak menara baru belum lagi siap.

Naik taraf stesen pemancar. Perancangannya sebanyak 2,998 buah stesen pemancar. Bilangan telah siap sebanyak 2,104 buah stesen pemancar.

Premis tersedia gantian optik. Perancangannya sebanyak 91,240 buah premis. Bilangan yang telah siap sebanyak 69,144 buah premis.

Jalur lebar satelit. Pelaksanaan sebanyak 523 unit dan yang telah siap sebanyak 240 unit.

Secara umumnya, pelaksanaan semua inisiatif JENDELA ini telah bermula sejak September 2020 dan inisiatif itu dalam perancangan akan siap secara berperingkat sehingga penghujung tahun 2022. Manakala bagi perkhidmatan jalur lebar menggunakan teknologi satelit, kini dalam proses pelaksanaan dan dijangka akan siap berperingkat bermula tahun 2021 sehingga tahun 2022. Sementara itu, peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk di Sarawak telah meningkat kepada 81.37 peratus pada suku ketiga 2021 berbanding dengan 73.67 peratus sebelum pelaksanaan JENDELA.

Selain itu, usaha menambah baik rangkaian akan diteruskan untuk melibatkan kualiti pengalaman yang lebih baik kepada pengguna. Cuma saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, kawasan yang tidak berpenduduk memang kita- tak ada orang pakai kerana kawasan tidak berpenduduk seperti mana Yang Berhormat tanya tadi, kawasan pedalaman tetapi tidak ada penduduk. Kalau tak ada penduduk, memanglah *service provider* ataupun *telco* dia tak buat sebab tak ada orang pakai.

Okey, semua inisiatif ini memerlukan kerjasama serta tindakan beberapa pihak berkepentingan lain terutamanya pihak kerajaan negeri.

SKMM akan terus bekerjasama dengan agensi kerajaan negeri iaitu *Sarawak Multimedia Authority* bagi menambah baik liputan dan kualiti jalur lebar di Sarawak untuk mengenal pasti keperluan dan penyelarasan inisiatif jalur lebar di negeri Sarawak bagi mengelakkan pertindihan lokasi pelaksanaan.

Oleh sebabnya untuk pengetahuan Yang Berhormat, di Sarawak sahaja ada agensi multimedia sendiri, negeri lain tiada. Jadi, apa-apa projek berkenaan dengan multimedia di Sarawak mesti dapat kebenaran agensi ini. Jadi kadang-kadang ada yang nak buat, nak pergi melabur tetapi tak boleh buat sebab apa, tak diluluskan oleh agensi yang ditubuhkan di Sarawak.

Pihak SKMM sentiasa memantau pakej dan harga yang ditawarkan kepada pengguna bagi memastikan pengguna dapat menikmati internet pada harga yang berpatutan. Pakej asas jalur lebar mudah alih prabayar ditawarkan pada harga RM10 manakala harga pakej jalur lebar lebih mudah alih pasca bayar ditawarkan pada harga RM8. Secara umumnya, pengguna boleh menikmati perkhidmatan jalur lebar mudah alih dengan harga 27 sen sehari.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, ini nak beri penerangan sedikit. Untuk seluruh Sarawak ini kita boleh buat satelit tetapi satelit ini dia RM10 1GB, maknanya mahal. Jadi kalau ini, saya tengok RM10 kita dapat maknanya untuk sebulan. Kira harganya cukup murah. Oleh sebab itulah kalau boleh, kalau kita nak buat satelit untuk seluruh Sarawak, kita boleh buat dan dapat cepat tetapi kita kena sabar sampai tahun 2022 barulah Sarawak ini banyak kawasan akan dapat kerana kita hendak harga yang murah dan lebih *sustainable*.

Menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat dan Pakej Perlindungan Rakyat Kepada Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) pembekal perkhidmatan mudah alih utama menawarkan internet secara percuma sebanyak 1GB setiap hari bersamaan 30GB data percuma setiap bulan bermula 1 April 2020 hingga tahun 2021. Pengguna data percuma 1GB ini boleh digunakan untuk aktiviti produktiviti dan khusus untuk tujuan PdPR.

Selain pakej asas, kebanyakan syarikat telekomunikasi mudah alih utama akan menawarkan pakej data tanpa had untuk pelan prabayar pada harga serendah RM30 sebulan, mulai Jun 2020 bersamaan RM1 sehari. Selain itu, DIGI juga menawarkan pakej khas data kepada belia berumur 12 tahun hingga 24 tahun yang melanggan pakej prabayar pada harga RM30 sebulan dengan 15GB pada kelajuan yang tinggi.

Jadi untuk pengetahuan Yang Berhormat dan juga untuk rakyatlah, maknanya yang turun harga ini sentiasa boleh turun harga iaitu telekomunikasi sahaja. Lain-lain, air dan elektrik selalunya naik harga. Ini kita sentiasa turun, ada turun harga. Di samping itu, Pakej Remaja Keluarga Malaysia juga telah diperkenalkan untuk golongan remaja dan pelajar berusia 12 tahun hingga 21 tahun untuk membolehkan mendapatkan pakej prabayar data 20GB pada harga RM30 untuk 90 hari dari 15 Oktober 2021 hingga 15 April 2022.

Bagi perkhidmatan jalur lebar tetap berkelajuan tinggi, terdapat syarikat penyedia perkhidmatan yang menawarkan pakej asas 30 megabit pada harga RM80 sebulan. Bagi kawasan yang tidak ada liputan jalur lebar tetap berkelajuan tinggi, Telekom Malaysia menawarkan pakej "*BroadBand Light*" pakej pada harga RM38 dengan data sebanyak 30GB selain daripada pakej-pakej yang lain.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kawasan yang kurang penduduk ini, dia tinggi sikit harga sebab kita nak kena tanggung kos untuk menyediakan perkhidmatan. Memandangkan sasaran pakej jalur lebar tahap ini adalah kepada pengguna isi rumah dengan mengambil kira laporan Jabatan Perangkaan Malaysia bahawa purata isi rumah untuk tahun 2019 adalah empat orang. Ini bermaksud harga jalur lebar talian tetap untuk setiap pengguna isi rumah adalah lebih kurang 32 sen sehari. Jelas terdapat pelbagai pilihan yang ditawarkan mengikut keperluan dan tahap kemampuan pengguna melalui jalur lebar mudah alih dan jalur lebar tetap tanpa bayar. Terima kasih.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mohon penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya, Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut tentang tawaran-tawaran oleh beberapa buah syarikat tetapi saya nak tanya dan Yang Berhormat juga sebut bahawa kos di tempat yang tidak ramai orang, kosnya tinggi. Saya nak tahu kos itu ditanggung oleh kerajaan atau ditanggung oleh syarikat *telco*? Itu satu.

Kedua, dia punya tawaran ini menarik oleh syarikat-syarikat lain tetapi dia punya megabait per saat itu tidak ditingkatkan lagi. Jadi, saya nak minta kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil kira bahawa 50 megabait, 100 megabait per saat ini dah *outdated* lah. Kena ditingkatkan sehingga ke-2,000 megabait per saat.

Saya nak tarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa ada sebuah syarikat selain daripada Telekom iaitu Syarikat *Allo Technology*, anak syarikat TNB. Saya minta kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri berikan perhatian dalam perkara ini. Terima kasih.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Terima kasih Yang Berhormat Senator Zahid Md. Arip. Soalan yang cukup baik. Pertama sekali berkenaan dengan tingkatan megabait itu. Oleh sebab itu saya kata tadi, kita ada usaha untuk tingkatan megabait ini terutamanya apabila kita siap liputan 5G ini. Megabait dia tinggi sikit dan laju. Sekarang ini keperluan kita lihat bahawa kita nak tumpukan kepada 4G ini, maknanya tunggu *telcos* yang ada termasuk Telekom Malaysia, kita tumpukan kepada 4G.

■1050

Jadi, antaranya kita lihat kawasan-kawasan yang kita kata pedalaman tadi ini harga mahal sedikit tetapi *telco* dia tidak mahu buat. Kita arahkan Telekom buat dan juga kerjasama antara MCMC dan juga Telekom. Ini kita bagi perkhidmatan secara- sebab apa kawasan itu tidak ada penduduk tetapi ini tanggungjawab kerajaan untuk menyampaikan maklumat. Jadi, maknanya MCMC dengan kerjasama Telekom akan bertanggungjawab. Ini anak syarikat kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita boleh tengok dalam PRN Sarawak yang baru diadakan. Sejumlah 64 DUN dari 82 DUN telah diklasifikasikan sebagai mempunyai kadar liputan 4G yang rendah. Isu di sini bukan kos yang tinggi atau rendah. Harga boleh turun tetapi banyak tempat di Sarawak di pedalaman tidak ada akses Internet. Apakah kementerian dapat buat untuk tempat ini? Apakah jaminan yang akan diberi untuk penduduk di pedalaman untuk memberi akses kepada Internet?

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat itu cukup jelas seperti mana tadi Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip kata itu. Kita menggunakan berbagai-bagai cara teknologi untuk kawasan pedalaman. Maknanya *point of presence*, selepas itu Allo tadi, kita gunakan *fiber* oleh TNB dan sebagainya oleh Syarikat Allo.

Banyak guna tetapi masalahnya Yang Berhormat, saya lihat ada dua perkara. Satu, kawasan yang ia tidak kuat. Makna DUN-DUN ini ada liputan tetapi tidak kuat. Antara sebab tidak kuat, digunakan oleh ramai orang ataupun satu buah kawasan itu maknanya dia punya signal tidak kuat sebab jauh, sebab tempat pemancar dengan tempat pedalaman itu jauh.

Jadi Yang Berhormat, kita boleh gunakan *booster*. Jadi Yang Berhormat, kalaulah Yang Berhormat lihat kawasan-kawasan itu, beritahu orang kawasan, kalau tidak ada kita pakai JENDELA Map. Kita lapor kepada JENDELA Map. Jadi, maknanya MCMC akan turun tambah *booster*. Itu yang penting, *booster*. Ia akan ditambah *booster* atau kalau kata itu Maxis ataupun *Celcom*, kita suruh Maxis- tambah *booster*.

Jadi kawasan ini Yang Berhormat, kena lihat- saya beri penjelasan sedikitlah. Kena lihat kawasan itu apa *telco company* yang tidak ada signal. Contohnya, kalau kita pergi situ *Maxis* dapat tetapi *Celcom* tidak dapat. Jadi, kita lapor dekat JENDELA Map. Jangan kita tengok. Oleh sebab kadang-kadang orang pakai telefon *Maxis*, dia pakai *Maxis* tidak dapat dia kompelin tetapi *Celcom* ada. Jadi, kita hendak tengok yang mana yang ada. Jadi Yang Berhormat kalau boleh terperinci sedikit, buat laporan kepada JENDELA Map. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia atas jawapan yang diberikan.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Dato Dr. Nuing Jeluing. Silakan.

6. Dato' Dr. Nuing Jeluing minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, langkah-langkah untuk mempergiatkan pertanian sebagai sumber pendapatan utama para petani dan penduduk luar bandar sebagai satu usaha untuk meningkatkan pendapatan mereka ke tahap pendapatan tinggi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II [Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Bagi mempergiatkan pertanian sebagai sumber pendapatan, Jabatan Pertanian telah menyediakan insentif berikut di bawah projek pembangunan jabatan:

- (i) perolehan input pertanian seperti anak benih, baja kimia dan organik, racun rumpai dan juga racun perosak;
- (ii) penyediaan infrastruktur ladang;
- (iii) perolehan peralatan pertanian; dan
- (iv) khidmat nasihat teknikal pertanian.

Bagi meningkatkan pendapatan petani, Jabatan Pertanian telah melaksanakan perkara berikut. Pertama, pendedahan kepada pengurusan projek bermula daripada proses merancang, melaksana dan mengurus perniagaan. Ini bertujuan untuk memastikan hasil yang dapat dikeluarkan secara optimum dan ekonomik.

Kedua, jaminan pemasaran produk. Usaha-usaha yang dijalankan untuk membantu mereka memasarkan hasil pertanian melalui konteks *growers* untuk menjamin pasaran. Pihak jabatan bertindak sebagai pemudah cara bagi mengadakan perundingan dan penerimaan kontrak perniagaan dalam bentuk *smart partnership*.

Ketiga, pelaksanaan kursus-kursus jangka pendek dan sederhana yang turut melibatkan kemahiran teknikal dan pembangunan produk. Latihan pengendalian lepas tuai, latihan teknikal pertanian dan kemahiran *soft skills* di sepanjang rantaian pengeluaran juga diberikan kepada golongan sasaran yang berkecukupan. Jabatan turut menawarkan khidmat nasihat teknikal dan latihan bagi pembangunan produk hiliran kepada para petani yang berminat. Ini bertujuan untuk meningkatkan kompetensi pengusaha daripada segi pengetahuan dan kemahiran. Pada tahun 2021, sebanyak 1,921 kursus telah dilaksanakan melibatkan seramai 68,233 orang petani.

Keempat, bantuan pembangunan produk. Kementerian menawarkan bantuan berbentuk geran pamadanan bagi menarik ramai usahawan industri asas tani untuk menyertai sektor industri makanan dan asas tani. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Dato' Dr. Nuing Jeluing: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Memandangkan satu daripada masalah petani ialah daripada segi pemasaran hasil-hasil mereka walaupun tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan ada usaha untuk membantu mereka memasarkan hasil-hasil mereka.

So, soalan saya, apakah langkah-langkah terperinci yang diambil oleh kerajaan untuk membantu petani-petani memasarkan hasil mereka di dalam negeri dan di pasaran antarabangsa? Terima kasih.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nuing Jeluing. Berkenaan dengan pemasaran yang diambil tindakan sejak saya kira sangat lama, bertahun-tahun, di mana kita menasihati kepada para petani supaya mereka berdaftar dengan agensi-agensi kerajaan seperti FAMA, LPP, KADA dan seumpamanya, agensi-agensi kerajaan.

Ini kerana yang berlaku di dalam negara kita ini, hasil pertanian yang tidak dapat dipasarkan yang kita kenal pasti iaitu berpunca daripada mereka melaksanakan tanggungjawab ini secara individu. Apabila lambakan ini berlaku, tentunya ia akan menjadi kesukaran. Namun, kalau kita berdaftar- sebagai contoh, petani yang bertani di Kelantan, dia akan diagihkan hasilnya itu ke negeri-negeri yang lain. Saya kira kalau secara individu, dia tidak akan mampu.

Namun kalau dia berdaftar dengan kerajaan, kita tahu hasil pertanian di Kelantan, di mana memerlukan. Mungkin di Johor, mungkin di Perak, mungkin di negeri-negeri lain. Oleh sebab itu, kalau semua Ahli Yang Berhormat, sekiranya kita dapat tahu ada petani kita yang masih bersendirian dalam pertanian, nasihatkan supaya mereka berdaftar dengan agensi kerajaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada soalan lain? Terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan atas jawapan yang diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

7. Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, rancangan dan usaha kementerian untuk menjadikan koperasi di Malaysia mencapai tahap antarabangsa.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Muslimin bin Yahaya]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi, salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad yang bertanya berkaitan dengan usaha kita di kementerian menjadikan koperasi Malaysia mencapai tahap antarabangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), kita telah melancarkan Pelan Transformasi Koperasi 2021-2025 yang disebut sebagai TransKoM pada 30 Mac 2021.

■1100

Di bawah TransKoM ini, MEDAC dan agensinya telah merancang dan akan melaksanakan pelbagai inisiatif merangkumi pengukuhan kapasiti koperasi, pembangunan produk, program promosi dan pemasaran produk koperasi bagi memastikan koperasi di negara ini kekal berdaya maju dan mampu bersaing di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Untuk itu bagi menyokong pelan TransKoM, kita telah mengambil inisiatif seperti berikut.

Pertama, memperkenalkan program pembangunan produk koperasi. Tujuan kita untuk menambah baik produk koperasi merangkumi aspek pembungkusan, pelabelan dan persijilan. Mulai tahun 2020 sehingga kini, 40 produk koperasi telah berjaya dibangunkan oleh 32 buah koperasi dan kita telah bersedia untuk menembusi pasaran antarabangsa. MEDAC melalui Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) juga telah berjaya mengeksport produk koperasi ke Singapura dan Brunei.

Kedua, kita menyediakan akses kepada pasaran antarabangsa dengan menyertai program promosi dan pemasaran produk melalui ekspo dan pameran antarabangsa yang diselenggarakan oleh MATRADE. Antaranya yang pertama pameran makanan 2020 di Dubai pada Februari 2022 dan *Vietnam Expo 2022* di Vietnam, *insya-Allah* pada April 2022.

Ketiga, Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan (ANGKASA). Karnival ini menyediakan sebuah platform kolaboratif pengurusan bagi perkongsian antara koperasi nasional, antarabangsa dan syarikat koperasi multinasional. Untuk itu sebanyak 180 pameran produk dan perkhidmatan koperasi di dalam dan di luar negara menyertai MACCOPS iaitu karnival produk ini.

Pada tahun 2019, anggaran saksi kita adalah sebanyak RM293 juta. Jadi Kementerian Yang Berhormat melalui SKM dan ANGKASA, kita akan sentiasa membantu, menggalakkan promosi. Kita ambil peluang meluaskan produk kita dan kita komited memastikan koperasi terus berdaya saing dan maju di peringkat tempatan ataupun antarabangsa. Terima kasih kepada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekiranya koperasi ini berjaya, ramai yang mendapat manfaatnya. Seperti mana negara China sekarang ini yang menjadi kuasa besar ekonomi terbesar di dunia semenjak tahun 2013 lagi.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh atau tidak dalam kita hendak mencapai beberapa buah koperasi ini mencapai tahap antarabangsa, kementerian yang ada ini bekerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan supaya memberikan, dengan izin, *issuance of new IPO* ini kepada syarikat-syarikat koperasi yang berdaya maju supaya mereka memperoleh 30 peratus *initial IPO* ini membolehkan mereka bersaing di persada antarabangsa. Bekerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan untuk *new IPO* ini dengan izin.

Tuan Muslimin bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat. Agak sedikit berbeza dengan soalan pertama tetapi tidak apa. Kita sebenarnya di MEDAC Tuan Yang di-Pertua, ini melibatkan dasar, membuat satu perancangan strategik dengan MITI untuk memastikan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu menjadi satu kenyataan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga April 2021 daripada maklumat yang kita ada sebanyak 40 buah koperasi sebenarnya telah berdaftar di bawah MITI. Kita juga telah berusaha untuk menganjurkan beberapa seminar ke arah itu, antaranya kita mengadakan seminar pemilikan saham khas bumiputera untuk koperasi yang baru kita adakah. Ini sebenarnya memberi pendedahan, kita hendak beri pendedahan kepada koperasi bumiputera yang mampu memiliki saham sebagaimana Yang Berhormat nyatakan tadi.

Berkaitan dengan 30 peratus pemilikan saham *insya-Allah*, SKM akan berusaha keras untuk memastikan kita komited menjadi pemudah cara daripada segi kelulusan pelaburan agar koperasi dapat sama-sama menikmati ataupun terlibat dalam pasaran saham dan sekiranya perlu, *insya-Allah* kementerian akan bekerjasama dengan mana-mana kementerian yang berkaitan untuk memastikan bahawa sasaran pegangan bumiputera dalam koperasi ini dapat direalisasikan. Terima kasih atas soalan Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Kesavadas.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, seperti yang pernah dihasratkan oleh Pengerusi ANGKASA, koperasi wajar berperanan sebagai automatik terbaik dalam membantu rakyat untuk mendapatkan barang-barang keperluan harian pada kadar harga yang lebih murah berbanding di pasaran.

Soalan saya, apakah strategi yang sedang direncanakan oleh kementerian bagi merealisasikan hasrat atau agenda tersebut pada tahun 2022? Bagaimanakah koperasi-koperasi yang sedia ada hari ini dapat dibangunkan dengan aktiviti perniagaan runcit yang boleh mendatangkan manfaat dalam aspek kos sara hidup buat penduduk luar bandar khususnya? Terima kasih.

Tuan Muslimin bin Yahaya: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya di Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sebagaimana Yang Berhormat nyatakan tadi, kita ada program Jualan Harga Patut Koperasi sebenarnya Yang Berhormat terutamanya sewaktu kita dalam situasi pandemik ini. Jualan Harga Patut Koperasi, kita sudah laksanakan pada PKP yang pertama lagi dengan peruntukan sebanyak RM782 ribu lebih daripada RM700 ribu. Kita telah memberi manfaat kepada 174 buah koperasi di seluruh Malaysia. Di peringkat SKM, sebenarnya kita sangat memberi perhatian supaya penyaluran meringankan beban di kalangan rakyat khususnya ahli-ahli koperasi dapat kita laksanakan, Yang Berhormat.

Cuma saya hendak mengambil kesempatan ini, sewaktu dalam kita situasi banjir ini Yang Berhormat, ini agak lari sedikit tetapi saya rasa sangat penting dalam kita mengalami bencana yang sangat teruk, di peringkat koperasi Yang Berhormat, kita ada disebut bagi koperasi yang terjejas contohnya koperasi berkaitan dengan perladangan, pertanian, koperasi sekolah yang tenggelam kena banjir ataupun kedai-kedai runcit berasaskan kedai runcit, yang ini pihak koperasi ada Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi. Ini tolong uar-uarkan di luar sana kepada ahli-ahli koperasi kita yang terkena bencana.

Tabung ini kita akan berikan bantuan kewangan sehingga RM30 ribu tetapi ada beberapa syaratnya. Pertama, buat laporan polis. Yang Berhormat, kita buat laporan polis. Kemudian yang kedua, ada gambar yang berkaitan. Kalau koperasi sekolah itu tenggelam, kita ambil gambarlah. Kemudian yang ketiga, kita buat anggaran kerosakan. Kemudian, minta ahli-ahli koperasi ini terus kepada kita punya *online*. URL kita adalah boleh tolong sama-sama catat untuk kita nanti bagi tahu kepada rakyat, <https://apponline.skm.gov.my>.

Pertama, buat laporan polis. Kedua ambil gambar. Ketiga buat anggaran tetapi sehingga maksimum RM30 ribu. Kita buat *online* ke <https://apponline.skm.gov.my>. *Insyallah*, kita di peringkat koperasi akan terus memberi bantuan yang sewajarnya kepada koperasi- koperasi yang terjejas akibat bencana yang baru melanda. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Muslimin bin Yahaya, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi atas jawapan yang diberikan.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Dato' Ajis bin Sitin.

8. Dato' Ajis bin Sitin minta Menteri Tenaga dan Sumber Asli menyatakan, apa tindakan yang bakal diambil terhadap perkampungan-perkampungan masyarakat Orang Asli yang rata-ratanya berada dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal di seluruh negara. Kebanyakan penempatan-penempatan tersebut mengandungi kawasan tempat tinggal dan juga kebun-kebun pertanian seperti buah-buahan, getah, kelapa sawit telah diusahakan sejak lebih 50 tahun yang lalu.

Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Datuk Ali anak Biju]: Selamat pagi, salam sejahtera, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan yang juga daripada Yang Berhormat Senator Dato' Ajis bin Sitin nombor 14 pada 22 Disember 2021 kerana pertanyaan-pertanyaan ini adalah saling berkait dan merujuk kepada isu yang sama.

Dalam menyantuni masyarakat Orang Asli yang bergantung hidup kepada hasil hujan. KeTSA melalui JPSM telah memperkenalkan satu seksyen baharu dalam cadangan pindaan terhadap Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] iaitu berkenaan kuasa pihak berkuasa negeri untuk mengurangkan, melepaskan dan mengecualikan ses pembangunan hutan kepada Orang Asli. Ini meliputi apa-apa hasil hutan atau kelas hasil hutan yang diambil daripada mana-mana tanah kerajaan atau tanah bermilik oleh mana-mana Orang Asli bagi tujuan:

- (i) pembinaan dan pembaikan pondok sementara atau mana-mana tanah yang diduduki secara sah oleh Orang Asli itu;

- (ii) bagi penyelenggaraan kelung menangkap ikan dan tempat mendarat; dan
- (iii) bagi kayu api atau maksud domestik lain atau bagi pembinaan atau penyelenggaraan apa-apa kerja bagi faedah bersama Orang Asli.

■1110

Walau bagaimanapun, pergerakan keluar masuk Orang Asli ke dalam Hutan Simpanan Kekal untuk pelbagai tujuan yang tidak munasabah merupakan pelanggaran undang-undang dan perlu mempunyai permit memasuki Hutan Simpanan Kekal mengikut subseksyen 47(1) [Akta 313].

Selain itu, masyarakat Orang Asli yang mengambil hasil hutan dari kawasan hutan simpanan untuk tujuan komersial tanpa kebenaran satu kesalahan mengikut subseksyen 15(1) [Akta 313] kecuali dengan satu buah lesen, atau permit yang tertakluk kepada keputusan pihak berkuasa negeri.

Mesyuarat Majlis Negara (MTN) ke-79 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 2 Disember 2021 yang lalu telah bersetuju supaya kerajaan-kerajaan negeri yang mengambil tindakan penguatkuasaan dan menentukan penyelesaian terbaik ke atas aktiviti penerokaan haram di Hutan Simpanan Kekal mengikut peruntukan akta, enakmen dan peraturan sedia ada yang sedang berkuat kuasa dan supaya tindakan penguatkuasaan dan penyelesaian di setiap negeri dilaksanakan selewat-lewatnya pada 1 Jun 2022.

Antara langkah penyelesaian yang boleh diambil oleh kerajaan negeri iaitu tindakan penguatkuasaan mengikut peruntukan dalam Akta 313 dan perundangan lain yang berkuat kuasa. Kebenaran kepada aktiviti tertentu melalui permit penggunaan untuk satu tempoh yang terhad atau pewartaan keluar kepada penempatan yang wujud dalam HSK tertakluk kepada penggantian kawasan selaras dengan seksyen 11 [Akta 313]. Pemilihan tindakan yang bersesuaian adalah tertakluk kepada situasi kes. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memaklumkan bahawa terdapat banyak kawasan kampung Orang Asli dalam hutan simpan. Bolehkah pihak kementerian menjelaskan jumlah kampung dan keluasan dan adakah pihak kementerian bercadang untuk melepaskan, menyahkan kawasan hutan simpan ini bagi kampung Orang Asli yang terlalu lama, yang terlalu awal menduduki kawasan tersebut? Sekian, terima kasih.

Datuk Ali anak Biju: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa hutan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri yang mempunyai hak mutlak ke atas kawasan tanah dan hutan. Manakala bidang kuasa KETSA melalui JPSP adalah dalam memberikan nasihat teknikal mengenai pengurusan dan pembangunan hutan serta menjalankan penyelidikan dan khidmat latihan yang lain.

Kerajaan sentiasa peka dan mengambil berat akan kebajikan Orang Asli. Sehubungan itu, dari semasa ke semasa kementerian melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bekerjasama rapat dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dalam menangani sebarang isu berkaitan dengan Orang Asli di dalam Hutan Simpanan Kekal. Keperincian Yang Berhormat minta tadi saya belum ada pada masa sekarang dan saya akan bagi jawapan secara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada soalan tambahan lain? Silakan.

Dato' Ajis bin Sitin: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Cuma pertanyaan saya ialah apakah tidak ada usaha-usaha kerajaan untuk mengeluarkan status Hutan Simpanan Kekal untuk dijadikan rizab Orang Asli. Oleh sebab, isu sekarang ini apa yang berlaku ialah kerajaan negeri tidak dapatewartakan kawasan tersebut oleh sebab didiami Orang Asli ialah terletak dalam Hutan Simpanan Kekal yang telah diwartakan. Terima kasih.

Datuk Ali anak Biju: Terima kasih Yang Berhormat, itu merupakan satu cadangan yang baik dan wajar untuk mendapat pertimbangan yang sewajarnya. Jadi, cadangan untuk mengeluarkan kawasan dari Hutan Simpanan Kekal untuk Orang Asli ini adalah masih tertakluk kepada kerajaan negeri dan KETSA kita tidak ada masalah sekiranya kerajaan negeri bersetuju dengan tindakan tersebut tetapi melalui konsultasi pihak JAKOA. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ali anak Biju, Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Tuan Aklan a/l Ehtook.

9. Tuan Aklan Ehtook minta Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan impak daripada sumbangan oleh sepuluh GLC dan GLIC utama di bawah program *Corporate Social Responsibility* masing-masing dalam bentuk meningkatkan kesedaran remaja tentang kepentingan alam sekitar.

Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Mansor bin Othman]: Saya mohon izin buka pelitup muka Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Mansor bin Othman: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Aklan atas soalan ini.

Kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menjalankan pelbagai usaha untuk memperkasakan dan memantapkan lagi kesedaran orang ramai termasuk dalam kalangan remaja terhadap kelestarian alam sekitar meliputi semua aspek seperti sungai, udara, pantai dan sebagainya. Usaha-usaha pemerkasaan ini turut mendapat penglibatan dan kerjasama rakan strategik yang terdiri daripada syarikat-syarikat berkaitan kerajaan, badan bukan kerajaan dan institusi pengajian tinggi berdaftar.

Antara program yang dilaksanakan merupakan program-program pembangunan komuniti setempat, pertandingan, pameran dan lain-lain aktiviti berkaitan isu kelestarian alam sekitar. Sebanyak enam daripada 10 buah GLC yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dalam soalan itu telah menjalankan kerjasama strategik dalam program kelestarian alam sekitar khususnya dalam kalangan remaja seperti berikut:

- (i) Tenaga Nasional Berhad (TNB) iaitu Program Pembersihan Pantai bersama Ahli Rakan Alam Sekitar;
- (ii) Petronas Berhad, Program Pertandingan Debat Alam Sekitar antara institusi pendidikan tinggi;
- (iii) Bank Rakyat, Program Sekolah 'Lestari Anugerah Alam Sekitar';
- (iv) Perbadanan Putrajaya Berhad, Kempen 'Hindari Plastik Sekali Guna';
- (v) Malakoff Corporation Berhad iaitu Program Penanaman Pokok; dan
- (vi) DRB HICOM Berhad, Program Pertandingan Reka Cipta Bahan Kitar Semula.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, salah satu program kesedaran alam sekitar oleh JAS iaitu Program Rakan Alam Sekitar dan pada tahun 2021, seramai 113 orang ahli remaja yang berumur di antara 13 tahun hingga 17 tahun telah didaftarkan. Jumlah keseluruhan ahli RAS ini sejak tahun 2009 adalah berjumlah 12,655 orang.

Tuan Yang di-Pertua, KASA menyokong penuh sebarang usaha kelestarian alam sekitar daripada mana-mana pihak sama ada daripada institusi, masyarakat setempat, orang perseorangan, pertubuhan bukan kerajaan dan lain-lain lagi. Peranan dan kerjasama daripada kerajaan dan semua pihak amatlah diharapkan.

Penglibatan dan kerjasama strategik ini akan memberi impak penyertaan yang lebih ramai dan meluas dalam kalangan remaja. Dalam memastikan usaha penyampaian maklumat dan pembudayaan kelestarian alam sekitar dapat diperkasakan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Tuan Akanan Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak dapat tidak, dengan adanya kesan banjir pada masyarakat kita, saya ingin bertanya sebagai tambahan ini, apa penglibatan GLC dan GLIC ini dalam membantu mangsa-mangsa banjir dan sekiranya ada, minta Yang Berhormat Timbalan Menteri senaraikan untuk pengetahuan umum. Terima kasih.

Dato' Mansor bin Othman: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan ini walaupun terkeluar sedikit daripada soalan pokok namun demikian, kita mengalu-alukan seperti yang saya sebutkan tadi terutama selepas pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam mesyuarat semalam yang mengarahkan semua kementerian dan juga jabatan untuk responsif dan prihatin tentang masalah yang dihadapi sekarang ini.

Bagi pihak kementerian, kita telah mengaktifkan kesemua aset di bawah JAS untuk kita tangani isu ini dan kementerian sendiri melalui agensi-agensinya seperti MGTC, IWK juga turut memberi sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir yang terlibat dalam ini. Malah hari ini ada program dan esok ada program sumbangan ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Mansor bin Othman, Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

■1120

10. Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, apa langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam mengukuhkan Dasar Sekuriti Makanan negara supaya lebih berdaya tahan dan mampan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II [Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. MAFI telah membangunkan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025 yang menterjemah aspirasi kerajaan secara khusus untuk memperkukuh sekuriti makanan negara supaya lebih berdaya tahan dan mampan.

Strategi-strategi yang di rangka menerusi pelan tindakan ini akan dapat merencanakan pengeluaran makanan secara domestik selain mengurangkan kebergantungan negara terhadap import makanan, antaranya usaha untuk:

- (i) memperluaskan adaptasi teknologi dalam sistem makanan sebagai langkah pragmatik untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti sistem ini. Berteraskan skala *economical* dan pertanian mampan;
- (ii) memperkasa penyelidikan dan pembangunan berteraskan sekuriti makanan ke arah meningkatkan kapasiti pengeluaran makanan;
- (iii) memperkasakan kesediaan data sekuriti makanan bagi mengenal pasti dan memantau tahap sekuriti makanan penduduk Malaysia;
- (iv) menterjemah aspirasi *put securities as are shared responsibility* dengan memfokuskan usaha untuk memperluas kolaborasi strategik berteraskan sekuriti makanan antara kementerian kerajaan-kerajaan negeri dan juga sektor swasta; dan

- (v) memperkukuh tadbir urus merentas jabatan dan agensi untuk merapatkan jurang dalam sistem makanan bagi meningkatkan kecekapan pemantauan sekuriti makanan negara.

Menerusi platform Jawatankuasa Kabinet mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) juga beberapa langkah strategik telah di kenal pasti untuk meningkatkan produktiviti sektor agromakanan antaranya:

- (i) pelaksanaan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang menyasarkan peningkatan purata hasil perhektar daripada 3.5 tan metrik kepada 7.0 tan metrik;
- (ii) pembangunan dan pemerkasaan platform pemasaran produk agromakanan secara e-dagang;
- (iii) pembangunan makanan ternakan alternatif dan pembangunan industri benih tempatan bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada import; dan
- (iv) pemberian insentif kepada pengeluaran makanan yang selamat dan sihat bagi meningkatkan ketersediaan makanan berkhasiat dengan harga berpatutan di pasaran.

Saya yakin langkah-langkah strategik yang sedang dan akan dilaksanakan ini dapat menyumbang dalam memperkukuhkan sistem makanan negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagi Yang Berhormat Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Okey. Soalan tambahan. Beberapa tahun lepas saya berkesempatan melawat Holland atau pun Belanda sebagaimana yang kita maklum Belanda sebuah negara yang di bawah aras laut- empat meter di bawah aras laut maksudnya mereka selain mengalami keadaan banjir, ada dua masalah besar- satu banjir, setiap kali banjir untuk memulihkan padang-padang ragut ataupun ladang-ladang sama ada ternakan ataupun pertanian mengambil masa lima tahun untuk pulihkan tanah, dan mereka juga mengalami keadaan sejuk beku di hujung tahun atau pun awal tahun yang berikutnya. Jadi ada beberapa limitasi ini.

Walau bagaimanapun, mereka masih menjadi pengeluar utama hasil-hasil tenusu di dunia dan juga kalau pertanian *courtesy oil*- mereka menghasilkan, dan mereka merupakan pengeluar utama. Jadi soalan saya, apa limitasi kita yang menyebabkan kalau kita tengok Dasar Agromakanan Negara, kita menyasarkan pengeluaran padi ataupun beras kita 2030 hanya 80 peratus, tidak 100 peratus. Daging lembu 50 peratus begitu juga dengan daging kambing kenapa kita tidak menyasarkan 100 peratus pengeluaran.

Apa limitasi kita yang menyebabkan kita tidak sampai ke arah 100 peratus tahap sara diri. Terima kasih.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah yang mengemukakan satu perbandingan yang sangat baik antara Malaysia dengan Holland ataupun Belanda. Di mana Belanda ini saya juga pernah melawat negara tersebut. Belanda banjir dia sebagaimana Malaysia setiap tahun melanda negara kita dan tahun ini begitu teruk dan banjir di Belanda ini lebih terkawal kerana dia tidaklah sebesar yang berlaku dalam negara kita.

Berkenaan dengan tenusu ataupun daging begitu juga dengan sayur-sayuran dan bekalan makanan yang lain, *insya-Allah* dalam negara kita melalui Rancangan Malaysia Ke-12 ini, kita doa bersama supaya projek SMART SBB yang di perkenalkan oleh pihak kerajaan ini berlaku dengan secepat mungkin kerana ada persepsi-persepsi yang negatif dalam kalangan para petani yang menganggap seolah-olah kerajaan hendak menguasai tanah mereka sedangkan yang berlaku sebaliknya daripada itu.

Kerajaan ingin membantu petani-petani dan ternyata tempat-tempat yang kita jadikan testimoni ini di Kedah, Johor, Melaka. *Alhamdulillah* kita memperoleh hasil meningkat 200 peratus daripada yang asal. Begitu juga dengan penternakan di negara kita ini. Kita agak terkebelakang berbanding dengan negara-negara pengeluar yang lain.

Kajian yang dikaji oleh jabatan-jabatan di bawah MAFI ini yang pertama sekali iaitulah kesungguhan atau pun motivasi yang tinggi dalam kalangan penternak kita tidak sebagaimana negara-negara pengeluar. Mereka kalau sebut penternak, mereka merupakan jutawan di negara-negara luar. Ada pun di negara kita ini banyak lagi terikat dengan cara individu.

Sebagaimana saya sebut tadi bila individu ini kita tidak boleh hendak melangkah jauh dan pihak veterinar telah pun memperkenalkan pelan-pelan strategik untuk Rancangan Malaysia Ke-12 ini untuk kita memastikan bekalan daging di dalam negara kita ini meningkat sebagaimana tanaman-tanaman yang lain. Sememangnya pihak kerajaan mempunyai perancangan-perancangan yang saya kira agak rapi berbanding dengan sebelum daripada ini.

Sebagai contoh, kita gabungkan teknologi-teknologi yang dihasilkan oleh pihak universiti ataupun pihak swasta ini mereka ini saling bekerjasama dengan kerajaan dan kerajaan mengiktiraf mereka dan kita akan gunakan sebaik mungkin teknologi ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk Paul Igai: Soalan tambahan.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Kesavadas.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih. Antara strategi yang boleh membantu negara mencapai kelestarian sumber makanan atau *food security* adalah dengan adanya galakan berterusan daripada pihak MAFI dalam aspek penyediaan tanah lapang buat usahawan tani yang ingin mengembangkan perusahaan tanaman pertanian mereka.

Soalan saya, apa bentuk kerjasama yang dijalinkan dengan Kerajaan Negeri Sembilan bagi mengenal pasti tanah-tanah terbiar yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai *Agro Hub* bagi golongan petani luar bandar yang ingin mengusahakan tanaman-tanaman baharu sebagai tambahan kepada tanaman mereka yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' yang prihatin dengan negerinya mudah-mudahan Negeri Sembilan ini akan bangkit menjadi bumi pertanian yang berdaya maju dan berdaya saing.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato', kerajaan sentiasa mengadakan mesyuarat secara bersama antara MAFI dan pihak kerajaan-kerajaan negeri yang ada di seluruh negara kita termasuk Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan dan seumpamanya bagi kita mengenal pasti kawasan-kawasan yang berdaya maju untuk dijadikan kawasan pertanian yang berstrategik.

■1130

Namun, kita berhadapan dengan sedikit permasalahan. Sebagai contoh, tanah-tanah di negara kita ini, apabila kita jadikan dia kawasan penamaan padi sebagai contoh, ataupun untuk ternakan haiwan apabila kita *clear*-kan kawasan ini. Negara kita ini hujan banyak menyebabkan pokok-pokok lain ini tumbuh secara cepat. Kalau kita bandingkan dengan negara-negara di sebelah Eropah, sebagaimana yang disebutkan tadi di Belanda-di Holand. Rumput dia yang sangat menarik dan dia tidak ada pokok-pokok liar yang tumbuh dengan cepat. Itulah masalah yang menyebabkan sawah padi kita yang telah diterokai oleh pihak kerajaan untuk kita jadikan kawasan sawah berskala besar tetapi ia tidak bertahan lama. Kalau tidak di usaha secara berterusan enam bulan, ia akan balik semula dan inilah masalah.

Oleh sebab itulah kita perkenalkan Smart SBB. Apabila syarikat masuk bersama dengan para petani, *insya-Allah*, dia akan berjalan dengan baik.

Saya sebut sebagai contoh di Tebu Hitam di negeri sempadan Pahang dengan Johor. Di mana kalau tidak silap saya, tiga kali kerajaan telah *clear* kawasan ini dan disediakan kepada petani. Namun, dia tumbuh pokok-pokok lain. Gagal. Apabila kita masukkan syarikat yang besar iaitu Koperasi Perladangan. masuk. *Alhamdulillah*, telah dua musim dibuat sawah padi berskala besar dan kejayaan dicapai.

Oleh sebab itu, Smart SBB ini adalah alternatif yang sangat berkesan untuk kita membantu para petani di dalam negara kita untuk mencapai tahap SSL yang lebih selamat. *Insya-Allah*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hui Yew.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada data di dalam buku Laporan Dasar Agromakanan 2021-2030. Di muka surat 28, defisit dalam imbalan dagangan agro makanan pada kadar purata 5.78 peratus setahun. Daripada RM12 bilion pada tahun 2010 kepada RM21.2 bilion pada tahun 2020. Soalan saya ialah, apakah yang telah terjadi? Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menggalakkan perkara ini daripada berulang pada tahun 2021 sehingga 2030?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Robert. Untuk makluman, sebagaimana yang saya tegaskan sekejap tadi, negara kita ini memerlukan kepada bantuan yang sangat tinggi daripada pihak kerajaan sebagaimana saya sebut tadi. Umpamanya tanah. Kerajaan laburkan sejumlah yang besar tetapi dalam waktu yang singkat enam bulan hingga setahun, dia akan balik sebagaimana asal sebab para petani kita ini kalau secara individu atau seorang ambil satu atau dua hektar kadar itu, dia tidak mampu untuk melonjakkan pertanian dia ke tahap yang dikehendaki.

Namun, apabila digabung jalinkan di antara kerajaan, agensi-agensi ataupun GLC yang besar dan yang ketiganya petani. Tiga kumpulan ini disatupadukan, *insya-Allah*, saya kira sebagaimana yang disebut 5.78 peratus yang membabitkan RM12 bilion itu dapat kita kurangkan dari semasa ke semasa.

Namun, proses ini dia *take time* kerana untuk memberi kefahaman kepada para petani dan untuk memberi keyakinan kepada para pelabur dalam kalangan syarikat-syarikat gergasi ini, bukan satu usaha yang mudah. Saya sendiri berpengalaman untuk berbincang dengan tiga kumpulan ini, ia ada kesukaran. Oleh sebab itu, kita perlu mengambil sedikit masa dan *insya-Allah*, kerajaan meletakkan satu komitmen yang tinggi untuk memastikan apa yang berlaku ini semakin hari semakin berkurangan. *Insya-Allah*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Datuk Paul Igai.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan Program SMART Sawah Berskala Besar di Perlis, Terengganu, Sabah dan juga di Batang Lupar, Sarawak. Soalan saya, adakah kementerian bercadang melaksanakan program tersebut di Ba'kelalan dan Bario? Memandangkan Bario mengeluarkan banyak beras yang unik berwarna-warni. Saya baru balik dari Bario dan Ba'kelalan. Saya tengok dia kawasan yang sangat bagus. Cuaca *also* cantik. Terima kasih.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Paul Igai dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Insya-Allah, MAFI telah buat satu keputusan untuk kita benar-benar menerokai kawasan-kawasan dan kalau boleh sebagaimana saya sebut secepat yang mungkin. Saya mengharapkan Yang Berhormat Datuk Pual Igai bersama dengan kami memainkan peranan kerana masalah yang besar apabila kita hendak pergi ke sawah-sawah dan kita hendak cantumkan sawah untuk diurus oleh syarikat secara besar-besaran ini, kita berhadapan dengan berbagai-bagai permasalahan. *Insya-Allah*, permasalahan ini boleh diselesaikan oleh Ahli-ahli politik. *Insya-Allah*, yang mempunyai pengaruh masing-masing.

Kita bagi penjelasan, penerangan dan sememangnya apa yang disebut macam-macam. Ada yang dibandingkan dengan BERNAS. Sebenarnya ini tidak adil kalau kita bandingkan begitu.

Ini merupakan satu program yang baharu, yang tidak pernah dibuat dalam negara kita. Setiap benda yang baharu, kita tidak nafikan ia mempunyai permasalahan-permasalahan. Jadi, yang di Barisan apa semua sekali memang saya akui kawasan ini kawasan yang sesuai dengan projek tanaman berskala besar ini sangat sesuai. *Insyallah*, pihak MAFI telah pun ada keputusan iaitu ada komitmen kita sangat tinggi untuk kita meneruskan program pertanian berskala besar ini. *Insyallah*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan atas jawapan yang diberikan. Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk Sesi Pertanyaan Jawab Lisan kita tamatkan sekarang.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2022

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" **[20 Disember 2021]**

Timbalan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi.

11.38 pg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga semua sidang hadirin Yang Berhormat sekalian. Setinggi-tinggi penghargaan saya ingin merakamkan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2022 dan juga menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pengajian Tinggi.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad: Saya percaya kesemua 32 perkara yang telah disentuh dan diutarakan oleh 11 Ahli Yang Berhormat semasa perbahasan merupakan manifestasi kepada kesungguhan dan keikhlasan untuk bersama-sama mempersadakan kecemerlangan pendidikan tinggi negara.

Saya akan memberi fokus untuk menjelaskan isu-isu dasar yang dibangkitkan mengikut tema-tema yang tertentu. Perkara-perkara spesifik dan operasinya pula, akan saya rumuskan secara umum bagi menjimatkan masa. Sungguhpun begitu, semua isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat amat bermakna kepada kami dan akan diambil perhatian serius oleh pihak kementerian.

Sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua saya minta izin untuk bertanya beberapa minit masa diberikan kepada saya?

Tuan Yang di-Pertua: Seperti yang diputuskan oleh Majlis kelmarin, 15 minit dan bakinya boleh dihantarkan menerusi jawapan bertulis.

■1140

Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih lagi sekali kepada yang pertama, kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair, Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan dan Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu yang telah membawa isu yang berkaitan dengan pendidikan TVET sebagai permulaan kepada penggulangan saya pada pagi ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan telah pun menyentuh mengenai pemerkasaan bidang TVET dan mencadangkan untuk mewujudkan kerjasama dengan industri agar kurikulum yang dibangunkan dapat memenuhi permintaan industri dan meningkatkan kebolehpasaran serta pepadanan kerjaya graduan TVET.

Untuk makluman, dalam usaha menjayakan agenda pemerkasaan TVET, kerajaan telah meluluskan penubuhan Majlis TVET Negara (MTVET) pada 18 Disember 2020, baru-baru ini. Majlis yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini dianggotai oleh empat orang Yang Berhormat Menteri Kanan, sembilan orang Menteri dan Ketua Setiausaha Negara serta dua orang tokoh industri dan dua orang ahli akademik.

MTVET ini berperanan sebagai badan tertinggi pembuat keputusan berkaitan dengan hala tuju TVET negara serta berperanan menyelaraskan ekosistem TVET merentasi kementerian dan semua institusi TVET serta industri. KPT melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti yang telah dipertanggungjawabkan sebagai urus setia induk bagi menyelaraskan majlis ini.

Selain itu, dalam usaha menambahkan nilai kemahiran pelajar dan juga memberi impak positif terhadap aspek guna tenaga pekerjaan serta meningkatkan penglibatan industri, KPT melalui JPPKK telah melaksanakan beberapa inisiatif yang antaranya saya ringkaskan di sini. Ialah pertama, membuat program berpacuan industri melalui *Talent Enhancement Program* (TEP), dengan izin, yang melibatkan aktiviti-aktiviti pembelajaran pelajar di industri-industri yang terpilih. Kedua, pemantapan Program Pendigitalan Dalam Pendidikan TVET ataupun *4IR Flagship*, dengan izin. Ketiga, pelaksanaan program Penjana KPT-CAP dan keempat, menambah baik dasar berkaitan ekosistem TVET melalui Majlis TVET Negara.

Melalui inisiatif seumpama ini, kemahiran graduan diharapkan agar dapat dipertingkatkan selari dengan keperluan industri. Sebagai nilai tambah dan juga untuk menjamin kekuatan sijil TVET ini, untuk makluman Yang Berhormat sekalian, kesemua program TVET yang ditawarkan mendapat akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dan juga Lembaga Jurutera Malaysia (BEM).

Dalam hubungan ini juga, bagi memastikan program-program yang ditawarkan ini tetap bernilai tinggi dan menepati keperluan industri, kementerian sentiasa merujuk kepada pelbagai sumber data dan polisi negara seperti dokumen WKB2030, RMKe-12 serta Laporan Senarai Pekerjaan Kritikal 2019/2020 (COL 2019/2020) yang diterbitkan oleh TalentCorp, data dari ilmiah dan juga Laporan PricewaterhouseCoopers (PwC).

Dalam konteks ini juga, suka saya nyatakan bahawasanya kita memandang serius tentang kepentingan TVET ini dan juga kualiti yang dihasilkan. Oleh sebab itu kebolehpasaran graduan TVET ini menjangkau kepada lebih daripada 95 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan dan Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook atas keprihatinan terhadap kebajikan pelajar-pelajar daripada golongan B40 dalam jurusan TVET ini. Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun mencadangkan agar diwujudkan satu mekanisme bagi membiayai kos pengajian serta disediakan elaun khas untuk pelajar dari keluarga B40.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada masa ini JPPKK melalui bahagian biasiswa telah menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar kolej komuniti kepada pelajar program sijil kolej komuniti yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Bermula pada tahun 2021, syarat penerima bantuan kewangan ini telah diperluaskan daripada had keluarga yang berpendapatan RM3,000 kepada pelajar daripada keluarga yang berpendapatan B40.

Selain itu, tempoh pemberian bantuan juga telah dipinda daripada dua semester kepada tiga semester. Maknanya peningkatan kepada satu semester di awal pengajian dengan jumlah keseluruhan bantuan yang diterima sebanyak RM5,400. Selain itu juga, terdapat agensi-agensi luar yang turut menawarkan dermasiswa atau bantuan kepada pelajar-pelajar di politeknik atau kolej komuniti yang antaranya adalah seperti saya nyatakan di sini; Yayasan Tenaga Nasional, Yayasan Sime Darby, Lembaga Zakat negeri dan beberapa buah agensi yang lain lagi.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan dan Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu juga telah menyentuh berkenaan sistem penarafan bagi institut TVET dalam memenuhi keperluan pasaran kerja dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, program-program TVET di Malaysia dikawal selia oleh dua badan agensi sebagaimana saya nyatakan sebentar tadi. Di bawah pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET, MQA dan JPK telah melaksanakan Jaminan Kualiti Program TVET berpandukan kepada standard TVET yang tertera di dalam Kod Amalan Akreditasi Program TVET atau lebih dikenali sebagai *Code of Practice for TVET Program Accreditation* (COPTPA).

Justeru, adalah diharapkan dengan pemakaian COPTPA ini dalam proses jaminan kualiti program TVET termasuk program-program yang menjurus kepada bidang yang berkaitan IIR4.0 akan dapat menghasilkan graduan tersedia industri yang boleh memenuhi kehendak pasaran kerja dan kerjaya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair juga bertanyakan berkenaan dengan mekanisme yang diambil oleh pihak kementerian dalam mendorong lepasan SPM dan STPM terutamanya yang berbangsa Cina dan India untuk menyertai bidang TVET.

Untuk makluman Yang Berhormat, KPT menyokong aspirasi nasional 'Keluarga Malaysia' yang dilancarkan oleh kerajaan khususnya dalam aspek penyediaan akses pendidikan tinggi kepada semua kaum dan ini dapat dilihat melalui penerapan dan penetapan syarat-syarat kemasukan pelajar ke politeknik dan kolej komuniti yang terbuka kepada semua warganegara tanpa mengira kaum.

Oleh itu, semua lepasan menengah berstatus warganegara Malaysia berpeluang untuk melanjutkan pengajian di politeknik dan kolej komuniti berdasarkan syarat kelayakan yang bersesuaian, tidak ada sebarang kuota yang ditetapkan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, sehingga 30 April 2021, data enrolmen pelajar berbangsa Cina dan India yang melanjutkan pelajaran ke politeknik adalah seramai 2,090 orang bagi pelajar berbangsa Cina dan 8,026 bagi pelajar berbangsa India. Bagi menggalakkan lebih ramai kemasukan pelajar kaum Cina dan India serta kaum-kaum lain dalam bidang TVET, aktiviti promosi ke sekolah vernakular bagi memberikan pendedahan dan pengetahuan peluang pembelajaran dalam bidang TVET di politeknik dan kolej komuniti akan terus diperhebat pada masa akan datang.

Dalam konteks ini, saya juga suka untuk menyeru kepada semua Yang Berhormat agar bersama-sama memainkan peranan untuk kita mempromosikan TVET ini kepada kaum-kaum bukan bumiputera supaya agenda untuk memperluaskan TVET ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin menyeluruh merentas semua kaum. Ini adalah penting dan ini merupakan tanggungjawab kita bersama.

Ucapan terima kasih juga saya berikan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan yang telah menyarankan untuk memperkasakan program latihan industri berstruktur (SIP) serta meningkatkan penglibatan syarikat-syarikat korporat untuk mengambil pelajar-pelajar tempatan menjalani latihan industri di syarikat mereka.

Suka saya kongsi kan di sini, KPT melalui JPPKK telah pun melaksanakan program latihan industri berstruktur (SIP). Program ini merupakan program penempatan pelajar latihan industri secara berstruktur dan seterusnya ditawarkan penempatan di industri secara kekal sekiranya layak.

Untuk makluman semua, sehingga September 2021 sebanyak 21 buah industri telah menawarkan penempatan kepada 2,968 orang pelajar tahun akhir untuk menjalani latihan industri dan sekali gus menawarkan penempatan pekerjaan. Antara syarikat yang terlibat, saya nyatakan di sini adalah antaranya *Western Digital, Panasonic, Sushi King* dan *Maybank*.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, syarikat-syarikat yang mengambil pelajar untuk menjalani SIP ini telah pun diperakui oleh TalentCorp dan layak mendapat insentif potongan cukai dua kali untuk perbelanjaan berkaitan yang ditanggung oleh pelatih semasa program berkenaan. Maknanya syarikat yang terlibat ini akan mendapat inisiatif potongan cukai jikalau mereka *commit* dengan apa yang telah pun kita usahakan.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias juga telah mengutarakan cadangan untuk menubuhkan pusat-pusat latihan dalam bidang sektor pembinaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bidang pembinaan merupakan salah satu bidang utama yang ditawarkan oleh politeknik serta kolej komuniti. Bagi mempersiapkan graduan dan komuniti dengan pengetahuan serta kemahiran terkini dalam bidang pembinaan, JPPKK telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan *Center of Building Technology (COBTEch)* di Politeknik Melaka yang menjadi pusat rujukan dalam bidang pembinaan. COT ini juga merupakan rakan kolaborasi aktif bersama CIDB atau Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta telah mendapat tauliah sebagai pusat penilaian kompetensi dalam teknologi bangunan.

■1150

Penubuhan COT dalam bidang pembinaan ini bukan sahaja memperkukuhkan lagi set kemahiran yang diperlukan pelajar malahan terus membantu memperkasakan lagi kemahiran pekerja sedia ada seiring dengan keperluan...

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri ya, mungkin atau tidak istilah-istilah kependekan Inggeris itu ada dalam Bahasa Kebangsaan?

Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad: Saya fikir ada.

Tuan Yang di-Pertua: Itu mohonlah ya.

Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bak kata orang, langkah seribu dimulakan yang pertama.

Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad: Saya amat setuju. Saya akan sarankan kepada kementerian nanti untuk membahaskan semua dengan Bahasa Melayu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Terima kasih.

Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin jelaskan di sini adalah berkaitan dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ataupun lebih dikenali sebagai PTPTN dan ini mendapat respons yang cukup positif daripada Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz, Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Akmaz yang telah mengemukakan beberapa soalan mengenai diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, model pembiayaan yang diguna pakai oleh PTPTN amat bergantung kepada prestasi pembayaran balik sebagai sumber dana utama bagi pembiayaan pinjaman sedia ada dan juga baharu. Pemberian insentif diskaun bayaran balik yang telah pun dilaksanakan oleh PTPTN secara berperingkat mulai 2012 sehingga akhir 2018 adalah antara lain berjaya menarik minat peminjam yang tidak pernah membuat pembayaran balik serta peminjam yang membuat bayaran balik secara konsisten untuk tampil membuat perundingan seterusnya mula membuat bayaran balik secara konsisten serta pembayaran secara penyelesaian penuh.

Adalah diharapkan pemberian insentif diskaun pembayaran balik oleh kerajaan akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh peminjam untuk tampil membuat bayaran balik secara lebih awal dan konsisten seterusnya membantu untuk mengukuhkan kedudukan kewangan PTPTN.

Kementerian juga turut mengambil maklum cadangan agar pelaksanaan insentif diskaun ini dilanjutkan. Walau bagaimanapun, ia adalah tertakluk kepada kajian lanjut mengenai implikasi kewangan serta kelulusan kerajaan. Ini kerana apabila PTPTN terpaksa membuat diskaun, PTPTN terpaksa membuat sebenarnya permohonan kepada MOF dan MOF akan memberikan bergantung kepada kelulusan daripada MOF.

Sebagai yang terakhir kerana masa tidak mengizinkan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan juga telah bertanya mengenai hala tuju penerima biasiswa MyBrainSc, dengan izin, serta sejauh mana keberhasilan graduan ini dalam memenuhi keperluan pendidikan negara.

Untuk makluman, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 September 2011 telah bersetuju supaya diwujudkan satu skim biasiswa MyBrain- minta maaf, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah terima benda ini daripada awal begini jadi saya terpaksa cakap begitu. MyBrainSc untuk penajaan di peringkat ijazah pertama dan pascaijazah dalam bidang sains...

Tuan Yang di-Pertua: Ikut Bahasa Kebangsaan sahaja, "otak saya"....

Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad: [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi tidaklah kena, bukan?

Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah, dia beri masa.

Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad: Ya. Oleh sebab saya masuk kementerian, sudah ada program ini.

Tuan Yang di-Pertua: Faham, faham.

Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad: Maka saya terpaksa teruskan. Untuk makluman semua, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 September 2011 telah bersetuju supaya diwujudkan satu skim biasiswa *MyBrain* untuk penajaan di peringkat Ijazah Pertama dan Pascaijazah dalam bidang sains tulen di IPT dalam negara dan di universiti-universiti terkemuka di luar negara. Program biasiswa ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Pertama dan Pascaijazah secara sepenuh masa dalam bidang sains tulen.

Untuk makluman semua sehingga 1 Disember 2021, terdapat seramai 1,087 orang pelajar yang telah ditawarkan biasiswa di bawah program ini. Daripada jumlah tersebut seramai 535 telah berjaya menamatkan pengajian manakala selebihnya dalam proses pengajian. Berdasarkan maklum balas, graduan program ini sedang bekerja dalam bidang pendidikan, penyelidikan, kejuruteraan dan juga Pegawai Sains.

Bagi pelajar menerima penajaan *MyBrainSc* di peringkat Sarjana Muda, adalah didapati mereka cenderung untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian lebih tinggi termasuk ke peringkat PhD. Berdasarkan status pencapaian tersebut, program ini telah berjaya memenuhi objektif pewujudannya iaitu antara lain untuk melahirkan penyelidik yang mampu menyumbang kepada kemajuan sains dan teknologi pada masa hadapan dan menggalakkan pelajar cemerlang menceburi bidang sains tulen.

Tuan Yang di-Pertua serta hadirin Dewan sekalian, saya fikir masa sudah tidak mencukupi. Untuk itu saya dengan ini mengucapkan lagi sekali terima kasih bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi atas keprihatinan dan juga atas sokongan berterusan oleh semua Ahli Yang Berhormat di dalam memartabatkan kecemerlangan pendidikan tinggi negara yang telah diterajui oleh kementerian. Perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya sentuh kerana kesuntukan masa akan dijawab secara bertulis. Sekian, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi atas jawapan yang disediakan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat dan diselitkan dengan harapan semoga istilah-istilah yang dalam bahasa Inggeris itu ada jua hendaknya dalam Bahasa Kebangsaan.

Kementerian Kesihatan.

11.55 pg.

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... *[Berselawat] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia, sihat sejahtera.*

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak KKM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada segala soalan dan cadangan yang dibangkitkan oleh 14 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2022. Saya akan merangkumkan isu-isu ini ke dalam empat perkara asas iaitu:

- (i) kesihatan awam;
- (ii) pengurusan sumber manusia;
- (iii) naik taraf dan pembinaan fasiliti kesihatan; dan
- (iv) industri pelancongan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan tema Bajet 2022 "Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera" agenda kesihatan rakyat terus diberi tumpuan oleh pihak kerajaan. Sehubungan dengan itu, dalam bajet ini Kementerian Kesihatan telah mendapat peruntukan sebanyak RM32.41 bilion iaitu peningkatan sebanyak 1.5 peratus berbanding dengan tahun lepas. Daripada jumlah tersebut, RM28.03 bilion disediakan di bawah belanja mengurus dan sejumlah RM4.38 bilion di bawah peruntukan pembangunan. Ini merupakan 9.76 peratus daripada peruntukan keseluruhan Kerajaan Persekutuan 2022 yang berjumlah RM332.1 bilion dan bersamaan dengan 20.1 peratus daripada KDNK tahun 2021.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada perkara kesihatan awam. Yang Berhormat Senator Datuk Mohan telah membangkitkan mengenai peruntukan yang diperuntukkan kepada Kementerian Kesihatan di bawah Bajet 2022 untuk mendepani kebarangkalian gelombang seterusnya daripada varian baharu seperti *Omicron*.

Belanjawan 2022, Kementerian Kesihatan telah diluluskan sebanyak RM1.8 bilion di bawah Kumpulan Wang COVID-19 tahun 2022 bagi tujuan rawatan dan saringan COVID-19 yang merangkumi keperluan bagi bekalan perubatan. Aktiviti penyumberluan yang melibatkan pesakit, sampel makmal dan kawalan kuarantin serta pembersihan sisa klinikal di pusat kuarantin rendah COVID-19.

Pada masa yang sama, Kementerian Kesihatan juga telah diperuntukkan tambahan sebanyak RM1 bilion di bawah Kumpulan Wang Amanah Negara menjadikan keseluruhan peruntukan yang diterima di bawah KWAN adalah sebanyak RM6 bilion bagi tujuan perolehan vaksin serta lain-lain perbelanjaan seperti pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan termasuklah bagi tujuan pemberian dos penggalak kepada populasi dewasa. Peruntukan ini adalah mencukupi buat masa ini untuk menangani wabak COVID-19 termasuklah kemunculan varian baharu seperti *Omicron*. Sekiranya terdapat keperluan, Kementerian Kesihatan akan memohon peruntukan tambahan daripada pihak Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada isu-isu kesihatan mental yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba. Pada tahun 2021 sebanyak RM24.6 juta telah diperuntukkan bagi menangani isu-isu kesihatan mental. Peruntukan ini digunakan dengan sebaiknya dalam usaha KKM memperkasakan perkhidmatan kesihatan mental untuk rakyat secara menyeluruh. Perincian perbelanjaan peruntukan itu menggunakan bajet- B11 sebanyak RM24.6 juta adalah seperti berikut:

- (i) pelaksanaan kempen media *Let's TALK* Minda Sihat secara bersepadu bersama kementerian-kementerian, agensi dan badan bukan kerajaan sebanyak RM4 juta;
- (ii) pelaksanaan Program Kesihatan Mental, Pencegahan Kecederaan dan Keganasan dan Penyalahgunaan Substans di peringkat negeri sebanyak RM3.49 juta;
- (iii) perluasan perkhidmatan kesihatan mental dan sokongan psikososial di lapangan sebanyak RM3.69 juta;
- (iv) ubat-ubatan bagi perkhidmatan kesihatan mental di peringkat kesihatan primer sebanyak RM5 juta;
- (v) perluasan perkhidmatan kesihatan mental di hospital dan pusat MENTARI sebanyak RM1.6 juta;

■1200

Seterusnya, peruntukan kepada badan-badan bukan kerajaan (NGO) bagi pelaksanaan program advokasi dan promosi kesihatan mental sebanyak RM4.68 juta. Ketujuh, pengukuhan Program Minda Sihat Sekolah di KPM sebanyak RM1 juta. Kelapan; penyelidikan kesihatan mental sebanyak RM1.135 juta.

Hala tuju seterusnya bagi tahun 2022 adalah untuk menambah baik perkhidmatan kesihatan mental demi meningkatkan kesejahteraan minda masyarakat yang mana peruntukan yang diberikan akan digunakan untuk aktiviti advokasi, pencegahan dan pengesanan awal serta perkhidmatan rawatan kesihatan mental dan psikiatri pada peringkat komuniti serta kemudahan kesihatan.

Sehubungan dengan itu, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM70 juta bagi tujuan program ini. Sebanyak RM40 juta diberikan kepada Kementerian Kesihatan dan sebanyak RM30 juta diberikan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Kementerian Kesihatan juga sedang merencana penubuhan Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan bagi meminimumkan jurang perkhidmatan kesihatan mental kepada masyarakat melalui sesi libat urus untuk mengumpulkan input daripada pelbagai pihak berkepentingan. Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan ini akan bertindak sebagai pusat tabdir urus dan koordinasi aktiviti kesihatan mental yang memberi tumpuan kepada skop berikut:

- (i) program promosi dan pencegahan kesihatan mental;
- (ii) pencegahan bunuh diri dan talian krisis kebangsaan;
- (iii) latihan dan penyelidikan;
- (iv) *surveillance*;
- (v) kesiapsiagaan kesihatan mental semasa bencana dan sokongan psikososial.

Pada tahun 2021, sebanyak RM3.8 juta telah diperuntukkan bagi pusat MENTARI. Manakala bagi tahun 2022, kementerian merancang untuk menambah empat lagi pusat MENTARI dengan penambahan peruntukan sebanyak RM4 juta. Ini menjadikan jumlah keseluruhan pusat MENTARI sebanyak 34 buah di seluruh negara menjelang tahun 2022.

Berhubung saranan Yang Berhormat Ir. Ts. Khairil Nizam bin Khirudin mengenai khidmat sokongan psikososial kepada keluarga yang mempunyai anak *cerebral palsy*.

Selain menyediakan talian panas, Kementerian Kesihatan juga turun ke lapangan untuk memberikan khidmat sokongan psikososial melalui penyediaan perkhidmatan kesihatan jangka panjang kepada OKU dan penjaga yang hadir ke Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.

Untuk rancangan jangka panjang, Kementerian Kesihatan juga bekerjasama dengan NGO dengan mengadakan aktiviti advokasi kesihatan mental secara aktif dan menyeluruh seperti menyediakan perkhidmatan talian bantuan psikososial, talian krisis dan intervensi tingkah laku bunuh diri serta bantuan awal kesihatan mental. Sehingga kini, sebanyak 31 buah NGO terlibat secara aktif. Antaranya *Green Ribbon Group*, *Malaysian Mental Health Association* dan *The Befrienders*.

Berkenaan dengan isu pengurusan sumber manusia, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan dan Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz bertanyakan tentang isu pelantikan doktor kontrak dan bilangan doktor kontrak yang telah diberikan tawaran menyambung kontrak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, kerajaan pada 14 Julai 2021 telah bersetuju supaya Pegawai Perubatan lantikan kontrak yang telah melengkapkan tempoh khidmat wajib selama dua tahun dilanjutkan tempoh kontrak selama dua tahun lagi bagi membolehkan pegawai membuat persediaan untuk menyambung pelajaran.

Daripada jumlah seramai 10,583 orang Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi berstatus kontrak, Kementerian Kesihatan telah menawarkan pelanjutan kontrak bagi tujuan kesinambungan perkhidmatan atau persediaan pengajian kepakaran kepada seramai 3,589 orang Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi untuk tempoh selama dua tahun, mulai 1 Januari 2002. Manakala baki seramai 6,994 orang pegawai lagi akan ditawarkan kontrak baharu secara berperingkat sehari selepas kontrak khidmat wajib mereka tamat.

Dalam tempoh selama dua tahun bagi lanjutan kontrak, sekiranya pegawai ditawarkan pengajian kepakaran, maka pegawai akan ditawarkan kontrak lanjutan selama empat tahun lagi bagi mengikuti pengajian kepakaran. Kerajaan juga sangat prihatin dalam menangani isu doktor kontrak agar sebuah pelan menyeluruh dapat dihasilkan bagi menyediakan langkah penyelesaian yang baik.

Justeru, Kementerian Kesihatan pada 2 Disember telah mengadakan bengkel antara kementerian-kementerian melibatkan wakil-wakil daripada Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, kementerian-kementerian lain yang berkepentingan bagi meneliti keperluan perjawatan...

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah

Tuan Yang di-Pertua: Minta kebenaran beliau.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Sekejap ya- dan hala tuju Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, dan Pegawai Farmasi. Perkara ini akan dikemukakan kepada kerajaan untuk pertimbangan dan keputusan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada permohonan.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Silakan.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi saya dengar jawapan kontrak. Selepas kontrak, disambung kontrak, disambung kontrak. Jadi, bilakah kesudahan kontrak ini akan selesai? Adakah tidak ditawarkan doktor-doktor ini sebagai jawatan tetap sebelum kita kehilangan kepakaran mereka? Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memahami kebimbangan dan kekusaran Yang Berhormat. Ini memang kita berhasrat dan saya telah nyatakan berkali-kali sebelum ini juga. Kerajaan kita di KKM sedang memikirkan bagaimana cara untuk menyelesaikan masalah ini.

Oleh sebab itu, bengkel yang terkini yang dilakukan pada 2 Disember yang melibatkan Kementerian Kewangan, KPT dan yang berkepentingan memikirkan semasak-masaknya perkara ini. Perkara ini akan dibawa kepada Kabinet untuk perbincangan seterusnya.

Insyah-Allah, satu hari lagi saya yakin akan dapat penyelesaian yang baik untuk doktor-doktor kontrak kita. Kita sedang berusaha ke arah itu dengan bersungguh-sungguh.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair telah menyentuh beberapa isu tentang pelancongan kesihatan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada 1 November 2021, Kementerian Kesihatan telah melancarkan Pelan Tindakan Industri Pelancongan Kesihatan Malaysia 2021-2025 untuk tujuan memulihkan dan membangunkan semula industri ini. Agensi yang terlibat secara langsung ialah *Malaysia Healthcare Travel Council* (MHTC). Pelan tindakan ini tertumpu khusus kepada kerjasama kerajaan dan hospital-hospital swasta terpilih yang memenuhi kriteria-kriteria tertentu sahaja bagi memastikan pelancongan kesihatan mendapat perkhidmatan yang terbaik.

Antara inisiatif pelaburan atau usaha baharu bagi melaksanakan pelan tindakan ini; pertama ialah melaksanakan program *Flagship Medical Tourism Hospitals* dalam usaha untuk mengenal pasti hospital-hospital ikon swasta yang benar-benar mempunyai komitmen untuk melabur serta melonjakkan kepakaran bagi menjamin keunggulan perubatan serta perkhidmatan mereka ke peringkat global.

Kedua ialah melaksanakan Kerangka Digital Industri Pelancongan Kesihatan bagi memperbaiki pengalaman pelancongan kesihatan di sepanjang rantai penerimaan rawatan mereka di Malaysia. Ini termasuklah menggalakkan hospital-hospital untuk mengadaptasi konsultasi dan rawatan secara dalam talian serta menawarkan perkhidmatan secara keseluruhan termasuk perubatan, pergigian, rawatan mata, rehabilitasi dan kesejahteraan kesihatan.

Ketiga ialah merencanakan lagi penjenamaan Malaysia sebagai destinasi rawatan khusus melalui program *Cardiology Hub of Asia*, *Fertility Hub of Asia*, *Malaysia Cancer Centre of Excellence* dan *Malaysia as the Hepatitis C Treatment Hub*. Bagi klinik-klinik dan hospital-hospital awam pula, Kementerian Kesihatan akan terus berusaha untuk meningkatkan pembangunan kualiti penjagaan dan perkhidmatan kesihatan sektor awam seperti yang telah digariskan dalam Rangka Tindakan Strategik Program Perubatan 2021-2025.

Selain itu, Kementerian Kesihatan juga akan menyertai Expo Dubai 2020 pada minggu ke-14 iaitu bermula pada 2 hingga 8 Januari 2022 bagi mengetengahkan kecemerlangan industri pelancongan kesihatan negara atau *Malaysia's healthcare excellence* dengan sasaran penjana pelaburan sebanyak RM500 juta.

Ada masa sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, saya...

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi tiga minit.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Ada sedikit. Saya akan teruskan. Saya hendak beralih kepada isu-isu pembangunan dan kemudahan. Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair lagi telah meminta agar perkhidmatan ambulans ditingkatkan. Saya memilih topik ini kerana topik ini sangat penting. Hal ini kerana kalau kita ada semua, ada pakar, ada hospital baik tetapi ambulans kita teruk, pesakit tidak dapat diselamatkan di tengah jalan.

Jadi, beberapa langkah telah dan sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan dalam usaha untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan ambulans secara keseluruhan. Antaranya merupakan perolehan kenderaan ambulans sedang dilaksanakan bagi menampung keperluan di semua kemudahan kesihatan dan juga kerjasama erat agensi kerajaan dan NGO seperti Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Persatuan Bulan Sabit Merah, dan St. John's Ambulance Malaysia bagi perkhidmatan ambulans yang berterusan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan juga telah mengenal pasti kawasan-kawasan *hotspot* atau panaslah, iaitu lokasi yang banyak menerima beban panggilan kecemasan atau insiden melebihi empat kes sehari dan masa perjalanan ke lokasi kecemasan dan kemudahan kesihatan terdekat dalam lingkungan 30 minit dengan meletakkan pasukan perubatan dan ambulans di kawasan-kawasan tersebut.

Pada masa yang sama, Kementerian Kesihatan turut menambah bilangan ambulans dengan melaksanakan penyumberluan perkhidmatan ambulans kepada syarikat swasta bermula dari tahun 2021.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Kesihatan sedang mengkaji secara menyeluruh kesesuaian pasukan kecemasan termasuk penggubalan Akta Perkhidmatan Kesihatan Kecemasan dengan meletakkan perkhidmatan yang sama di negara-negara luar seperti *United Kingdom* sebagai penanda aras.

■1210

Selain itu, kementerian juga sedang membangunkan peraturan-peraturan baharu bagi mengawal selia perkhidmatan ambulans swasta- di sini disebut *stand alone*. Jadi saya sebut, berdiri sendiri Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] yang akan dipinda bagi membolehkan perkhidmatan ini dikawal selia dengan lebih baik lagi. Peraturan-peraturan baharu ini akan melibatkan penetapan standard bagi spesifikasi ambulans, kelayakan personel peralatan serta perkhidmatan yang diberikan bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang terbaik dan menjamin keselamatan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh ditanya sedikit Yang Berhormat? Adakah termasuk dalam penyelarasan caj ataupun bayaran yang dikenakan kepada rakyat dalam pindaan yang dicadangkan itu? Ini disebabkan sekarang didapati bahawa rakyat mengadu tidak mampu hendak bayar khidmat kesihatan di hospital-hospital swasta. Masa itu tidak saya kira.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: [Ketawa] Maksud Tuan Yang di-Pertua, pembayaran kepada hospital swasta?

Tuan Yang di-Pertua: Khidmat kepada rakyat tinggi di hospital-hospital swasta. Jadi, adakah pihak kementerian juga akan menyelia perkara itu?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memahami pertanyaan Tuan Yang di-Pertua itu. Memang perkhidmatan di hospital swasta ini di bawah akta yang saya sebutkan tadi, kita menyelia caj yang dikenakan untuk contohnya konsultasi, sama ada doktor-doktor pakar di hospital swasta ataupun doktor-doktor di swasta, di klinik persendirian. Ini diselia, tetapi penggunaan umpamanya rawatan dan juga segala kelengkapan yang ada di hospital-hospital swasta itu adalah di bawah kuasa mereka sendiri.

Jadi, terpulanglah kepada pihak hospital swasta untuk menilai bagaimana untuk membantu rakyat. Di samping hendak buat *business*, tetapi juga membantu rakyat dan tidak mengenakan caj-caj yang sangat tinggi. Sudah pasti saya percaya dengan tumbuhnya banyak hospital swasta sekarang ini, sudah pasti ada persaingan yang hebat, persaingan yang sihat antara mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang bersaing, tambah mahal sudahlah.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: [Ketawa] Jadi ...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Saing jangan murahlah, jangan terlampau mahal. Jadi- sudah sampai masanya pun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Eh, tidak apa.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Segala- saya tak sempat. Sekian sahaja.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya? Satu.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan, yang saya soal tadi, jangan masuk kira.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Ya, saya faham.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak adil kalau ada yang hendak ditambah sedikit, boleh.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Saya ada satu soalan.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Berikan kepada...

Tuan Yang di-Pertua: Nanti tidak boleh, Timbalan Menteri yang kena.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Yang penting.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: *[Ketawa]* Kebetulan Tuan Yang di-Pertua, saya pun sudah- sebenarnya ada banyak lagi. Ada banyak lagi kalau saya mulakan memang tidak cukup langsung. Jadi saya rasa saya hendak habiskan di sini. Segala persoalan yang saya tidak dapat sentuh, saya akan jawab secara bertulis.

Seperti yang saya sudah sebutkan di permulaan tadi, mukadimah tadi Tuan Yang di-Pertua, saya memberikan keutamaan kepada topik-topik yang panas ini, berkenaan dengan doktor-doktor kontrak, berkenaan dengan kesihatan mental, berkenaan dengan pelancongan kesihatan dan juga masalah ambulans. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, ya.

Rangkap-rangkap di hulu;

Ada durian di kemudian.

Yang sudah bercakap habislah dahulu;

Yang hendak jawab ada kemudian.

Saya dengan itu mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri Kesihatan atas jawapan beliau dan diminta supaya soal keberkesanan khidmat kesihatan swasta itu dapat dibawa oleh Jawatankuasa Sejahtera Dewan Negara, *insya-Allah*.

Dipohon kepada Kementerian Perpaduan Negara, silakan.

12.14 tgh.

Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon turunkan *mask* saya sekali lagi pada sesi penggulungan pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua: Eloklah turunkan. Saya pun sudah lama turunkan.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Okey... *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sepatutnya 'Baiklah' itu.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Ya. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam perpaduan, salam Keluarga Malaysia yang saya kasihi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan bagi tahun 2022 yang telah pun menyentuh tentang peranan Kementerian Perpaduan Negara iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair. Terima kasih ya Dato'. Ada beberapa perkara yang telah pun dibangkitkan. Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai dan Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu.

Saya mohon Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang ada di dalam Dewan ini. Kepada mana-mana yang tidak ada, izinkan saya untuk menjawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, setuju. Baik.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, mewujudkan landskap- Dato', ya, Yang Berhormat Dato' ada. Pertama, mewujudkan landskap pendidikan masa hadapan yang inklusif, yang boleh merayakan kebersamaan anak-anak pelbagai kaum.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Dato' bahawa sehingga kini, Kementerian Perpaduan Negara telah pun mempunyai 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara dengan melibatkan sejumlah 37,319 orang kanak-kanak yang berusia empat hingga enam tahun. Bagi tenaga pengajar pula, kami mempunyai seramai 3,439 orang guru dan juga penolong guru bagi semua 1,781 buah tabika.

Kementerian Perpaduan Negara telah pun mengambil inisiatif Yang Berhormat Senator, membangunkan Pelan Pendidikan Awal Kanak-kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 yang telah pun dilancarkan pada 24 Julai 2021, pada tahun ini. Pelan ini menggariskan enam teras:

- (i) memantapkan elemen kenegaraan, perpaduan dan nilai murni dalam kurikulum pembelajaran dan juga pengajaran di peringkat semua Tabika Perpaduan;
- (ii) untuk kita memantapkan pengajaran dan pembelajaran;
- (iii) memantapkan profesionalisme dan kepakaran guru Tabika Perpaduan;
- (iv) memantapkan tadbir urus pengurusan dan pengoperasian Tabika Perpaduan;
- (v) mengukuhkan jalinan kerjasama antara Tabika Perpaduan bersama dengan komuniti setempat; dan
- (vi) untuk kita perkasakan mekanisme pemantauan dan penilaian pengurusan pengoperasian tabika kita.

Jadi, bila menjawab kepada soalan Yang Berhormat Senator tadi, apa landskap pendidikan masa hadapan yang inklusif yang kita sediakan terutamanya dalam mendidik anak-anak kita yang terdiri daripada pelbagai kaum yang menjadi murid-murid di Tabika Perpaduan di peringkat Kementerian Perpaduan Negara.

Antara inisiatif baharu yang kita perkenalkan Yang Berhormat Senator Dato', menerusi Program Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Tabika-tabika Perpaduan kita bagi kita meningkatkan lagi penyertaan murid pelbagai kaum yang ada. Ini kerana Tabika Perpaduan ini adalah tabika yang diwujudkan untuk kita menyemai semangat perpaduan dan juga nilai-nilai dalam Keluarga Malaysia bermula daripada pendidikan awal kanak-kanak. Maka kerana itu, beberapa inisiatif baharu yang telah pun diperkenalkan.

Pertama ialah modul pendidikan penghayatan Rukun Negara. Modul pendidikan penghayatan Rukun Negara ini bertujuan untuk kita pupuk semangat cinta akan negara di peringkat awal usia kanak-kanak. Kedua ialah penghasilan buku khusus iaitu buku pendidikan Rukun Negara.

Seterusnya, kepada inisiatif yang kedua iaitu modul asas komunikasi pelbagai bahasa. Ini bukan mata pelajaran Yang Berhormat, tetapi ini merupakan asas komunikasi. Kita perkenalkan untuk tahun depan, kita akan mulakan pengajaran bahasa komunikasi iaitu yang pertama, Bahasa Mandarin; kedua, Bahasa Tamil; ketiga, Bahasa Kadazan bagi negeri Sabah; keempat, Bahasa Iban bagi negeri Sarawak; dan bahasa isyarat yang telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi.

■1220

Ketiga, membabitkan buku-buku aktiviti Tabika Perpaduan dan juga lembaran kerja bagi semua mata pelajaran yang ada termasuk Pendidikan Moral, Pendidikan Agama, Pendidikan Buku Kemahiran Jom Urus Diri.

Bagi pembukaan kepada perancangan tabika-tabika baharu kita Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara telah pun menambahbaikkan lagi kriteria dan syarat penubuhan dengan menetapkan komposisi kaum sebagai kriteria utama bagi mana-mana permohonan untuk mewujudkan kelas-kelas Tabika Perpaduan yang baharu.

Selain daripada itu, kita juga di peringkat Kementerian Perpaduan Negara melalui Pejabat Pegawai-pegawai Perpaduan Daerah kita akan adakan kaji selidik ke atas kecenderungan ibu bapa yang terdiri daripada pelbagai kaum dalam komuniti setempat yang akan dilaksanakan sebelum satu-satu keputusan untuk kelulusan Tabika Perpaduan itu dibuat. Ini merupakan usaha untuk kita mengukur keperluan sebenar komuniti setempat dan untuk melibatkan kepelbagaian kaum terutama ibu bapa yang menjadi sebahagian daripada komuniti. Seterusnya, menjawab kepada persoalan kedua... [Disampuk]

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Yang Berhormat Senator Datuk Razali hendak tanya saya?

Datuk Razali bin Idris: Penjelasan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Senator Datuk Razali.

Datuk Razali bin Idris: Penjelasan sedikit.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Okey.

Datuk Razali bin Idris: Saya terkesan dengan Yang Berhormat Menteri sebut tentang Rukun Negara. Kita semai daripada rebung lagi. Jadi, tabika selepas Tabika Perpaduan, dia akan pergi kepada sekolah Darjah 1.

Saya hendak tahu, sejauh mana kaitan ataupun hubungan ataupun usaha sama di antara Tabika Perpaduan dengan Kementerian Pendidikan. Ini disebabkan pada hari ini kita lihat ramai di kalangan pelajar yang masih tidak tahu apa itu lima Rukun Negara. Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang dan Kesopanan dan Kesusilaan. Dia tidak boleh lancar serupa kita.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Razali bin Idris: Jadi, kaitan di antara Tabika Perpaduan dengan Kementerian Pendidikan ini amat penting. So, sejauh mana kerjasama di antara dua kementerian ini? Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, bagaimanakah? Sila.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali. Hari ini suara tidak berapa bagus, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia ikut hujan itu.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Itulah hujan punya fasal, satu. Kedua, hendak menjawab soalan tambahan pula kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali ini... [Ketawa] Tambah serak suara aku nampaknya.

Tuan Yang di-Pertua... [Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Dia kuat sangat gelak dia tadi itu cepatlah jawab.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Itulah. Hendak jawablah ini. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Razali, apa yang saya sebutkan tadi ya Yang Berhormat Senator Datuk, Pelan Pendidikan Awal Kanak-kanak. Sebelum ini tiada. Kita baru bangunkan. Baru lancar bulan Julai seperti yang saya sebutkan tadi. Saya dah sebutkan apa inti pati bagi pelaksanaan pelan itu. Apa modulnya, apa aspirasinya.

Saya juga hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali, bagi Tabika Perpaduan ini Tuan Yang di-Pertua, kita gunakan kurikulum di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KSPK), kita gunakan. Kita tertakluk kepada syarat-syarat yang telah pun diletakkan oleh kementerian dalam pengurusan tadika kita dan juga dalam pada kita hendak meletakkan mata-mata pelajaran mengikut *syllabus* yang telah pun ditetapkan oleh KSPK di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, Yang Berhormat Senator Datuk.

Bagi dan bila kita dah selesai, makna kerjasama di antara Kementerian Perpaduan Negara dengan Kementerian Pendidikan Malaysia itu sudah terjalin bermula daripada pendidikan awal kanak-kanak Yang Berhormat Senator Datuk Razali, di peringkat tadika iaitu sebanyak 1,780 buah tadika di bawah Kementerian Perpaduan Negara. Melalui KSPK iaitu *syllabus* yang ditentukan yang saya sebutkan oleh KPM tadi. Itu yang pertama.

Bila anak-anak ini beralih kepada sistem pendidikan rendah dan menengah Tuan Yang di-Pertua, kerjasama antara Kementerian Perpaduan Negara itu tetap diteruskan daripada pendidikan awal kanak-kanak kepada pendidikan anak-anak di sekolah rendah dan sekolah menengah. Kita wujudkan kelab-kelab Rukun Negara. Kita wujudkan kelab-kelab Rukun Negara di sekolah rendah dan juga di sekolah menengah. Untuk kita teruskan agenda pengukuhan pendidikan penghayatan Rukun Negara ini.

Selepas saja selesai di peringkat Darjah 1 hingga Darjah 6, Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 dan melalui aktiviti yang akan diselenggarakan di peringkat kelab-kelab Rukun Negara yang ada ini, mereka akan beralih pula ke institusi pengajian tinggi. Kerjasama di antara Kementerian Perpaduan Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara diteruskan. Bila masuk universiti kerjasama antara kami dengan pihak Kementerian Pendidikan Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Kita teruskan dengan Sekretariat Rukun Negara.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan lagi sebab beliau ada banyak hal.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Ya, saya ada banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Yang Berhormat Datuk kan ada nanti. Kejap lagi saya jawab Yang Berhormat Datuk punya.

Tuan Yang di-Pertua: Jawab Yang Berhormat Menteri. Teruskan ya.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Okey, saya harap itu telah menjawablah kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang dibangkitkan itu sudah terjawab.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kepada persoalan yang dibangkitkan, persoalan kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas berkaitan dengan peruntukan RM50 juta- geran dan juga penilaian dan dengan nilai RM6,000 yang kita agihkan kepada kawasan-kawasan Rukun Tetangga.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Kesavadas, kerajaan telah pun meluluskan geran sebanyak RM50 juta ya Yang Berhormat ya, bermula tahun ini. Sebelum ini tiada. Mula tahun ini, kerajaan berikan peruntukan geran dan RM50 juta itu dapat dibahagikan secara sama rata sebanyak RM6,000 kepada 8,330 Kawasan Rukun Tetangga (KRT)

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian salurkan geran yang diberikan oleh kerajaan oleh Kementerian Kewangan ini kepada 8,330 KRT tadi untuk pelaksanaan program di peringkat komuniti. Bagi memastikan geran yang diperuntukkan ini dapat impak, maka pihak KRT akan melaksanakan program-program berpanduan kepada Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga bagi tahun 2021 hingga tahun 2030 yang telah pun kita lancarkan dan juga bagi menggerakkan aktiviti-aktiviti di bawah Program RT *for all* untuk kawasan-kawasan Rukun Tetangga.

Insya-Allah Yang Berhormat Dato', kita ucapkan terima kasih kepada kerajaan dan Kementerian Kewangan kerana juga telah memperuntukkan RM50 juta sekali lagi dalam bajet bagi tahun 2022 untuk kita agihkan kepada 8,330 KRT yang saya sebutkan tadi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mohan. Ada kah Yang Berhormat Senator Datuk Mohan hari ini? Ha, kita ada. Terima kasih Datuk. Persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mohan, agihan peruntukan sebanyak RM145 juta belanjawan ini MITRA dan TEKUN tidak cukup. Yang Berhormat, memang kita tahu tidak cukup. Sewaktu konsultasi di antara saya dengan pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan, kita dah bangkitkan dan surat-menyurat juga telah pun kita berutus.

Saya mohon RM200 juta untuk MITRA. Akan tetapi, dengan keadaan kewangan negara kita berikan keutamaan kepada rakyat dalam pada kita berhadapan dengan pandemik COVID-19 yang akan beralih kepada endemik. Akan tetapi, nampaknya masih lagi kita menguruskan pandemik yang ada. Maka, peruntukan itu dikekalkan kepada RM100 juta. Bagi yang RM45 juta di bawah TEKUN ya Yang Berhormat, dia di bawah Kementerian MEDAC.

Saya ingin juga memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mohan kepada persoalan apakah indeks KPI yang telah pun ditetapkan oleh MITRA untuk memaksimumkan insentif pembangunan bagi sosioekonomi masyarakat India kita bagi tahun 2022. Yang Berhormat, kementerian KPM melalui MITRA menguruskan kelompok masyarakat India kita di bawah B40. Lain daripada itu, dia berada di EPU. Dia berada di kementerian-kementerian yang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sedang memuktamadkan Pelan Pembangunan Masyarakat India (PTMI). Saya hari itu bila jawab soalan di Dewan Negara, saya kata *insya-Allah* kalau selepas Melaka saya akan berikan taklimat. Akan tetapi, nampaknya kita masih lagi sedang menguruskan lima tunjang yang hendak kita cadangkan dalam PTMI dan *insya-Allah* bulan Januari ini sebelum sidang Dewan akhir bulan dua dan masuk ke bulan tiga.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan Negara ke Dewan Rakyat?

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Tidak. Ini saya jawab yang Dewan Rakyat tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya lah, tadi cakap Dewan Negara.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Oh, tengok Yang Berhormat Senator Datuk Mohan tadi. Tersalah sebut.

Tuan Yang di-Pertua: Itu tembak itik kena ayam.

■1230

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Itu. Jadi saya jawab di Dewan Rakyat Tuan Yang di-Pertua, maka saya juga akan mengadakan konsultasi bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat mahu mendengar tentang apakah perancangan PTMI yang akan kita laksanakan. Ya *insya-Allah* akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun depan. Kepada persoalan saya, minta sikit lagi masa Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak tidak boleh, sikit boleh. Sebab tadi kami sudah membuat intervensi.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baiklah.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Jumlah hutang. Dia kalau ikut kepada jumlah hutang Yang Berhormat Datuk Mohan, daripada SEDIC 2016 hingga 2018 sebanyak RM206.4 juta, MITRA bawah JPM. RM57.8 juta MITRA di bawah KPN RM13.8 juta dan perkara ini telah pun kita bawa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan membantu urusan.

Insya-Allah seperti apa telah pun diumumkan untuk berurusan dengan pihak Kementerian Kewangan sekiranya kita boleh dapat balik peruntukan kita dari zaman SEDIC sehinggalah kepada MITRA di bawah KPN.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, bagi RM50 juta bajet untuk baik pulih rumah ibadat selain daripada Islam. Yang ini saya ingin memaklumkan dia tertakluk kepada tiga perkara. Satu pembaikan; kedua, penyelenggaraan; ketiga, kerja-kerja kecemasan; dan bagi kerja-kerja sivil tidak lebih daripada RM100 ribu Yang Berhormat, baiki struktur bangunan, lantai, jubin, bumbung dan sebagainya.

Bagi kerja-kerja *electrical* ada diperuntukkan RM50 ribu bagi menyelenggarakan pendawaian ataupun lampu, kipas, CCTV dan sebagainya. Di bawah kerja-kerja mekanikal tidak melebihi RM50 ribu, baiki hawa dingin, lif dan sebagainya. Jadi peruntukan yang diletakkan di bawah geran baik pulih rumah ibadat selain daripada Islam ini, permohonan akan dibuat oleh mana-mana rumah ibadat selain daripada Islam dan kemudian akan dibawa kepada Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Datuk KSU saya untuk kelulusan.

Saya bagi pecahan negeri pada Yang Berhormat Datuk Mohan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkaskan.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Secara bertulis. Okey *last* sekali Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic...

Tuan Yang di-Pertua: Akhir sekali.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Hari ini ada saja yang tidak kena. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada perincian dana diperuntukkan bawah Program Perpaduan Negara, Yang Berhormat Datuk boleh rujuklah kepada buku bajet kita. Tidak payah saya hendak sebut satu persatu. Ini semua ada dalam buku itu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Terima kasih ya Yang Berhormat Datuk. Keduanya apa KPI- *indicators* yang digunakan untuk mencapai. Kita ada pelaksanaan menghasilkan Pelan Tindakan Perpaduan Negara. Ini pun saya sudah jawab dalam sesi...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau sudah jawab cukuplah Yang Berhormat. Tidak payah jawab lagi.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Soal jawab yang lepas dan yang *last* sekali...

Tuan Yang di-Pertua: Akhir sekali.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: MITRA. Saya, yang ini sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan lagi. Buat rumusan.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Tidak benarkan lagi. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Maka dengan itu saya sudah jawapan saya, saya jawab secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan diharapkan jawapan bertulis beliau akan menyusul tidak lama lagi malah sebaiknya pada hari ini juga.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Lima belas minit.

12.33 tgh.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2022 yang melibatkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Seterusnya saya juga menyambut baik cadangan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan yang telah mengemukakan cadangan supaya beberapa kementerian termasuk MOSTI perlu diberikan peruntukan yang lebih tinggi bagi tahun hadapan.

Cadangan ini menunjukkan keprihatinan Yang Berhormat terhadap kepentingan bidang sains, teknologi dan inovasi di dalam membantu negara menghadapi pelbagai cabaran pada Era Pandemik. Selain daripada itu ia juga wajar memanjangkan peranan kementerian yang telah diperluaskan meliputi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), dengan izin, berkaitan penghasilan vaksin manusia dan R&D untuk meningkatkan keupayaan teknologi angkasa negara. Bagi membangunkan keupayaan teknologi angkasa negara, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) telah pertamanya membangunkan Fasiliti Kawalan Misi (FKM) di Kompleks Teknologi Angkasa di Banting, Selangor.

Yang keduanya telah bekerjasama dengan Agensi Angkasa Eropah (ESA) dalam penjejakan satelit GIOVE-A pada tahun 2006, *India Space Research Organisation (ISRO)* bagi penjejakan roket, dengan izin *Geosynchronous Satellite Launch Vehicle* pada tahun 2014 dan agensi di China bagi penjejakan roket *CERES-1* pada tahun 2020. Selain daripada itu, ia juga telah membangunkan fasiliti pemasangan, integrasi dan pengujian satelit, dengan izin, *Satellite Assembly, Integration and Test (AIT) fasiliti* yang merupakan fasiliti AIT pertama dibangunkan di Asia Tenggara yang berupaya melaksanakan pengujian dan pengukuran ke atas komponen satelit dan satelit yang berkapasiti besar.

Kementerian juga melalui MYSA juga telah menjadi tumpuan utama, titik fokus utama, *focal point*, dengan izin, dengan terlibat secara aktif dalam pertubuhan, organisasi dan inisiatif di peringkat antarabangsa. Hal ini penting bagi memastikan Malaysia tidak ketinggalan dalam perkembangan terkini teknologi dan sentiasa mematuhi obligasi, tanggungjawab antarabangsa dalam penggunaan ruang angkasa untuk tujuan aman.

Berhubung dengan status terkini pembangunan vaksin pula, Institut Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI) terlibat dalam projek *genome surveillance virus SARS-CoV-2* bersama-sama dengan KKM dan KPT.

Projek ini adalah sangat penting dan strategik untuk mengenal pasti dan memantau varian virus penyebab COVID-19 terutamanya *Variant of Concern (VOC)*, yang kedua *Variant of Interest (VOI)*, dan yang ketiga, *Variant Under Monitoring (VUM)*. Pembangunan vaksin dapat dipercepatkan hasil maklumat jujukan genetik, *gene sequencing* COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin memberi maklum balas kepada cadangan Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah mengenai pemantapan daripada segi kepakaran di dalam Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara melalui kerjasama diplomatik dengan negara-negara pengeluar vaksin.

Untuk maklumat Yang Berhormat, Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN) turut menyatakan bahawa strategi pemerolehan atau pemindahan teknologi dan pembangunan teknologi vaksin merupakan salah satu strategi utama daripada enam strategi di dalam PPVN. Pada ketika ini agensi di bawah MOSTI, iaitulah Institut Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI) telah pun menandatangani sebanyak tujuh memorandum persefahaman MoU berkaitan penyelidikan dan pembangunan vaksin bersama dengan agensi tempatan.

Selain daripada itu MGVI juga telah mengadakan sesi perbincangan dengan negara-negara seperti China, India dan juga Cuba termasuklah negara Thailand mengenai projek penerokaan kerjasama pembangunan vaksin COVID-19 yang menggunakan teknologi mRNA dengan *Universiti of Chulalongkorn, Thailand*. Selain daripada itu, MOSTI juga terlibat dalam kerjasama pembangunan vaksin leptospirosis dengan *Imperial College London*.

Daripada aspek industri pula, Pharmaniaga sebuah anak syarikat kerajaan juga telah memeterai perjanjian dengan BioNet-Asia Thailand bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan serta aktiviti kajian klinikal bagi formulasi vaksin baru. Vaksin ini akan dikilangkan sepenuhnya di Malaysia bagi menampung permintaan negara dan juga potensi eksport di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya untuk menjelaskan cadangan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan, berkaitan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi bersama kementerian lain termasuk MOSTI bagi mengurangkan kebergantungan institusi pengajian tinggi terhadap sumber kewangan kerajaan.

■1240

MOSTI melalui Akademi Sains Malaysia dalam usaha untuk menubuhkan sebuah *Malaysia Science Endowment (MSE)* yang berperanan sebagai pusat penyelarasan dana alternatif daripada pelbagai sumber selain daripada dana kerajaan. Platform yang disediakan ini bertujuan bagi menarik pelabur korporat dan swasta untuk menyumbang dan bersama menerajui bidang pembangunan dan penyelidikan yang berasaskan kepada permintaan dan padanan.

Ia juga akan mengurus, mengumpul dan menyelaraskan dana-dana bukan kerajaan dalam bentuk seperti, dengan izin, *SES Fund, crowdfunding*, geran industri, derma dan wakaf pembiayaan dana alternatif bagi mengurangkan kebergantungan kepada pembiayaan dana kerajaan dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan. MOSTI yakin dengan adanya *Malaysia Science Endowment* ini, ia dapat membantu negara mencapai sasaran nisbah 70 peratus perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan negara ditampung oleh pihak swasta atau, dengan izin, *business enterprise expenditure on R&D (BERD)* menjelang tahun 2025. Ini adalah selaras dengan sasaran di bawah Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 dan juga Rancangan Malaysia Ke-12.

Bagi menjelaskan isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin mengenai pemerkasaan dan penguatkuasaan akta bagi memelihara dan meningkatkan profesionalisme jurutera termasuk teknologis dan juruteknik. Penubuhan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) adalah di bawah Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [Akta 768] bagi pendaftaran serta pengiktirafan Teknologis Profesional (Ts) dan Juruteknik Bertauliah (Tc) di dalam memberikan perkhidmatan teknologi dan perkhidmatan teknikal merangkumi perkhidmatan teknologi berkenaan dengan pembangunan, pembuatan, pengujian, pentauliahan dan penyenggaraan produk.

MBOT mengiktiraf peranan teknologis dan juruteknik mengikut 24 bidang teknologi. Setiap bidang tersebut mempunyai dengan izin, *Technology Expert Panel (TEP)* yang terdiri daripada wakil-wakil kementerian, industri, akademi dan lain-lain yang berperanan untuk menasihati MBOT berkenaan dengan kemajuan teknologi, pembangunan bakat dan keperluan industri.

Sehingga kini sebanyak 74 kerjasama strategik di dalam meningkatkan pendaftaran, pembangunan profesionalisme yang berterusan dan ketetapan amalan telah dicatatkan. Selain itu, lembaga turut bekerjasama dengan badan-badan profesional antarabangsa dan telah diiktiraf sebagai penandatanganan sementara *Seoul Accord*.

Dalam menaik taraf dan meningkatkan profesionalisme teknologis dan juruteknik, sebanyak 21,792 program pembangunan profesional berterusan telah diluluskan oleh lembaga. Manakala 751 program teknologi dan teknologi kejuruteraan yang ditawarkan oleh pemberi pendidikan telah diakreditasi untuk menjamin kualiti program.

MBOT kini sedang membangunkan ketetapan amalan bagi bidang teknologi yang berkaitan bersama-sama dengan rakan-rakan strategik demi memastikan profesion teknologis dan juruteknik terpelihara dan mengikut kod etika profesional yang telah ditetapkan. Inisiatif ini akan meningkatkan produktiviti dan kecekapan teknologis dan juruteknik di dalam memberikan perkhidmatan.

Sebagai penutupnya, sekian sahajalah maklum balas saya mengenai isu-isu yang dibangkit di bawah MOSTI dalam perbahasan. Saya sekali lagi ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas komitmen dan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan Bajet 2022 untuk Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum*.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Di pohon supaya Kementerian Luar Negeri dapat memberi jawapan.

12.45 tgh.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Kamarudin Jaffar]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam bahagia Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam*.

Dato' Haji Kamarudin Jaffar: Terima kasih kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2022. Bagi pihak Kementerian Luar Negeri, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, khususnya Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad dan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai yang terus cakna dengan perkembangan isu-isu hal ehwal antarabangsa yang berkait rapat dengan Kementerian Luar Negeri sewaktu membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2022.

Pertamanya, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab persoalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi. Kementerian Luar Negeri mengambil maklum cadangan supaya Kerajaan Malaysia membuka kedutaan besar di Kabul, Afghanistan seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator. Sebenarnya buat masa ini, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di New Delhi, India adalah juga ditauliahkan serentak ke Afghanistan. Pejabat perwakilan ini bertanggungjawab untuk memantau perkembangan serta menjaga kepentingan Malaysia di negara tersebut.

Amalan pentauliahkan serentak duta besar bermastautin yang ditugaskan juga kepada satu atau lebih negara yang lain merupakan amalan biasa dalam hubungan diplomatik. Penentuan proses pembukaan perwakilan diplomatik Malaysia di luar negara merupakan suatu keputusan dasar yang memerlukan kajian teliti dengan mengambil kira kepentingan negara. Pertimbangan juga perlu diberikan kepada aspek keselamatan, implikasi kewangan dan sumber manusia.

Pada masa yang sama, kementerian juga sedang meneliti inisiatif-inisiatif yang boleh diusahakan bagi membantu Afghanistan dalam aspek bantuan kemanusiaan, bantuan pendidikan dan bina upaya serta pembangunan semula Afghanistan. Semasa Mesyuarat Sesi Luar Biasa Ke-17 Majlis Menteri-Menteri Luar Negeri, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) pada 19 Disember, dua hari yang lalu di Islamabad, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah menyuarakan keazaman Malaysia untuk membantu situasi kemanusiaan di Afghanistan dan mengesahkan sokongan negara terhadap penyelesaian yang aman dan berkekalan, demi kepentingan Afghanistan dan rakyat Afghanistan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau atas isu yang dibangkitkan berkenaan dengan...

Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, penjelasan kah atau apa dia?

Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Penjelasan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak minta penjelasan.

Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua... [Ketawa] Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekarang ini enam minggu lepas, Menteri Luar dia sendiri, Encik Amir Khan Muttaqi memberitahu bahawa 41 buah negara telah buka kedutaan enam minggu lepas dan 67 buah negara telah membuka pejabat perwakilan.

Cuma, boleh atau tidak Malaysia memberi pertimbangan, fasal negara-negara yang buka itu negara yang besar-besar, negara yang besar, kecuali Amerika Syarikat dan Eropah. Jerman ada, Itali ada yang buka dan Jepun sendiri. Boleh atau tidak kita beri keutamaan fasal harapan dia tinggi sangat supaya Malaysia dapat membuka pejabat kedutaan kita di sana.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Kamarudin Jaffar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi yang bertanya dan memohon supaya kerajaan mengutamakan lagi dalam pertimbangan-pertimbangannya kemungkinan membuka suatu kedutaan yang ditauliahkan khusus dan bermastautin di Kabul. Sudah tentu kita akan memberi pertimbangan berkaitan dengan cadangan tersebut berlandaskan kepada sebagaimana yang saya sebutkan tadi, ciri-ciri pertimbangan yang diamalkan oleh Kementerian Luar Negeri.

Tentang jumlah sebesar 41 kedutaan yang sudah pun ada di Kabul, ini sudah tentu kita akan kaji dan lihat. Sebagaimana maklumat kita sendiri, jumlah yang disebutkan itu mungkin terlalu tinggi jumlahnya. Mungkin yang sebenarnya wujud kedutaan secara fizikal di Kabul itu tidaklah sebesar jumlah yang disebutkan tadi, tetapi apa pun kita akan beri pertimbangan daripada apa yang kita kirakan sesuai.

Berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau, suka saya maklumkan bahawa Majlis Keselamatan Negara (MKN) di bawah Jabatan Perdana Menteri merupakan agensi peneraju bagi isu-isu berkaitan pelarian dan permohonan suaka.

■1250

Mekanisme sedia ada pengurusan pelarian dan pemohon suaka di Malaysia adalah atas nama Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 23: Mekanisme Pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin yang memegang Kad UNHCR yang telah berkuat kuasa sejak 24 Ogos 2009.

Keputusan dasar keseluruhan mengenai kesediaan Malaysia untuk menjadi negara pihak Konvensyen Berkaitan Status Pelarian 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967 ini adalah di bawah bidang kuasa MKN. MKN telah melaksanakan kajian terhadap Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967 pada hujung tahun 2020 dan mendapati tiada keperluan untuk Malaysia menjadi pihak kepada Konvensyen Berkaitan Status Pelarian 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967 pada masa ini.

Sebarang keputusan yang bakal dibuat perlu mengambil kira kesesuaian peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam konvensyen-konvensyen berkenaan dengan rangka perundangan negara, dasar negara yang sedia ada dan kesan serta implikasi jangka panjang penyertaannya kepada negara kita. Walau bagaimanapun, atas dasar kemanusiaan, Malaysia telah membenarkan pelarian dan pemohon suaka yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian atau, dengan izin, *United Nations High Commissioner for Refugees* untuk tinggal di negara ini sementara menunggu penempatan semula di negara ketiga atau pulang ke negara asal mereka.

Di samping itu, Kementerian Luar Negeri sentiasa menggunakan pelbagai platform antarabangsa untuk menyeru supaya tanggungjawab dan beban berhubung pengurusan pelarian dan pemohon suaka terutamanya golongan Rohingya dikongsi sama rata oleh negara-negara lain terutamanya negara pihak kepada Konvensyen Berkaitan Status Pelarian 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967 untuk menerima lebih banyak pelarian di bawah program penempatan semula di Negara Ketiga.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Luar Negeri akan sentiasa memberikan kerjasama dan mengambil berat pandangan-pandangan yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih, *Assalamualaikum*.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri kita yang telah menguruskan jawapan dan penggulungan sebentar tadi.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Dipersilakan.

12.52 tgh.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II [Datuk Willie anak Mongin]: Selamat tengah hari dan salam sejahtera saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan dan juga kepada Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan isu dan pandangan berkaitan bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Bekalan 2022 yang telah dinyatakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi daripada pihak kementerian, kita juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Senator YM Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, iaitu Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan 2022 dan yang telah dilaksanakan pada 29 Oktober 2021 yang lalu.

Ingin saya maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini, di bawah Bajet 2022, KPKK diperuntukkan sebanyak RM671.43 juta iaitu RM417.48 juta untuk perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan pula sebanyak RM253.95. Untuk penggulungan ini, saya memberikan maklum balas dan juga penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz seperti berikut.

Beliau bertanyakan peranan Malaysia dalam Majlis Negara-negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) dalam usaha menangani cabaran-cabaran kempen anti minyak sawit terutamanya dari Amerika dan juga kesatuan Eropah. Ingin saya maklumkan Tuan Yang di-Pertua, kempen anti minyak sawit oleh negara-negara barat masih berterusan dan negara yang menentang minyak sawit akan terus mencari alasan dan mencari pelbagai isu untuk memburuk-burukkan minyak sawit negara kita.

Minyak sawit sering ditohmah dengan mengaitkan dengan isu kesihatan, ketidakmapanaan, kemusnahan hutan dan kesan terhadap alam sekitar serta kebajikan sosial pekerja-pekerja yang terlibat dalam sektor tersebut. Namun begitu, perkara ini tidaklah benar sama sekali. Cuma ini merupakan propaganda sesetengah negara untuk menjatuhkan industri minyak sawit negara kita.

Jadi kementerian sentiasa juga memandang serius kempen anti minyak sawit di negara barat dan telah mengatur strategi bagi mengukuhkan penerimaan dan persepsi negara barat dalam isu yang dibangkitkan. Malaysia dan Indonesia melalui CPOPC telah bekerjasama giat dalam menjalankan beberapa program melalui kumpulan kerja kempen anti minyak sawit ataupun iaitu CPOPC iaitu *working group on countering anti-palm oil campaigns*, dengan izin. Penubuhan CPOPC bertujuan bagi merangka dan menjalankan program bagi menangani kempen anti minyak sawit di kalangan masyarakat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, antara program yang telah dilaksanakan semenjak suku ketiga tahun 2020 adalah seperti berikut:

- (i) *advocacy work in the EU* dengan izin iaitu program advokasi di Kesatuan Eropah yang bertujuan untuk memulihkan imej minyak sawit di Jerman, Perancis, Itali dan juga *United Kingdom*. Program ini juga mensasarkan pelabelan terhadap barangan yang mengelirukan seperti *palm oil free*;
- (ii) *media campaign in the EU* yang bertujuan untuk memetakan landskap media di Kesatuan Eropah dan meningkatkan rakan media di EU dalam menyokong usaha CPOPC untuk membina imej positif minyak sawit dan kesedaran mengenai kebaikan minyak sawit di kalangan masyarakat di Kesatuan Eropah;
- (iii) komunikasi dan promosi di negara pengguna minyak sawit yang bertujuan untuk mempromosikan dan menentang kempen negatif sawit di negara pengguna seperti di China, India, Pakistan dan juga Bangladesh; dan
- (iv) kempen media sosial di negara anggota CPOPC yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kebaikan minyak sawit dan mengikis persepsi negatif terhadap minyak sawit di kalangan negara pengguna iaitu di Malaysia dan juga Indonesia.

Selain itu pengiktirafan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) daripada CPOPC adalah satu- penanda aras dalam membangunkan *Global Framework of Principles for Sustainable Palm Oil*, dengan izin. Dokumen GFP-SPO tersebut bertujuan sebagai asas skim pensijilan minyak sawit mampan yang diguna pakai oleh negara-negara ahli CPOPC baharu kelak.

Jadi pada mesyuarat peringkat Menteri CPOPC di Jakarta baru-baru ini, dokumen GFP-SPO telah dimuktamadkan untuk dibentangkan di *United Nations High-level Political Forum* ataupun dikenali sebagai HLPF pada tahun 2022. Di samping itu, kementerian juga berusaha untuk mengiktiraf pensijilan MSPO dari negara pengimport minyak sawit lain dan sehingga kini, pensijilan MSPO telah diiktiraf oleh negara Jepun bagi kegunaan temasya Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020 yang lepas.

Kerajaan juga telah mewujudkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti kerajaan China untuk mengiktiraf skim pensijilan MSPO dan juga kemasukan produk-produk sawit bersijil MSPO ke negara tersebut. Selain itu Yang Berhormat Senator juga turut meminta kementerian untuk bertindak segera bagi membenarkan kemasukan tenaga asing ke sektor perladangan. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi sedang giat menangani isu kekurangan tenaga kerja di sektor perladangan agrikomoditi.

Seperti yang kita sedia maklum, Yang Berhormat Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi telah mengadakan lawatan ke Jakarta pada 4 Disember 2021-baru-baru ini, dan telah bertemu sendiri dengan Menteri Tenaga Kerja Indonesia untuk memohon....

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan.

Datuk Willie anak Mongin: Okey, saya bagi ruang sedikit. Satu minit.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Satu minit, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan kuasa Yang Berhormat.

Datuk Willie anak Mongin: [Ketawa]

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Kita hendak tahu pelaksanaan pensijilan MSPO itu. Sampai sekarang, tahap sekarang berapakah peladang kelapa sawit di Malaysia sudah dapat sijil MSPO? Adakah ia berkesan untuk mendapatkan...

Tuan Yang di-Pertua: Dalam jawapan tidak boleh untuk mendapatkan data baharu. Ini merupakan sesi menjelaskan apa yang telah disoal.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Mohon maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Katalah apa-apa yang disebut sebagai ketidaktentuan baru dapat disoalkan. Baik.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Willie anak Mongin: Okey, terima kasih saudara Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai yang meminta penjelasan. Ingin saya memaklumkan bahawa sijil MSPO ini telah mendapat penerimaan yang begitu baik di seluruh dunia dan kita telah menguar-uarkan kepada semua pembeli minyak sawit negara kita.

Namun saya tidak ada data pada hari ini yang boleh saya ketengahkan. Jadi saya ingin meneruskan penggulungan saya. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pihak Indonesia juga memaklumkan bahawa mereka sedia mempertimbangkan perkara tersebut mengenai kemasukan tenaga asing ke sektor perladangan di mana persefahaman ataupun MOU telah dirangka dan juga dijangka akan dimeterai pada bulan Februari 2022- nanti.

Adanya MOU ini kita berharap agar sektor perladangan dan juga sektor agrikomoditi mendapat tenaga kerja asing supaya mereka boleh melaksanakan kemajuan di dalam industri agrikomoditi ini dengan lebih maju jaya dan juga lebih mampan. Saya juga ingin memberitahu bahawa semasa pandemik COVID-19 ini, kita menghadapi kekurangan tenaga. Akan tetapi apabila kita masuk ke era endemik ini, saya berharap agar kita dapat menyelesaikan perkara ini dalam masa terdekat.

Dengan itu, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas pelbagai pandangan daripada setiap orang Ahli Yang Berhormat Senator sekalian yang turut prihatin isu yang berkaitan agrikomoditi negara semasa sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2022. Seterusnya pihak Kementerian akan mengambil segala tindakan dan tindakan susulan untuk memantapkan industri agrikomoditi kita. Semua saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator untuk industri agrikomoditi negara kita akan ambil sebagai satu panduan supaya kita terus kukuh berdaya saing dan makmur.

Dengan ini saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada semua Yang Berhormat Senator yang beragama Kristian dan juga kepada yang lain, selamat bercuti hujung tahun. Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada anda semua kerana peka mengenai industri agrikomoditi negara kita. Sama-sama kita memajukan industri ini kerana ia telah memberi banyak pendapatan kepada negara kita. Sekian, terima kasih, Tuhan memberkati anda semua...
[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Diumumkan bahawa sesi kita untuk separuh hari ini sudah selesai dan diminta supaya Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya bersiap sedia pada jam 2.30 petang setelah kita kembali untuk berurusan.

Dewan ditempokkan sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.04 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]

■1430

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Kita teruskan dengan giliran Yang Berhormat Menteri menjawab soalan perbahasan.

Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri.

2.33 ptg.**Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato' Sri Hajah Nancy Shukri]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Saya pantun sedikit ya Tuan Yang di-Pertua.

*Pelancongan negara dirancakkan bersama;
Warisan seni di martabat dipelihara.
Belanjawan 2022 diusul untuk semua;
Keluarga Malaysia makmur sejahtera.*

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mewakili Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab MOTAC ketika Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam sesi perbincangan Belanjawan 2022 di Dewan ini dari hari Selasa, 14 Disember hingga hari Khamis, 16 Disember 2021 yang lalu.

Segala keprihatinan, cadangan serta pandangan yang telah dibangkitkan amat kita hargai dan akan diambil kira untuk perancangan MOTAC ini pada masa hadapan. *Insyaa-Allah* pada hari ini saya akan memberi maklum balas terhadap pertanyaan-pertanyaan dan saranan yang telah dikemukakan oleh semua Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz ketika berbahas ingin mengetahui perincian mengenai pembukaan semula Langkawi kepada pelancong dari luar negara. Seperti mana Yang Berhormat Senator sedia maklum, pembukaan sempadan negara adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik COVID-19 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sungguhpun begitu, MOTAC sentiasa berusaha untuk mencari kaedah alternatif bagi mempercepatkan kadar pemulihan industri pelancongan negara. Setelah kejayaan Projek Rintis Gelembung Pelancongan Domestik Pulau Langkawi, kerajaan telah bersetuju dengan cadangan MOTAC untuk memulakan inisiatif bagi menerima semula kemasukan pelancong asing ke Malaysia secara berperingkat.

Dalam hal ini, kerajaan telah melaksanakan Projek Rintis Gelembung Pelancongan Antarabangsa Langkawi bermula pada 15 November 2021 yang lalu. Projek rintis ini akan melihat kesediaan penggiat industri dalam menerima pelancong asing dengan mengadaptasi kepada norma baharu serta mematuhi Prosedur Operasi Standard yang telah ditetapkan bagi mengelakkan penularan COVID-19. Projek rintis ini juga akan menjadi kayu pengukur kepada pembukaan lebih banyak gelembung perjalanan antarabangsa ke destinasi-destinasi lain yang berpotensi berdasarkan penilaian sewajarnya oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian kesihatan selama tiga bulan sebelum dibawa kepada Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik COVID-19 untuk dipertimbangkan.

Untuk Projek Rintis Gelembung Pelancongan Antarabangsa Langkawi, MOTAC telah membangunkan Prosedur Operasi Standard bagi kemasukan pelancong asing yang menggunakan gelembung pelancongan ini. Antara prosedur utama yang wajib dipatuhi oleh pelancong adalah:

- (i) dokumen yang membuktikan pengembara berkenaan telah menerima vaksinasi lengkap;
- (ii) menjalani dan lulus ujian saringan COVID-19 sebelum berlepas, pelancong ini akan turut menjalani ujian saringan COVID-19 semasa ketibaan dan pada hari-hari yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan;
- (iii) mengemukakan tiket penerbangan pergi balik yang sah;

- (iv) itinerari perjalanan yang sah dan pakej pelancongan yang ditempah menerusi agen pelancongan yang berlesen dengan MOTAC; dan
- (v) polisi insurans perjalanan COVID-19 bagi melindungi pelancong sepanjang keberadaan di Malaysia.

Maklumat terperinci mengenai Prosedur Operasi Standard ini telah dimuat naik ke laman web kementerian untuk rujukan pelancong dan semua penggiat industri terutamanya agensi pelancongan, syarikat penerbangan dan sebagainya. Maklumat ini juga dikongsi bersama pejabat *Tourism Malaysia* luar negara untuk dihebahkan. Dalam pada masa yang sama, MOTAC sentiasa bersedia untuk mempromosi destinasi pelancongan negara pada bila-bila masa bagi menarik lebih ramai pelancong ke negara kita apabila sempadan negara dibuat sepenuhnya kelak.

Sementara itu, Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz juga telah menyatakan harapannya agar diwujudkan kembali penerbangan terus antara Singapura-Langkawi bagi merancakkan kehadiran lebih ramai pelancong dari Singapura lanjutan daripada inisiatif *Vaccinated Travel Land (VTL) Malaysia-Singapore*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, menerusi Projek Rintis Gelombang Pelancongan Antarabangsa, Langkawi selain penerbangan melalui KLIA, telah ada satu penerbangan terus antarabangsa dari Singapura ke Langkawi iaitu menerusi penerbangan oleh SCOOT bermula pada 3 Disember 2021. Kekerapan penerbangan ialah tiga kali seminggu iaitu pada hari Isnin, Jumaat dan Ahad.

Dalam masa yang sama, MOTAC menyokong inisiatif VTL Malaysia-Singapura ini yang diharap boleh merancakkan lagi industri pelancongan negara. Inisiatif VTL Malaysia-Singapura ini diterajui oleh Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bermula 29 November 2021 membenarkan rakyat di kedua-dua buah negara yang memenuhi kriteria yang ditetapkan untuk rentas negeri antara Malaysia dan Singapura.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias, ada di dalam ya Yang Berhormat Senator?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias telah membangkitkan beberapa perkara. Banyak perkara yang diutarakan adalah menyentuh bidang kuasa kementerian-kementerian lain walaupun isu yang dinyatakan menyentuh pelancongan.

Namun, sukacita saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator bahawa MOTAC telah memperuntukkan sebanyak RM1.75 juta bagi Pembangunan *Ecotourism* Kina Benuwa, Labuan iaitu fasa dua di bawah *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP1 RMKe-12).

■1440

Kementerian kita juga sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan terutama Perbadanan Labuan dalam mempertimbangkan sebarang cadangan pembangunan pelancongan di Wilayah Persekutuan Labuan termasuklah di kawasan Pulau Papan dan Pulau Rusukan Besar. Ini bagi memastikan produk pelancongan dapat dibangunkan dan dinaiktarafkan dalam memberi manfaat kepada masyarakat tempatan dan juga kepada pelancong.

Selain itu juga, MOTAC melalui agensi *Tourism Malaysia* sentiasa bekerjasama dalam mempromosikan Wilayah Persekutuan Labuan. Promosi ini tidak terhad kepada pasaran domestik, malah turut dihebahkan kepada pasaran antarabangsa menerusi 30 buah Pejabat *Tourism Malaysia* di luar negara. Sebagai contoh, baru-baru ini *Tourism Malaysia* telah melancarkan pakej istimewa sempena Kempen Cuti-cuti Malaysia khas untuk penjawat awam dan pesara kerajaan iaitu Pakej Cuti Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan.

Bagi Wilayah Persekutuan Labuan, sebanyak enam buah pakej yang ditawarkan oleh hotel dan operator pelancongan dan menawarkan harga yang berpatutan. *Tourism Malaysia* juga akan menggalakkan dan menarik minat lebih ramai agensi pelancongan, hotel dan pemilik produk pelancongan di Labuan untuk menawarkan lebih banyak pakej yang menarik.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, *Tourism Malaysia* juga telah mengadakan lawatan media dari seluruh negara pada bulan Oktober 2021 yang lalu bagi memperkenalkan dan mempromosikan Labuan sebagai salah sebuah destinasi geopelancongan. Program ini merupakan salah satu inisiatif untuk merangsang dan menyemarakkan sektor pelancongan domestik sejajar dengan usaha melaksanakan Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2.0 (2020-2030) yang telah dibangunkan oleh MOTAC.

Pelbagai promosi lain turut dijalankan seperti penganjuran *webinar*. Antaranya *Wanderlust Travel Stories - First Stop, Let's Rediscover Labuan*, promosi produk pelancongan sukan atau minat khas seperti *Revisit Golfing Destination* dan *Leisure at Its Best* pada 22 April 2021. Saya nak nyatakan di Dewan ini, itu dalam bahasa Inggeris memang nama programnya dalam bahasa Inggeris. Penawaran slot pengiklanan dan menerbitkan slot *Travelog - Mansau Ansau Sabah* ke Labuan dengan kerjasama RTM.

Ini semua dilaksanakan bagi memaparkan keindahan dan tarikan produk pelancongan yang terdapat di Labuan. MOTAC turut bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan juga negeri seperti penganjuran, sekali lagi dalam bahasa Inggeris, *My Destination - Sabah & Labuan Sales Mission to Penang* pada 2 Disember 2021 yang merupakan inisiatif bersama *Tourism Malaysia* dengan rakan-rakan strategik seperti *Sabah Tourism Board* (STB), Perbadanan Labuan dan *MATTA Sabah/Labuan Chapter*. *Tourism Malaysia* melalui pejabatnya di Brunei pula akan meneruskan usaha-usaha mempromosikan tempat-tempat tarikan pelancongan di Labuan kepada pelancong-pelancong Brunei.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi. Beliau ingin mengetahui sama ada faktor *universal access* diberi perhatian dalam penggredan bintang hotel atau *hotel star rating*, dengan izin.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, MOTAC bersama-sama pihak industri perhotelan telah membangun dan mengguna pakai Garis Panduan Pengelasan Premis Penginapan Pelancong Kategori Hotel Bandar, Resort, Tanah Tinggi, Butik dan Inovatif. Garis panduan tersebut pada masa ini telah menetapkan kewajipan pihak hotel untuk menyediakan sebuah bilik penginapan dan tandas awam di kawasan umum untuk orang kurang upaya ataupun OKU.

Pihak hotel perlu mendapatkan pengecualian daripada PBT dan pihak agensi atau kerajaan yang berkaitan sekiranya tidak dapat menyediakan kemudahan tersebut. Oleh itu, mana-mana hotel yang gagal menyediakan kemudahan berkenaan tanpa pengecualian agensi jabatan berkenaan, maka mereka tidak layak untuk diberikan penggredan oleh MOTAC.

Taklimat oleh MOTAC kepada pemeriksa premis penginapan pelancong yang dijalankan di seluruh negara juga telah menekankan kemudahan yang perlu disediakan kepada OKU. Ini bagi memastikan pemeriksa premis mengambil berat tentang kepentingan menyediakan kemudahan OKU di premis penginapan pelancong dalam pemberian penggredan hotel oleh MOTAC. Yang Berhormat Senator...

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Mohon penjelasan sikit, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Mohon penjelasan mengenai penggredan hotel-hotel ini tadi. Macam mana dengan hotel-hotel yang kita tutup ini, adakah kementerian bercadang untuk mengekalkan gred contohnya Hotel Istana yang telah kita tutup, adakah kita boleh turunkan esok bila dibuka, daripada Lima Bintang kepada Empat Bintang?

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita tak tutupkan hotel dan kebanyakan hotel itu bukan tutup kerana dia tak dapat beroperasi tetapi kebanyakannya melalui maklumat yang telah kita peroleh, Yang Berhormat, sebenarnya mereka menggunakan peluang yang ada itu untuk memperbaiki ataupun renovasi hotel mereka dan ada juga yang menukar tujuan mereka.

Jadi, kalau dia masih beroperasi sebagai hotel dan gred dia sudah ditentukan sebegitu melainkan dia nak penggredan yang naik lagi taraf, itu akan diuruskan bersama dengan kementerian kita. Jadi, kita taklah sembarangan menurunkan atau menaikkan taraf hotel tersebut mengikut penggredannya, Yang Berhormat. Jadi kalau apa-apa pun kita perlu memantau juga kerana laporan akan diberi kepada kita. Sebab itu kita tahu kebanyakan hotel itu bukannya tutup, kita tak tutup ya. Saya nak cakap sekali lagi, bukan kita yang tutup. Mereka nak *repurpose*, dengan izin, semasa COVID-19 ini. Saya ulang sekali lagi ya, mereka mengambil peluang untuk *renovate*, dengan izin. Terima kasih.

Sekali lagi, Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi turut menyentuh berhubung pemilihan Hari Batik Malaysia pada setiap 3 Disember setiap tahun yang sama dengan Hari OKU Sedunia.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Hari Batik Malaysia yang diumumkan pada 3 Disember setiap tahun adalah bagi menyokong usaha berterusan dalam memperkasakan industri batik tempatan dan menyemarakkan lagi pemakaian batik Malaysia di semua peringkat termasuk institusi-institusi pendidikan, syarikat berkaitan kerajaan, sektor swasta dan segenap lapisan masyarakat. Izinkan saya tambah sikit masa ya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Pemilihan tarikh tersebut juga dibuat sebagai penghargaan atas sumbangan, sokongan dan minat yang ditonjolkan oleh Allahyarhamah Tun Endon Mahmood iaitu isteri kepada Perdana Menteri Malaysia Kelima, Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Allahyarhamah sangat aktif dalam kerja amal dan kemasyarakatan serta giat mempromosi seni tekstil warisan negara termasuk batik dan kebaya nyonya. Jadi, ada...

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Kejam, biar saya habis dulu boleh tak?

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Boleh.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Jadi, kita ada cerita sejarah di sebaliknya. Pada 3 Disember, Allahyarhamah Tun Endon Mahmood telah memulakan sebuah gerakan, *The Malaysia Batik: Crafted for The World Movement*, dengan izin, yang menjadi pemangkin kepada batik tempatan dibawa ke arena antarabangsa. Beliau juga telah dipilih sebagai Tokoh Jarum Berlian Malaysia pada tahun 2004 kerana kesungguhan dan daya usaha beliau memartabatkan seni warisan negara.

Justeru pemilihan tarikh 3 Disember pada setiap tahun bukanlah bertujuan untuk menyaingi atau *compete*, dengan izin, sambutan Hari OKU Sedunia. Malah kedua-dua sambutan ini boleh saling melengkapi selaras dengan visi batik Malaysia, untuk semua tanpa mengira tahap keupayaan, sesuai dengan kepelbagaian masyarakat majmuk Keluarga Malaysia.

Ingin saya nyatakan juga, ramai juga pengusaha batik ini mengambil dan ada juga yang menjadi pengusaha adalah orang OKU. Maka ia juga membantu mereka. Ini juga boleh dijadikan tanda solidariti dan dilambangkan oleh batik Malaysia sebagai tekstil yang sesuai untuk dipakai dan digayakan oleh semua lapisan masyarakat.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, tadi hendak bertanya. Boleh bagi tak?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh. Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Masih mengenai batik lagi. Saya kagum dengan usaha kerajaan menghidupkan dan membantu industri batik Malaysia dalam masa yang sama saya hendak mencadangkan mengambil kesempatan ini kepada Yang Berhormat Menteri supaya MOTAC menganjurkan satu ekspo khas kalau boleh *roadshow* di setiap negeri bagi mempromosikan batik kita dengan seluas mungkin dan sehebat-hebatnya. Apakah kata Yang Berhormat Menteri dalam hal ini? Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. *Insya-Allah*, saya rasa itu satu saranan yang baik. Kita sebelum ini adalah kerana kita tidak dapat bergerak banyak sebab COVID-19. Jadi, *insya-Allah* itu boleh kita lakukan kerana itu juga membantu pengusaha batik kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu berakhirlah sesi penggulungan perbahasan Belanjawan 2022 bagi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya pada hari ini. Bagi pihak MOTAC, saya sekali lagi merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah berbahas mengenai isu yang menyentuh tanggungjawab MOTAC.

Saya tahu Yang Berhormat semua diperuntukkan masa yang terhad untuk berbahas. Justeru, saya dan warga kerja di kementerian kami ini sentiasa bersedia untuk memberi maklum balas dan berbincang dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berhasrat untuk mengemukakan apa juga pandangan demi melonjakkan lagi industri pelancongan negara serta terus menghidupkan seni, budaya dan warisan negara.

*Taiping permai dingin semilir;
Tinggalan lama menjadi warisan.
Pelancongan maju tidak di pinggir;
Adat seni budaya tetap seiringan.*

*Buah berangan gugur di paya;
Pokok lemuni ditebang lagi.
Kukuhkan jaringan pelancongan budaya;
Cemerlang seni diangkat tinggi... [Tepuk]*

Merry Christmas kepada semua dan *Happy New Year* kepada semua juga. Sekian, *wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya atas jawapan yang diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Dipersilakan Menteri.

2.52 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II [Datuk Haji Hasbi bin Habibollah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun membangkitkan isu-isu dalam perbahasan Bajet 2022.

Salam Keluarga Malaysia dan salam luar bandar sejahtera saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Dewan Negara sekalian. Sebelum saya meneruskan ucapan penggulungan ini, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tujuh orang Ahli Yang Berhormat Senator yang sudi mengambil bahagian berbahas dan mengajukan beberapa pertanyaan, isu, cadangan ataupun pandangan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar semasa sesi perbahasan belanjawan yang telah diadakan selama tiga hari.

Secara umumnya, pertanyaan, isu dan cadangan yang ditujukan kepada KPLB sepanjang tiga hari perbahasan berkenaan adalah berkaitan Maktab Rendah Sains MARA, pinjaman pendidikan MARA, agenda bumiputera, program infrastruktur luar bandar, taman bimbingan kanak-kanak tabika KEMAS dan juga Program Perumahan Rakyat Termiskin dan isu-isu melibatkan kesejahteraan masyarakat Orang Asli.

Oleh yang demikian, izinkan saya menjawab semua pertanyaan, isu dan cadangan berkenaan. Walau bagaimanapun, untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat Senator, izinkan saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator yang berada di dalam Dewan ini sahaja sebab Tuan Yang di-Pertua saya ada 36- muka hendak dibaca...

Timbalan Yang di-Pertua: Masa 15 minit sahaja ya.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Itulah. Jadi, pertama sekali iaitu berkenaan Maktab Rendah Sains MARA. Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip, ada dalam Dewan?... [Disampuk] Yang Berhormat dalam ucapan beliau pada 14 hari bulan yang membangkitkan dua perkara berkaitan MRSM iaitu capaian Internet di MRSM ditingkatkan dan membuka ruang kepada pemain industri teknologi yang lain. Sebagai contoh anak syarikat Tenaga Nasional iaitu Allo Technology Sdn. Berhad, dan penubuhan MRSM FELCRA.

Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang dimaklumkan dalam jawapan kepada Yang Berhormat Senator pada 9 Disember 2021 yang lalu, MARA merupakan agensi yang menggunakan perkhidmatan talian rangkaian, dengan izin, *MyGov*Net* yang diuruskan secara berpusat oleh pihak MAMPU. Oleh itu, sebarang cadangan perkhidmatan capaian daripada pihak luar seperti pemain industri perlu mendapat kelulusan daripada pihak MAMPU juga.

Selain itu, pihak MARA sentiasa berusaha untuk memastikan institusi pendidikan MARA dan pejabat pentadbiran MARA dilengkapi dengan jalur lebar berkelajuan tinggi. Kapasiti jalur lebar yang telah ditetapkan setakat Disember tahun ini bagi Maktab Rendah Sains MARA adalah sekitar 50 *Megabits per second* hingga 150 *Megabits per second*. Kapasiti sedia ada ini dapat menampung keperluan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan.

Namun begitu, kapasiti ini tidak terhad dan MARA sentiasa memohon peningkatan, dengan izin, *bandwidth on demand* melalui portal dengan izin, *MyGov*Net Service Management System* mengikut keperluan pelaksanaan program atas talian dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dijalankan, tertakluk kepada kelulusan dan permohonan dan peruntukan oleh MAMPU.

Manakala berkaitan dengan penubuhan MRSM FELCRA pula, pihak MARA bersedia untuk meneliti cadangan berkenaan sekiranya dikemukakan oleh pihak FELCRA. Selanjutnya, Yang Berhormat Senator...

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Mohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Boleh Yang Berhormat Menteri?

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Boleh, boleh.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya tertarik dengan penjelasan Yang Berhormat Menteri bahawa sebarang peningkatan ini perlu mendapat kelulusan daripada MAMPU. Saya hendak tanya, pihak kementerian sendiri ada tak memohon kepada MAMPU dan apa jawapan MAMPU setakat ini? Terima kasih.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Setakat ini yang kita memohon sendiri belum ada yang dalam pengetahuan saya. Mungkin saya hendak *share* dengan Yang Berhormat iaitu mungkin sebelum ini ada ditanyakan juga untuk Mbps hingga 3,000. Daripada apa yang kita *check* dengan MCMC bahawa di Malaysia ini *the highest package*, dengan izin, untuk *Megabits per second* hanyalah 1,000 Mbps di Malaysia pada masa ini iaitu untuk talian tetap 82 Mbps sahaja dalam negara kita dan untuk mudah alih hanyalah 35 Mbps.

Ini adalah mencukupi setakat ini. *The biggest package* is 1,000 Mbps di bawah TIME dan juga di bawah Telekom hanyalah 800 Mbps semasa ini di negara kita.

Jadi, untuk Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias. Beliau telah pun membangkitkan tentang memohon pembinaan sebuah MRSM di Labuan. Untuk makluman Yang Berhormat, kita pada masa ini 55 buah MRSM beroperasi di seluruh negara dengan jumlah murid 42,189 orang pelajar. Di Sabah dan Sarawak sahaja ada tujuh buah MRSM dengan kapasiti pelajar 4,205 orang.

Selain itu, sebanyak tujuh buah MRSM baharu telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas. Daripada jumlah tersebut, sebanyak dua buah MRSM sedang dalam pembinaan di Ranau Sabah dan di Bintulu Sarawak. Manakala baki sebanyak lima buah lagi dalam peringkat pra pelaksanaan termasuk sebuah MRSM di Lawas Sarawak yang dekat dengan Labuan.

Justeru, menjelang tahun 2025 dijangka sebanyak 10 buah MRSM secara keseluruhannya akan beroperasi di Sabah dan Sarawak dengan kapasiti pelajar berjumlah 5,555 orang pelajar.

Oleh yang demikian, buat masa ini MARA belum mempunyai perancangan untuk membina sebuah lagi MRSM baharu di Labuan memandangkan MRSM sedia ada sudah cukup untuk menampung permohonan pelajar di Labuan, Sabah dan Sarawak. Mungkin Yang Berhormat nanti kalau siap yang di Lawas itu, orang Labuan belajar ke Lawaslah, *insya-Allah... [Ketawa]* Hampir itu, sejam sahaja.

Seterusnya, perkara terakhir berkaitan MRSM telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin. Ada dalam Dewan? So, saya bagi jawapan bertulislah ya. Seterusnya ialah berkenaan Program Perumahan Rakyat Termiskin. Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan, ada dalam Dewan?

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Tidak ada, saya akan jawab secara bertulis.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz...?

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Bertulis. Akan diberi jawapan bertulis.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris...?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada. Ada.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Yang manakah? Okey, angkat tangan. Dalam ucapan Yang Berhormat pada 15 Disember membangkitkan berkenaan inovasi dan pembangunan infrastruktur untuk meningkatkan kehidupan luar bandar seperti memperbanyakkan bekalan sistem solar bagi menyediakan bekalan elektrik dan inovasi berkaitan jalan luar bandar dan jalan perhubungan desa.

■1500

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar pada masa ini sememangnya menggunakan inovasi sistem alternatif iaitu sistem solar hibrid, sistem solar terpasang berasingan, dengan izin, *stand alone* dan sistem mikro hidro hibrid bagi kawasan yang terpencil serta tidak ekonomik untuk disambung menggunakan talian grid.

Pada masa ini, tiada perancangan sistem talian grid oleh kerajaan negeri dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang sebagaimana yang telah dirancang oleh negeri masing-masing. Manakala bagi kawasan-kawasan yang boleh disambung dengan sistem talian grid, kementerian akan melaksanakan projek bekalan elektrik luar bandar menggunakan sistem tersebut kerana kos pelaksanaan dan kos mengoperasi projek yang lebih rendah berbanding sistem alternatif.

Kementerian ini turut menyambut baik saranan daripada Yang Berhormat supaya teknologi dan inovasi baharu diterapkan dalam pelaksanaan projek-projek jalan luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek-projek Jalan Luar Bandar di bawah kementerian ini diserahkan ke Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku jabatan teknikal. Justeru itu penggunaan teknologi dan inovasi terkini dalam pembinaan jalan akan diterapkan oleh jabatan teknikal sesuai dengan skop dan kos projek yang diluluskan serta perlu mematuhi spesifikasi arahan teknik jalan JKR yang berkuat kuasa.

Seterusnya agenda bumiputera. Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris juga bertanyakan mengenai bentuk agenda baharu berkenaan pembangunan bumiputera khususnya dalam bidang pendidikan ekonomi dan keusahawanan masyarakat luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian khususnya melalui Majlis Amanah Rakyat (MARA) sentiasa memberi perhatian serius ke atas agenda pembangunan bumiputera khasnya dalam bidang pendidikan, ekonomi dan usahawan.

MARA meneruskan agenda pemerkasaan bumiputera di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 melalui Pelan Strategik MARA 2021 hingga 2025 dengan memberi fokus ke atas empat Teras Utama, 18 Strategi dan 24 Keberhasilan bagi memacu pembangunan sosioekonomi bumiputera.

Sektor keusahawanan MARA memberi fokus dalam membangunkan komuniti usahawan yang dinamik dengan sasaran 80 peratus daripada 50 ribu orang penerima kemudahan berjaya kekal dalam industri. Manakala di bawah sektor pendidikan pula MARA merupakan antara penyumbang utama sumber tenaga manusia dengan sasaran kadar kebolehpasaran institusi pendidikan MARA (IPMa) melebihi 85 peratus.

Antara inisiatif yang dilaksanakan iaitu melalui pemerkasaan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM), TVET dan penajaan dalam bidang berimpak tinggi. Sektor pelaburan MARA pula berperanan dalam memperkasa pelaburan berteraskan strategi keusahawanan, pendidikan dan perkhidmatan dengan menyasarkan pembangunan pelaburan baharu dalam industri strategik.

Selain pelaksanaan program-program di bawah MARA, kementerian turut melaksanakan program yang dapat melonjakkan tahap pendidikan dan ekonomi bumiputera. Antaranya ialah program sokongan pengukuhan keusahawanan luar bandar, dengan izin, *Re-Start* yang memfokuskan bantuan kepada usahawan yang terjejas di sebabkan pandemik COVID-19. Kedua, program, dengan izin, *Start Right at KPLB* yang menyasarkan kepada golongan belia berkemahiran memulakan perniagaan. Ketiga, skim pembiayaan perniagaan khas wanita iaitu DanaNITA khusus kepada usahawan wanita bumiputera bagi tujuan mengembangkan perniagaan.

Manakala dalam bidang ekonomi pula, kementerian sentiasa melaksanakan penambahbaikan ke atas program-program ekonomi sedia ada khususnya dalam mengaplikasikan penggunaan teknologi terkini dalam pelaksanaan projek ekonomi bagi meningkatkan lagi keupayaan pengeluaran produk dan seterusnya meningkatkan pendapatan. Kementerian akan terus merancang dan melaksanakan program-program pemerkasaan agenda pembangunan bumiputera bagi memanfaatkan penduduk luar bandar. Seterusnya berkaitan dengan pembiayaan pendidikan MARA.

Datuk Razali bin Idris: Saya sebelum Timbalan Menteri telah jawab. Saya hendak minta penjelasan sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Razali bin Idris: Okey, kita di Tasik Kenyir masih lagi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, agensi KETENGAH. Di Tasik Kenyir ini sebenarnya saya belum nampak lagi ada solar untuk menjana elektrik. Masing-masing lagi pakai generator set. Jadi saya hendak tahu secara spesifik, kalau tidak, boleh jawab sekarang atau secara bertulis, bilakah masa untuk kita *supply* tenaga solar di pulau-pulau dalam Tasik Kenyir?

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Yang Berhormat Senator, apa yang dibangkitkan *Insyallah* saya akan bawa ke kementerian dan kita akan jawab secara bertulis spesifik tentang perancangan untuk Tasik Kenyir tersebut. *Insyallah*.

Seterusnya ialah perkara berkaitan dengan pembiayaan pendidikan MARA. Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris iaitu berkenaan pinjaman pendidikan MARA ditukar taraf kepada biasiswa bergantung kepada kecemerlangan. Pelajar boleh dipertimbangkan pengurangan pinjaman pelajaran di antara 50 peratus hingga maksimum 90 peratus tertakluk kepada syarat dan peraturan yang berkuat kuasa.

Saya ada detil-nya di sini Yang Berhormat iaitu peringkat diploma iaitu antara CGPA sebagai contoh 3.5 kepada 4.0, 85 peratus dalam negara. Itu paling tinggi lah ya. Paling rendah ialah sekiranya ada tambahan masa 50 peratus. Di peringkat Ijazah pula 3.5 hingga 4.0 dalam negara 85 peratus, luar negara 90 peratus pengurangan. Tambahan masa kedua-duanya 50 peratus pengurangan.

Di peringkat Sarjana, lulus pengurangan 75 peratus dan 80 peratus dari luar negara. Tambahan masa kedua-duanya 50 peratus pengurangan. Di PHD pula iaitu lulus dalam negara 75 peratus pengurangan, 80 peratus untuk luar negara tertakluk kepada siling RM150 ribu dan tambahan masa 50 peratus kedua-duanya dalam dan luar negara. Di bidang profesional pula yang lulus 75 peratus dalam negara dan 80 peratus tertakluk kepada siling RM150 ribu di luar negara dan untuk tambahan masa 50 peratus kedua-duanya dalam dan luar negara. Seterusnya ialah masyarakat Orang Asli.

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan. Terusakan.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Terusakan, *alhamdulillah*. Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid, ada dalam dewan?

Timbalan Yang di-Pertua: Tiada.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Tiada. Jadi saya akan beri jawapan bertulis. Beliau ada membangkitkan lapan isu sebenarnya. Panjang juga.

Timbalan Yang di-Pertua: Panjang.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Seterusnya. Seorang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh tutup jelah nanti bagi jawapan bertulis sahajalah.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Okey jadi yang mana belum sempat itu saya akan jawab secara bertulis.

Jadi untuk mengakhiri penggulungan saya, Kementerian Pembangunan Luar Bandar sentiasa komited melaksanakan fungsi dan peranan kementerian untuk membangunkan masyarakat luar bandar supaya jurang kemakmuran dengan bandar dapat dikurangkan. Selaras dengan agenda Wawasan Kemakmuran Bersama dan Matlamat Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 untuk menyejahterakan luar bandar.

Kementerian juga akan membangunkan Pelan Strategik KPLB 2021 hingga 2025 sebagai hala cara untuk melaksanakan agenda pembangunan luar bandar secara holistik dan berkesan. KPLB *insya-Allah* beriltizam memastikan masyarakat luar bandar sejahtera dan pelbagai aspek kehidupan meliputi sosial, ekonomi dan budaya. Pembangunan luar bandar yang inklusif ini adalah selari dengan inspirasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengenai usaha membandarkan luar bandar. Sekian terima kasih. *Wabillahitaufiq walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar atas jawapan yang diberikan.

Seterusnya saya menjemput Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Dipersilakan.

3.09 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Muslimin bin Yahaya]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Waalaiumsalam.*

Tuan Muslimin bin Yahaya: Salam sejahtera, salam Keluarga Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2022 peringkat dasar iaitu yang pertama terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff, Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili dan Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu.

■1510

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff telah membangkitkan isu dana bagi memulakan perniagaan dan pemasaran digital bagi wanita-wanita Kelantan yang telah mempunyai asas latihan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pembiayaan dana bagi memulakan perniagaan untuk usahawan mikro khusus untuk golongan wanita melalui Program Memperkasa Golongan Wanita yang dilaksanakan oleh TEKUN Nasional dalam membantu dan membangunkan usahawan wanita melalui pembiayaan mikro kredit secara mudah dan cepat.

Pembiayaan yang ditawarkan adalah daripada bernilai RM1,000 hingga RM100 ribu dan peruntukan keseluruhan bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM20 juta. Bagi usahawan Kecil dan Sederhana, melalui program keusahawanan wanita SME Bank menyediakan kemudahan pembiayaan dengan peruntukan sebanyak RM200 juta khusus kepada usahawan wanita bagi keperluan pemilikan aset dan modal kerja dengan pembiayaan minimum sebanyak RM500 ribu dan maksimum RM3 juta. Secara keseluruhan, SME Bank telah merekodkan pembiayaan sebanyak RM219.8 juta kepada 107 orang usahawan wanita di bawah program ini.

Di samping itu, Pernas telah melancarkan Program Jadi Usahawan Berjaya khusus untuk wanita melalui Program Pembiayaan Keusahawanan Francais Wanita (SWEET). Pernas menyasarkan untuk melahirkan 1,000 orang graduan francais melalui program ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga November 2021, jumlah kelulusan pembiayaan adalah sebanyak RM4.5 juta kepada 32 orang usahawan wanita.

Dalam usaha membantu usahawan wanita melalui pasaran digital, MEDAC telah melaksanakan program-program khusus seperti berikut:

- (i) Program Pemasaran Dalam Talian oleh TEKUN Nasional dengan diperuntukkan sebanyak RM2.5 juta sehingga Oktober 2021 seramai 1,338 orang usahawan telah dilatih;
- (ii) Program UDA Perniagaan Wanita oleh UDA Holdings menyediakan program latihan, memberikan pembiayaan dan ruang niaga di premis milik UDA dan peruntukan yang telah kita berikan untuk tahun 2021 untuk program ini adalah sebanyak RM1.2 juta; dan,
- (iii) Program Internet Usahawan Wanita oleh SME Corp. dengan peruntukan keseluruhan tahun 2021 untuk program ini adalah sebanyak RM432 ribu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya maklumkan pagi tadi, kita sedia maklum berkenaan bencana banjir yang sedang melanda negara sekarang. Izinkan saya merekodkan dalam Dewan yang mulia ini sebelum saya menjawab soalan berkenaan koperasi yang dibangkitkan Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili sukacita sebagaimana yang disebut pagi tadi, Yang Berhormat Menteri MEDAC telah memaklumkan bahawa pengusaha koperasi yang terjejas banjir boleh mengemukakan permohonan untuk mendapatkan bantuan kewangan sehingga RM30 ribu kepada Suruhanjaya Koperasi melalui Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi.

Bantuan ini tidak terhad untuk premis koperasi yang terjejas banjir sahaja tetapi juga pembiayaan membiayai kerosakan dan kerugian di tapak pertanian, perladangan dan penternakan yang diusahakan oleh koperasi yang terjejas. Saya ulang semula, hanya tiga perkara sahaja yang perlu diberi perhatian yang pertama- *report* polis, kedua-gambar berkaitan; dan yang ketiga- isi secara *online* melalui URL app.online.skm.gov.my.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili telah membangkitkan isu mengenai pelaksanaan program dan perancangan bagi memperkasa gerakan koperasi, penubuhan bank digital koperasi dan pemerksaan koperasi diperluaskan kepada pelbagai sektor.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi meneruskan agenda pemerksaan koperasi, MEDAC telah melancarkan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) tahun 2021/2025 pada 30 Mac 2021 yang menggariskan langkah-langkah transformasi bagi memperkasakan gerakan koperasi di Malaysia.

Antara langkah strategik yang dinyatakan dalam TransKoM 2021/2025 iaitu menyediakan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan perniagaan koperasi yang merangkumi pertama, akses kepada pembiayaan yang inklusif, pengadaptasian teknologi digitalisasi dan automasi, program bimbingan sokongan, fasiliti dan khidmat nasihat dan akses kepada pasaran domestik serantau dan antarabangsa.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) juga melaksanakan pelbagai program antaranya pembiayaan Tabung Modal Pusingan sehingga RM10 juta kepada koperasi yang layak bagi melaksanakan aktiviti ekonomi yang berdaya maju.

Untuk makluman, sehingga 30 November 2021 sebanyak 88 permohonan koperasi telah diluluskan dengan jumlah keseluruhannya sebanyak RM51.38 juta.

Kedua, Geran Bantuan Pembangunan Perniagaan sehingga RM300 ribu kepada mana-mana koperasi yang layak yang bertujuan untuk menaik taraf infrastruktur ataupun premis perniagaan, pembelian peralatan, mesin kelengkapan dan lain-lain. Sehingga 30 November 2021, sebanyak 57 permohonan koperasi telah diluluskan dengan jumlah keseluruhannya adalah sebanyak RM4.5 juta.

Ketiga, Program Pemerksaan Rantaian Bekalan Koperasi pula bertujuan untuk membangunkan dan menaikkan taraf pusat pengedaran koperasi baharu ataupun sedia ada bagi mengukuhkan rantaian bekalan koperasi dalam sektor pemborongan dan peruncitan. Sehingga 30 November 2021, sebanyak 12 permohonan koperasi telah diluluskan dengan jumlah sebanyak RM2 juta.

Keempat, Program Transformasi Ekonomi Gerakan Koperasi (TRANSFER) bertujuan untuk membantu koperasi yang terjejas untuk meneroka peluang perniagaan yang baharu.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 November 2021 sebanyak 110 permohonan koperasi telah diluluskan dengan jumlah RM6.8 juta.

Kelima, Program Jualan Koperasi Prihatin Rakyat (JKPR) ini satu inisiatif jualan yang diberikan kepada koperasi yang menjalankan peruncitan bagi mengurangkan harga barang keperluan harian. Sehingga 30 November 2021, sebanyak 175 buah koperasi telah terlibat dengan jumlah insentif sebanyak RM2.156 juta.

Kementerian melalui Bahagian Pembangunan Koperasi Penjaja dan Peniaga Kecil turut merancang beberapa program dalam mentransformasi dan memperkasakan ekonomi koperasi dengan kerjasama SKM, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) antaranya:

- (i) Program Pengukuhan Koperasi;
- (ii) Program Pemetaan Rantaian Bekalan; dan,
- (iii) Program Pembangunan Produk Koperasi.

Pada tahun 2020, Institut Koperasi Malaysia juga telah merancang beberapa program pembangunan kapasiti seperti Program Pembangunan Kepimpinan Koperasi, Program Asas Perniagaan Koperasi, Program Graduan Berkoperasi (G2K) dan seminar koperasi.

Untuk makluman Yang Berhormat, usaha untuk menubuhkan bank digital koperasi pula adalah selaras dengan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025 bidang tujuan kelima, langkah strategi ketiga iaitu mendigitalisasikan operasi dan sistem penyampaian koperasi.

ANGKASA melalui syarikat bersekutunya MyAngkasa Digital Services (MDS) telah mengemukakan permohonan untuk menubuhkan bank digital berdasarkan syariah pada Bank Negara Malaysia pada 30 Jun 2021. Penubuhan bank digital ini akan dapat memberi satu nafas baharu *insya-Allah* ke arah menyemarakkan lagi agenda kementerian untuk memperkasa gerakan koperasi sebagai salah sebuah cabang keusahawanan selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030.

Yang Berhormat Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili juga membangkitkan tentang pemerksaan koperasi dalam pelbagai bidang dan sektor ekonomi seperti mana entiti perniagaan yang lain, koperasi turut menjalankan pelbagai aktiviti perniagaan selain menjalankan aktiviti perbankan dan pemberian pinjaman kredit, gerakan koperasi di negara ini turut terlibat dalam beberapa aktiviti antaranya aktiviti pertanian, perumahan, perindustrian, pengguna, pembinaan, pengangkutan dan perkhidmatan.

Program-program pemerksaan dalam bidang yang disebutkan ini dilaksanakan dalam pelbagai kategori seperti pembiayaan, geran bantuan, bimbingan dan khidmat nasihat, menyediakan akses pasaran serta platform niaga dan program pembangunan kapasiti.

Daripada segi pembangunan kapasiti, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) pada tahun 2021 telah melaksanakan beberapa program latihan, bimbingan khusus dalam sektor peruncitan, perhotelan, perumahan bagi membantu pemerksaan koperasi. Semua program dilaksanakan secara bersemuka dan dalam talian. Di samping program yang dilaksanakan oleh agensi MEDAC, kementerian juga berkolaborasi dengan kementerian lain dalam menyediakan peluang pembangunan kapasiti di kalangan koperator dan dalam bidang kepakaran kementerian serta agensi yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu telah membangkitkan isu dana peruntukan di bawah TEKUN yang tidak mencukupi untuk usahawan India dan peluang yang disediakan oleh kementerian melalui SME Corp.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian melalui TEKUN Nasional ada menyediakan peruntukan khusus untuk usahawan India melalui Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) bagi tahun 2021.

■1520

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan. Sehingga Disember 2021, dana ini telah dimanfaatkan oleh seramai 1,331 orang usahawan kaum India dengan nilai kelulusan RM29.5 juta. Peruntukan RM20 juta, kita belanjakan RM29 juta. TEKUN akan meneruskan pembiayaan SPUMI ini dengan peruntukan sebanyak RM25 juta di bawah Bajet 2020. Pelaksanaan skim ini akan menggunakan mekanisme pelaksanaan sedia ada dan TEKUN bersedia untuk menyalurkan dana tambahan sekiranya peruntukan sedia ada telah digunakan sepenuhnya.

Untuk makluman Yang Berhormat, SME Corp. ada menyediakan pelbagai program pembangunan perusahaan mikro kecil dan sederhana daripada peringkat permulaan perniagaan sehingga ke peringkat luar negara termasuklah kepada PMKS yang terkesan akibat COVID-19. Program yang disediakan berbentuk pembangunan kapasiti dan keupayaan yang dilengkapi dengan latihan dan khidmat nasihat serta bantuan kewangan. Antara program yang telah dilaksanakan merupakan Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro, Program Peningkatan Enterpris Bumiputera dan Program Skim Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan PKS.

Bagi tempoh tahun 2020 hingga 30 November 2021, program-program yang dilaksanakan ini telah memberi manfaat kepada 14,480 orang usahawan PMKS termasuk golongan belia dan wanita dengan peruntukan yang diluluskan sebanyak RM180.9 juta. Bagi membantu PMKS yang terkesan, SME Corp. perkenalkan dua inisiatif bagi membantu aliran tunai perniagaan PMKS, yang pertama program pembiayaan pengukuhan PKS. Di bawah program ini, pembiayaan minimum sebanyak RM50 ribu sehingga maksimum RM250 ribu disediakan terutamanya dalam sektor-sektor yang terjejas dengan pandemik pada kadar faedah yang lebih rendah iaitu sebanyak tiga peratus tanpa yuran pemprosesan.

Bagi tahun 2021 hingga 30 November 2021, sejumlah 56 PMKS telah diluluskan dengan keseluruhan pinjaman berjumlah RM11.13 juta. Bagi Skim Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan di bawah skim pinjaman mudah yang dilaksanakan dengan rakan pembiaya yang dilantik menyediakan akses pembiayaan kepada PMKS melalui platform digital sebagai penyelesaian jangka pendek. Kadar faedah sebanyak dua peratus dengan nilai pembiayaan maksimum RM50 ribu sehingga RM500 ribu. Sehingga setakat ini, sejumlah 20 PMKS telah diluluskan dengan keseluruhan pinjaman berjumlah RM4.7 juta setakat 30 November 2021.

Selain daripada itu, MyPortal bantu PMKS yang dibangunkan oleh SME Corp. di bawah Pakej PENJANA menyediakan peluang kepada PMKS untuk mendapat khidmat nasihat dan bimbingan serta peluang untuk memasarkan produk khidmat melalui platform e-dagang dan e-pameran serta peluang menyertai sesi pepadanan perniagaan secara dalam talian. Sejumlah 620 PMKS telah mengguna pakai sistem ini di portal ini dan sejumlah 639 PMKS telah menyertai e-pameran melalui pelbagai aktiviti yang dilakukan dijalankan dalam minggu PKS dan pameran tahun SMIDEX 2021.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi kepada tiga orang Yang Berhormat Senator yang telah berbahas dan membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan MEDAC. Setakat ini sahaja penjelasan yang dapat saya berikan melalui isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2022, peringkat dasar pada Mesyuarat ini. Saya berharap daripada penjelasan tersebut, ia dapat menjawab semua soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Muslimin bin Yahaya, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, dipersilakan.

3.24 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Keluarga Malaysia.*

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan pertanyaan serta memberikan cadangan dan pandangan terhadap perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Wilayah Persekutuan semasa sesi perbahasan Belanjawan 2022 di Dewan ini, iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook, Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias.

Kita menyedari bahawa isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator semua adalah bertujuan bagi memakmurkan lagi Wilayah Persekutuan berlandaskan gagasan Keluarga Malaysia. Besar juga harapan kita supaya semua dapat bersama-sama untuk meningkatkan lagi prestasi dan kecemerlangan serta merealisasikan visi Wilayah Persekutuan yang maju dan sejahtera serta peneraju pembangunan yang mapan. Menerusi konsep *"Our City, Our Home"*, selaras dengan moto Wilayah Persekutuan, *"Wilayah Prihatin, Sihat dan Selamat"*.

Insya-Allah, kita akan memberikan maklum balas dalam masa yang ditetapkan dan kita berharap agar jawapan-jawapan yang diberikan akan dapat memberikan pencerahan yang sewajarnya. Jika ada persoalan yang tidak sempat dijawab di dalam Dewan ini, kita akan memberikan maklum balas kepada Ahli Yang Berhormat tersebut secara bertulis. Izinkan kita teruskan dengan memberi penjelasan atas isu-isu yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Aklan a/l Ehtook yang telah membangkitkan persoalan mengenai permohonan pembelian hartanah di Kuala Lumpur oleh bumiputera berketurunan Siam.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, semua pembangunan yang telah diberikan kebenaran merancang oleh DBKL akan dikenakan syarat sekurang-kurangnya 30 peratus unit atau ruang dalam pembangunan hendaklah diperuntukkan kepada bumiputera dan dijual dengan potongan lima peratus daripada harga jualan biasa. Unit-unit tersebut tidak boleh dijual kepada bukan bumiputera tanpa memperoleh kelulusan daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur terlebih dahulu.

Bagi persoalan yang Yang Berhormat Senator mengenai permohonan pengesahan bumiputera daripada Encik Chian a/l Tong Ein, DBKL sedang mengambil kira isu ini dan sedang mempertimbangkan status bumiputera merangkumi keturunan Siam selepas mengkaji implikasi perundangan serta pendirian kerajaan sedia ada. Kemudian respons terbaru akan diberikan semula oleh DBKL kepada Encik Chian a/l Tong Ein.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Aklan a/l Ehtook juga telah membangkitkan pertanyaan mengenai permohonan geran hak milik baharu oleh Wat Buddha Jayanti di Kuala Lumpur.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, berkaitan isu pengeluaran hak milik baharu berikutan berlakunya pengambilan sebahagian tanah ke atas Lot 41, Seksyen 65 Bandar Kuala Lumpur. Hasil semakan yang dibuat didapati pelan akui baki pengambilan tanah telah pun selesai dikeluarkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Kuala Lumpur serta disahkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selaku agensi kerajaan yang melaksanakan proses pengambilan tanah.

Justeru, proses pendaftaran geran hak milik baharu ini di peringkat akhir dan sedang dalam tindakan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan. Dijangka hak milik geran baharu ini akan selesai didaftarkan selewat-lewatnya awal tahun 2022. PPTG Wilayah Persekutuan akan menghubungi pemegang amanah Wat Buddha Jayanti dalam tempoh terdekat untuk kutipan geran hak milik baharu setelah pendaftaran tersebut selesai dibuat.

Berhubung dengan barang cukai, manakala menjawab isu berkenaan jumlah cukai tanah yang dikenakan ke atas Lot 41, Seksyen 65 Bandar Kuala Lumpur tersebut, nilainya adalah sebanyak RM14,716 setahun. Jumlah tersebut adalah berdasarkan kadar cukai RM4.60 semeter persegi bagi keluasan tanah seluas hampir 3,199 meter persegi setelah ditolak pengambilan sebahagian daripada tanah seluas kira-kira 102 meter persegi.

Kadar cukai RM4.60 semeter persegi yang dikenakan ini telah diwartakan melalui Warta Persekutuan yang telah ditetapkan serta ia bertepatan dengan maklumat nyata, sepertimana dalam geran hak milik tanah tersebut. Walau bagaimanapun, memandangkan tanah tersebut telah dijadikan sebagai tapak rumah sembahyang Wat Buddha Jayanti yang mana ia berlainan daripada syarat nyata tanah di dalam geran hak milik. Maka sebagai langkah penyelesaian muktamad, pemegang amanah Wat Buddha Jayanti dinasihatkan untuk mengemukakan permohonan kepada PPTG Wilayah Persekutuan untuk menukar syarat nyata tanah kepada tujuan rumah sembahyang bagi membolehkan kadar cukai lebih rendah dikenakan iaitu RM0.22 semeter persegi.

■1530

Kerajaan amat memahami beban masalah kewangan yang dihadapi oleh Wat Buddha Jayanti bagi menjelaskan yuran tahunan cukai tanah yang tinggi tersebut. Justeru, mengambil kira aspirasi 'Keluarga Malaysia' yang kini menjadi keutamaan pihak kerajaan sekarang serta pelbagai langkah penyelesaian sementara, Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan berusaha mendapatkan kelulusan segera remitan pengurangan cukai tanah sebanyak 95 peratus daripada jumlah cukai RM14,716 yang dikenakan sekarang iaitu bersamaan RM736 setahun mengikut tempoh selagi mana tanah tersebut digunakan untuk tujuan rumah sembahyang.

Kalau ada Yang Berhormat berkenaan yang ingin bertanya lanjut boleh berbuat demikian. Jadi, sekarang telah kurang ke tahap RM736 daripada RM14,716. Jadi, Yang Berhormat ambil ingatan tentang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya telah mencadangkan supaya dana khusus diwujudkan untuk penjaja Kuala Lumpur melalui Yayasan Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Yayasan Wilayah Persekutuan bukan di bawah entiti atau kawalan DBKL. Untuk pemberian bantuan kepada penjaja bagi pihak DBKL.

Walau bagaimanapun, pihak DBKL sentiasa peka dengan keadaan semasa penaja-penaja yang menghadapi cabaran menjalankan perniagaan ketika pandemik. Oleh itu, pihak DBKL telah menyalurkan bantuan secara terus kepada penaja iaitu pengecualian fi lesen untuk semua kategori penaja untuk tempoh enam bulan mulai Jun hingga Disember 2021 dengan nilai berjumlah RM12.58 juta.

Kedua, diskaun pembayaran sewa sebanyak 50 peratus sepanjang tahun 2021 untuk pusat penaja dan juga pasar berbangunan di bawah pengurusan DBKL. Secara keseluruhan, jumlah pengurangan sewa yang telah diberikan kepada seramai 226 orang penaja sehingga Disember 2021 ialah sebanyak RM14.8 juta. Ketiga, bantuan *one-off* RM500 bagi seorang penaja dengan jumlah RM11.9 juta. Secara keseluruhan, bantuan yang diberikan adalah bernilai RM39.28 juta.

Kementerian ini berpandangan, mekanisme ini adalah kaedah yang paling berkesan, efektif dan cepat dalam usaha memberi bantuan terus kepada penaja di Kuala Lumpur berbanding dengan penubuhan dana khusus yang memerlukan pelbagai proses penilaian bagi pengeluaran kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias telah membangkitkan pelbagai ...

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Mohon penjelasan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: ... Kementerian Wilayah Persekutuan. Ya, sila.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: ...Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah untuk bandar Kuala Lumpur dan kakitangan DBKL kerana kejayaan kita mengawal banjir tempoh hari. Nampaknya DBKL telah bertindak pantas. Saya bagi pihak warga negeri Kuala Lumpur dan Dewan mengucapkan tahniah kepada DBKL... [Tepuk]

Berbalik kepada persoalan, penjelasan saya, berkenaan dengan pasar malam-16 ribu orang peniaga pasar malam yang saya cadangkan dikenakan RM2, tidak dikenakan bayaran lesen. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri soal ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Jadi, apakah yang Yang Berhormat minta saya buat?

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Satu perkara berkaitan dengan lesen ini. Kalau boleh kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menggunakan pasar malam ini sebagai salah satu daripada saluran pengedaran barang-barang makanan contohnya ayam. Kalau diizinkan kita boleh berbincang dengan FAMA Corp, maknanya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menyelia harga ayam ini, kita menggunakan pasar malam ini sebagai salah satu saluran pengedaran untuk Kerajaan Pusat atau Kementerian Wilayah kontrol harga ayam.

Contohnya kalau kita dapat beli daripada FAMA Corp, RM5 contohnya. Makna kata saluran akhir ini kita letakkan RM7 atau RM5, dengan ini Bandaraya boleh kontrol harga-harga ayam ini untuk penduduk-penduduk di Kuala Lumpur. Itulah harapan saya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Cadangan Yang Berhormat itu yang RM2 satu malam itu macam mana?

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Satu kali pendaftaran sahaja RM2.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: RM2.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: RM2 untuk pendaftaran dan tidak perlu lesen. Dengan cara itu, kita boleh kawal dan gunakan peniaga pasar malam ini sebagai salah satu saluran Bandaraya untuk membantu rakyat Kuala Lumpur.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Cadangan Yang Berhormat ini adalah cukup baik. Di antara yang terbaik. Yang Berhormat. Saya ucap terima kasih. Kita telah rancang. Akan tetapi kita menjawab di Dewan yang mulia ini, kita beritahu bahawa cadangan Yang Berhormat itu dipersetujui dan diluluskan. Kita akan bagi... [Tepuk]

Jadi, seperti yang dibuat di setiap Parlimen, kita ada jualan murah yang dibuat. Macam kementerian- Menteri di sini. Menteri maklum tentang yang dibuat di setiap Parlimen, dia bagi setiap Parlimen tiga kali. Akan tetapi untuk Parlimen saya, saya beri tiga kali. Untuk Wilayah Persekutuan ini, kita akan cuba berkali-kali untuk menurunkan harga barangan. Jadi, Yang Berhormat kita memudahkan.

Berhubung dengan banjir, kita berterima kasih dengan semua pihak. DBKL telah dapat kawal banjir. Sekarang ini kita hanya mengepam air daripada mana-mana *basement* yang dipenuhi air dan sekarang telah berjalan rancak *basement* di Bestari sedang kita pam dan *insya-Allah* pada petang ini air dapat dikurangkan.

Semua jentera berat ini akan dipindahkan ke Taman Sri Muda di Shah Alam, Dengkil dan juga di Bukit Changgang, kita akan pindahkan ke sana. Sesetengah orang berkata, kenapakah lambat dan sebagainya? Saya hendak beritahu bahawa perkara ini telah dibuat, kesemua kementerian telah melaksanakan tugas masing-masing. Kehadiran kami ialah untuk membantu mana-mana kawasan yang menghadapi banjir. Kita bukan sahaja bantu melalui peralatan tadi, kita juga bagi barang makanan dan juga lain-lain lagi yang diperlukan. Semasa banjir ini orang memerlukan *pampers*, tuala wanita dan sebagainya, itu Yayasan Wilayah Persekutuan bersama Kementerian Wilayah, kita akan terlibat secara langsung membantu jiran dan juga kawasan-kawasan lain yang memerlukan.

Jadi berhubung dengan apa yang telah Yang Berhormat menyebut, kita akan mudah cara. Itu sebabnya apabila Yang Berhormat bagi pandangan yang bagus, kita terus setuju sebab itu adalah antara caranya yang boleh menurunkan harga barang. Dalam masa yang sama marilah kita berusaha bertungkus-lumus berusaha keras. Semua pihak turun padang untuk membantu mangsa banjir. Kementerian ini berpandangan mekanisme ini ialah kaedah yang berkesan, efektif dan cepat seperti yang telah saya sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias telah membangkitkan pelbagai persoalan mengenai pembangunan di Wilayah Persekutuan Labuan. Pertama ialah pembangunan Pulau Rusukan Besar dan Pulau Papan sebagai destinasi pelancongan. Perbadanan Labuan telah melaksanakan kerja-kerja membina platform serta kerja-kerja berkaitan di Jeti Pulau Rusukan Besar pada tahun 2018 bagi memudahkan pengunjung ke pulau tersebut.

Jabatan perikanan Wilayah Persekutuan Labuan juga telah melaksanakan kerja-kerja naik taraf jeti yang telah dibina pada tahun ini yang melibatkan skop kerja seperti pembinaan sebuah ponton, struktur pemecah ombak dan juga lampu limbah di sepanjang jeti.

Bagi Pulau Papan, sejak pengumuman bagi pembukaan ekonomi aktiviti pelancongan di pulau tersebut telah bergerak dengan rancak semula. Perbadanan Labuan juga sedang menggiatkan usaha untuk menarik pelabur yang berminat untuk memajukan pulau tersebut. Pembangunan Labuan Geopark.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Mesyuarat Jawatankuasa Geopark Kebangsaan- KeTSA, Bil. 1/2021, pada 16 Disember 2021 telah bersetuju memperakukan Labuan Geopark sebagai Geopark Kebangsaan. Selaras dengan pengakuan tersebut, Perbadanan Labuan akan memberikan komitmen yang terbaik dalam merealisasikan pembinaan Labuan Geopark.

Tumpuan akan diberikan untuk meningkatkan kemudahan pengunjung melalui program naik taraf tapak dan seumpamanya. Permohonan bajet melalui *Rolling Plan* Ke-12 disediakan bagi pembangunan tapak Labuan Geopark. Pelancongan sukan. Lima minit lagi boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang hebat.

Seterusnya persoalan Yang Berhormat Senator berkenaan dengan inisiatif bagi menjadikan Labuan sebagai destinasi pelancongan sukan. Pada tahun 2022, Perbadanan Labuan akan meneruskan komitmen merancang dan mengadakan pelbagai program aktiviti sektor pelancongan seperti berikut: Karnival Sukan Pantai Labuan, *Labuan Team Time Trial Wilayah Day Cycling Open*, *Battle of The Band*, minta maaf, dengan izin Tuan Yang di-Pertua ini mereka sudah bagi nama-nama dan *brand* macam ini sebab mereka telah *publish* dalam sosial media dan sebagainya. Pertandingan Busana Tradisional, pertandingan Tarian *Challenge* dan juga *e-sport games*.

■1540

Perbadanan Labuan turut mempromosikan Labuan dengan kerjasama *Tourism Malaysia* dengan mengadakan satu sesi bersama ejen-ejen pelancongan Sabah dan Sarawak dalam program *My Destination Sabah and Labuan to Penang*. Seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, Perbadanan Labuan juga akan mengekalkan program sedia ada seperti *Labuan International Sea Challenge* dan *Borneo Arts Festival* dengan menambah baik daripada segi pelaksanaan dengan memasukkan elemen tayangan *Fb* secara *live*, namun ia juga tertakluk kepada keadaan semasa.

Mini Litar Labuan. Untuk makluman Yang Berhormat, projek membina Mini Litar Labuan dengan peruntukan sebanyak RM3 juta termasuk dalam senarai projek yang telah dibatalkan, iaitu merujuk kepada surat Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Wilayah Persekutuan.

Jambatan Labuan-Sabah. Seterusnya bagi menjawab persoalan Yang Berhormat berkenaan dengan pembinaan Jambatan Labuan. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir ada di sini? Yang Berhormat, kalau ada yang kurang jelas itu tolong bangkit tanya. Ganggu lah Menteri ini, tidak ada masalah ya.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, melalui *timeline* yang telah disusun, iklan tender *request for proposal* telah tamat pada 1 November 2021. Tempoh pelaksanaan penilaian dokumen pula dijangka akan mengambil masa sekurang-kurangnya selama enam minggu yang akan melibatkan dua Jawatankuasa Penilaian berbeza dan berasingan iaitu Jawatankuasa Penilaian Komersial dan Jawatankuasa Penilaian Teknikal. Berdasarkan penilaian yang telah dibuat, syarikat pembida berjaya akan diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap jawapan-jawapan yang telah diberikan tadi terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan serta dibahaskan oleh Yang Berhormat Senator semua dapat memberikan pencerahan yang sewajarnya.

Jika ada mana-mana jawapan yang tidak dapat dijawab secara lisan, kita boleh berikan jawapan secara bertulis. Akan tetapi yang paling penting apa sahaja tindakan dan cadangan yang baik, kita akan ambil tindakan serta-merta tanpa melengah-lengahkan.

Oleh sebab ini ialah pesanan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu konsep Keluarga Malaysia ini ialah dengan mengambil tindakan serta-merta untuk kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan atas penjelasan jawapan yang diberikan.

Seterusnya saya menjemput Kementerian Sumber Manusia. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

3.43 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Haji Awang bin Hashim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang telah disentuh dalam perbahasan yang lalu berkenaan dengan peruntukan yang diberi kepada kementerian. Secara umumnya, peruntukan yang diluluskan ini secara keseluruhannya adalah bertambah sebanyak RM4.1 juta atau 0.32 peratus jika dibandingkan pada tahun 2021 yang diluluskan sebanyak RM1,288.26 juta.

Peruntukan mengurus pula pada tahun 2022 ini telah diluluskan berjumlah RM835.67 juta yang telah diluluskan jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 2021 berjumlah RM823.8 juta. Secara umumnya peruntukan tahun 2022 adalah bertambah sebanyak RM11.8 juta ataupun 1.43 peratus. Peruntukan pembangunan pula bagi tahun 2020. Untuk tahun 2022, peruntukan pembangunan pula untuk tahun 2022 berjumlah RM456.7 juta yang telah diluluskan jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 2021 yang berjumlah RM464.5 juta. Secara umumnya, peruntukan ini bagi tahun 2022 adalah berkurangan sebanyak RM7.7 juta atau 1.67 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Bajet 2022 yang diperuntukkan kepada Kementerian Sumber Manusia juga merangkumi program-program latihan kemahiran dan juga peningkatan kemahiran dan peningkatan insentif pengambilan pekerja, begitu juga terhadap perlindungan sosial bagi pekerja-pekerja dalam ketika kelulusan peruntukan diberikan kepada Kementerian Sumber Manusia bagi tahun 2022.

Saya bagi pihak Kementerian Sumber Manusia mengucapkan terima kasih di mana seramai 10 orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu dan cadangan berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia sepanjang sesi perbahasan pada kali ini. Seterusnya, izinkan saya menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan di Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, seramai empat orang Yang Berhormat Senator iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz, ada tak? Yang tidak ada, saya tidak akan jawab... *[Disampuk]* Ada?

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan. *Are you here? All right, thank you.* Yang Berhormat Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin... *[Disampuk]* *[Berucap dalam bahasa Tamil]* Seterusnya, disentuh berkenaan dengan- perkara-perkara yang disentuh adalah berkenaan dengan peluang pekerjaan yang berkualiti yang disediakan oleh kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia. Mewujudkan pekerjaan mahir yang menawarkan kadar gaji yang setimpal ataupun sepadan dengan taraf pendidikan dan pengalaman bagi mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi.

Dalam situasi pasaran pekerjaan yang kompetitif pada masa kini, kebarangkalian untuk berlakunya ketidaksepadanan kemahiran adalah tinggi disebabkan oleh dua faktor iaitu pelajar-pelajar di institusi latihan dan pendidikan tidak dibekalkan dengan kemahiran dan pengetahuan yang tepat dan juga ketidaksempurnaan pasaran pekerjaan yang diminta oleh pasaran pekerjaan.

Jadi, yang ini kita memberi tumpuan yang khusus untuk kita titik beratkan untuk kita *match* atau menyesuaikan dengan Revolusi Industri 4.0 yang baru diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Keluarga Malaysia baru-baru ini.

Ketidaksempurnaan pasaran pekerjaan ini berlaku apabila pasaran pekerjaan sesebuah negara tidak dapat menawarkan pekerjaan yang setara dengan kelayakan yang dimiliki oleh pekerja.

Oleh sebab itu, kerajaan melalui satu agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia yang dinamakan TalentCorp giat memberi penekanan kepada peningkatan kebolehpasaran graduan dengan mengaplikasikan penggunaan senarai pekerjaan kritikal yang bertujuan untuk mengenal pasti kemahiran-kemahiran dan pekerjaan-pekerjaan yang sukar dipenuhi juga merangkumi keperluan tenaga kerja mahir dan separa mahir bagi merentasi sektor-sektor utama negara yang menjadi tunjang kepada pembangunan ekonomi negara pada ketika ini.

Selain daripada itu, TalentCorp juga telah membentuk badan penasihat industri dan bakat yang dianggotai oleh pihak industri serta wakil daripada Bahagian Pembangunan Modal Insan merentasi sektor ekonomi. Badan ini memfokuskan kepada usaha untuk menambah baik serta memperkasakan tiga elemen utama;

- (i) pekerjaan dan pasaran pekerjaan;
- (ii) mengurangkan jurang perbezaan kemahiran; dan
- (iii) pekerjaan pada masa hadapan.

Kita pun dalam erti kata lain, kerajaan telah menyediakan sebuah portal yang disebut dalam nama khasnya *MYFutureJobs* ataupun Pekerjaan Masa Hadapan. Dalam usaha menangani masalah untuk mewujudkan pekerja mahir yang berkualiti, kerajaan melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran telah menawarkan program latihan kemahiran berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan yang dibangunkan dengan kerjasama industri.

Justeru itu, melalui program modular secara sepenuh masa dan separuh masa juga dilaksanakan bagi memberi peluang kepada pekerja kurang mahir untuk meningkatkan kemahiran dalam masa yang singkat ini.

■1550

Sehingga November 2021, sebanyak 320 program modular yang telah diluluskan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran melibatkan 6,508 orang pelatih dalam pelbagai bidang kemahiran dan tahap pensijilan. Berkaitan dengan penetapan gaji bagi bidang profesional seperti jurutera yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator yang saya sebutkan tadi, ia tertakluk kepada kuasa penawaran iaitu *supplier*. Kuasa penawaran dan juga kuasa permintaan- *supply and demand*, dalam pasaran buruh negara. Kadar gaji yang setimpal juga dengan taraf pendidikan, kemahiran dan pengalaman juga boleh dirundingkan dengan pihak majikan melalui kontrak perkhidmatan dan perundingan perjanjian kolektif bagi pekerja yang menganggotai kesatuan sekerja.

Kerajaan juga menggalakkan majikan untuk membayar tambahan gaji kepada pekerja berdasarkan produktiviti selain bayaran gaji pokok. Oleh yang demikian, sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan pekerja dan meningkatkan daya saing syarikat bagi mengekalkan kos buruh yang kompetitif.

Berhubung isu perpindahan...

Datuk Razali bin Idris: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Haji Awang bin Hashim: Ya. Silakan.

Datuk Razali bin Idris: Saya hendak minta sedikit penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut tadi- okey yang pertamanya saya hendak ucapkan terima kasih kerana penjelasan. Kuasa penawaran, manakah lebih besar? Kuasa penawaran ataupun kuasa kerajaan? Hari ini kita dapat lihat ramai mahasiswa mahasiswi kita ini yang bekerja kena buang, yang berpengalaman tak setimpal gaji.

Selepas itu, persaingan kita dengan pendatang asing, pekerja luar. Kita sentiasa mengatakan bahawa kita tak cukup pekerja. Masalahnya sekarang, gaji kita terlampau rendah.

Jadi saya rasa, soalan sedikit minta pencerahan, apakah kerajaan tidak boleh menetapkan satu- tangga gaji yang sesuai dengan kelulusan yang kita ada? Ini kelulusan *engineer*, tetapi gaji RM2,500. Saya rasa tidak berbaloi. Jadi mohon pencerahan, kuasa pemasaran dengan kuasa kerajaan, manakah lebih besar? Jadi dua soalan. Terima kasih.

Datuk Haji Awang bin Hashim: Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Razali. Memang, sebab itulah kita melihat- saya setuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Datuk Razali ini kerana permintaan ataupun kita panggil penawaran sektor pekerjaan sekarang ini yang kita lihat paling drastik kita nampak apabila berlaku pandemik COVID-19. Bila berlaku pandemik COVID-19 ini, benda yang di luar jangkaan.

Jadi pada ketika ini, di sebalik negatif ada positifnya iaitu hikmah yang kita dapat melihat bahawa di sini kita boleh merangka lagi daripada segi sektor gaji. Oleh sebab itulah kerajaan sampai sekarang setelah hampir dua tahun tidak lagi menyambung balik permit-permit ataupun kebenaran masuk kepada pekerja asing kerana kita hendak melihat, hendak memberi peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Juga, kita sedang melihat bagaimana kita hendak mengisi pekerjaan-pekerjaan yang sesuai dengan gaji kepada graduan-graduan kita dalam pasaran sekarang seperti mana kita, pihak kerajaan melancarkan program PENJANA. Begitu juga dan sekarang ini pun kita lihat paling kurang graduan-graduan kita mendapat gaji yang agak tinggi. Cuma, kesesuaian yang berlaku dengan satu, daripada segi latar belakang kelulusan mereka dan juga pendidikan mereka. Hendak disesuaikan itu kita perlu kepada satu kajian yang disebut itu disebut telah ditubuhkan, bukan ditubuhkan, memang ada. Majlis Penggajian Negara yang akan meneliti perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Datuk Razali tadi. Terima kasih.

Berhubung dengan isu perpindahan- saya sambung balik. Isu perpindahan tenaga kerja rakyat Malaysia ke luar negara yang diakibatkan oleh faktor gaji setara. Kerajaan sentiasa berusaha untuk membantu industri peningkatan peratusan upah yang lebih mampan dalam Keluaran Negara Kasar. Antaranya menggalakkan industri menambah nilai kerja melalui inovasi dan kreativiti berasaskan elemen automasi serta berteknologi tinggi bagi meningkatkan produktiviti pekerja. Ini juga ada kaitan dengan lambakan pekerja dalam pasaran iaitu mereka yang sedang mencari pekerja.

Keduanya, menarik lebih banyak pelaburan langsung asing atau pelaburan langsung domestik bagi mencipta peluang pekerjaan bernilai tinggi dan juga pekerja yang berkemahiran. Ini membolehkan rakyat memperoleh kadar gaji lebih tinggi serta mengurangkan migrasi ke luar negara.

Saya ingat ini terjawab sedikit perkara-perkara yang disentuh oleh Datuk Razali tadi kerana inilah yang kita sedang lakukan dengan kita membawa masuk *Foreign Direct Investment* (FDI) ke dalam negara kita dan kita ada etika-etika gaji yang kita boleh tetapkan kepada mereka dan kedua-dua pihak dipanggil *mutual agreement* dengan izin, akan bersetuju dengan perkara-perkara ini seperti mana pelaburan yang berlaku masuk lebih kurang RM8.3 bilion ke negeri Kedah di *Kulim Industry Estate* baru-baru ini. Saya kira satu rangsangan kepada graduan-graduan kita di mana tawaran gaji yang agak tinggi di *Kulim Industry Estate* ini yang mana mereka boleh melibatkan diri dalam sektor-sektor industri terbuka ini.

Di samping itu, tidak dapat dinafikan tempoh kerja yang panjang, bebanan kerja yang melampau dan sistem pekerjaan yang tidak kondusif serta tidak sistematik menyebabkan pekerja mencari pekerjaan baharu termasuk ke luar negara. Dalam menangani isu ini- itu kita sudah mengenal pasti kelemahan yang ada dan kita juga sudah ada cadangan untuk hendak memberi perlindungan atau menangani isu ini.

Kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia memperuntukkan satu waktu kerja seharian yang wajib dipatuhi oleh majikan di bawah seksyen 60A tadi, mana yang lebih berkuasa antara permintaan pemain-pemain industri- *industry players* dengan kuasa kerajaan.

Akta ini juga telah kita buktikan, wajib dipatuhi oleh majikan di bawah seksyen 60A(1) iaitu Akta Kerja 1955. Akta ini memperuntukkan seseorang pekerja:

- (i) tidak boleh bekerja lebih daripada lima jam berturut-turut tanpa waktu rehat tidak kurang 30 minit;
- (ii) tidak boleh bekerja lebih daripada lapan jam dalam sehari; dan
- (iii) tidak boleh lebih daripada 48 jam dalam seminggu.

Ini kriteria yang telah kita tetapkan dan dipersetujui oleh kesatuan sekerja dan juga majikan-majikan dalam negara kita.

Selain daripada itu, pindaan berkaitan pengurangan waktu bekerja setiap minggu telah dicadangkan daripada 48 jam kepada 45 jam dicadangkan dalam pindaan Akta Kerja 1955- saya minta lebih sedikitlah. Ada panjang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau panjang, beri jawapan secara bertulis Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Haji Awang bin Hashim: Okey. Terima kasih. Saya ambil sedikit lagi. Boleh lebih kurang lima minit minta, boleh? Tadi bagi...

Timbalan Yang di-Pertua: Fasal kita ada lagi jawapan...

Datuk Haji Awang bin Hashim: Tadi Yang Berhormat Menteri Wilayah dapat lima minit, takkan saya tak dapat? Kena *fair*-lah kita...

Timbalan Yang di-Pertua: Tadi...

Datuk Haji Awang bin Hashim: Bila tunjuk adil, adil kepada semua. Jadi kalau sorang itu dipanggil *bias*, dipanggil kroni.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, lima minit.

Datuk Haji Awang bin Hashim: Ya, lima minit. Terima kasih... *[Ketawa]* Okey. Selain daripada pindaan Akta Kerja 1955, juga terkandung dalam satu peruntukan baharu bagi membolehkan pekerja memohon aturan yang sesuai yang juga fleksibel. Hal ini dapat meningkatkan produktiviti pekerja bagi menggalakkan- seterusnya saya hendak menyentuh berkenaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba Radzi berkaitan pengangguran yang melibatkan Orang Kurang Upaya dan tindakan progresif kerajaan. Berdasarkan statistik Sistem Insurans Pekerjaan, bilangan Orang Kurang Upaya yang berdaftar di bawah Gerbang Kerjaya Masa Hadapan bagi tempoh Mac 2020 sehingga 10 Disember 2021 adalah seramai 9,052 orang.

Berkaitan dengan pengangguran dalam kalangan Orang Kurang Upaya, kerajaan melalui PERKESO telah melaksanakan Program PenjanaKerjaya di bawah PEMULIH yang bermula pada 15 Julai 2021 hingga 31 Disember 2021. PERKESO turut mengadakan Karnival Kerjaya di seluruh negara agar program pengambilan pekerja termasuk pekerja Orang Kurang Upaya dapat dilaksanakan dengan berkesan dan yang terakhir 14 Disember yang lepas.

Selain daripada itu, kerajaan melalui bajet ini telah memperuntukkan sebanyak RM2 bilion kepada PERKESO untuk melaksanakan Jamin Kerja, insentif penggajian di bawah Sistem Insurans Pekerjaan yang dijangka akan memanfaatkan 300 orang pencari kerja termasuk golongan Orang Kurang Upaya dari seluruh negara.

■1600

Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek mencadangkan untuk memperluaskan Skim Insurans Jaminan Pendapatan Waktu Bersalin di bawah PERKESO, geran tunai dan juga cuti paterniti termasuk elaun paterniti. Seronok orang laki-laki ini, paterniti. Kerajaan sentiasa komited dan berusaha untuk memperluaskan skim insurans ini.

Bagi pekerja yang bekerja sendiri dalam sektor yang tidak formal, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] telah dikuatkuasakan mulai 1 Jun 2017 bagi memberi perlindungan kepada mereka di bawah Skim Bencana Pekerjaan Sendiri.

Di bawah Akta Keselamatan Sosial 1969 [Akta 4] telah memberi perlindungan kepada pekerja dan orang tanggungannya daripada sebarang bencana. Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] pula bertujuan untuk membantu golongan pekerja yang kehilangan pekerjaan untuk mendapat bantuan kewangan dan mencari pekerjaan baharu.

Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek juga menyentuh tentang jaminan pendapatan waktu bersalin. Bagaimanapun, cadangan ini perlu diperhalusi kerana ia perlu mengambil kira kos sara hidup, kadar inflasi semasa dan kemapanan dana PERKESO.

Untuk soalan daripada Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Khairil Nizam bin Khirudin, saya tidak jawab.

Untuk soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan, berkenaan dengan TVET. Kerajaan melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran memberi latihan kemahiran kepada seluruh rakyat Malaysia termasuk belia di luar bandar dalam kategori miskin, berpendapatan rendah ataupun kumpulan B40. Sistem latihan program bertauliah dilaksanakan sepenuhnya di pusat latihan berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan di seluruh negara. Sistem Latihan Dual Nasional juga yang menerapkan kaedah 70 peratus latihan di industri dan 30 peratus latihan di pusat latihan juga dilaksanakan.

Begitu juga bagi meningkatkan penyertaan belia berasaskan TVET, kerajaan menerusi Jabatan Tenaga Manusia (JTM) mempergiatkan aktiviti promosi bertujuan untuk mengubah stigma masyarakat dalam mengurusperdanakan program TVET. Lebih 300 aktiviti promosi melalui pelbagai saluran media dan melaksanakan promosi berskala mega berserta ceramah ke seluruh sekolah dan komuniti mengenai peluang dan kerjaya dalam bidang TVET.

Dasar Revolusi Industri Keempat Negara di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi juga telah bersama dipertanggungjawabkan mencari bakat digital. Kluster ini berperanan mengenal pasti program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh pelbagai kementerian. Bagi membangunkan bakat profesional *digital economy* termasuk 20 ribu orang dalam bidang keselamatan iaitu pekerja berkemahiran tinggi keselamatan siber dan 30 ribu orang profesional data bagi menjelang tahun 2025.

Selain itu, kementerian melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran mengikut Akta 652 bagi membolehkan peningkatan tahap persijilan ke tahap lebih tinggi iaitu sehingga ke tahap lapan seperti mana yang diamalkan di negara maju. Objektif utama adalah untuk melahirkan pekerja yang mempunyai kepakaran yang tinggi. Perancangan peningkatan pada tahap ini akan dimuktamadkan pada tahun 2022.

Jadi, saya akan menjawab lagilah secara bertulis kepada semua yang membangkitkan sebab tidak habis. Memang teks agak panjang yang disediakan. Saya hendak akhiri dengan pantun saya, Tuan Yang di-Pertua iaitu:

*Menimba ilmu ke hulu ke hilir;
Biar ilmu penuh di dada.
Sumber Manusia perlulah mahir;
Supaya kukuh ekonomi negara.*

*Merdu bertingkah alunan suara;
Kadang tak sedar tersilap kata.
Andai terlanjur patah bicara;
Serendah hati kemaafan dipinta.*

Sekian, terima kasih... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia atas jawapan yang diberikan.

Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia.

4.04 ptg.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Zahidi bin Zainul Abidin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semula Ahli Yang Berhormat Senator yang prihatin, yang telah mengambil bahagian dalam memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang kuasa kementerian ini sepanjang sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2022 yang bermula dari 14 hingga 16 Disember 2021.

KKMM menyokong sepenuhnya RUU Perbekalan 2022 yang bertemakan Keluarga Malaysia Makmur Sejahtera, yang dilihat dapat memenuhi keperluan semua peringkat Keluarga Malaysia untuk bangkit semula memulihkan negara seterusnya mencapai matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

RUU Perbekalan 2022 kali ini mendukung tiga- paksi utama iaitu memperkukuhkan pemulihan, membina daya tahan dan memacu pembaharuan dengan tiga fokus induk iaitu rakyat yang sejahtera, perniagaan yang berdaya tahan dan ekonomi yang makmur dan mapan.

Justeru, kementerian akan terus komited dengan merealisasikan peranan KKMM dalam mempercepatkan penerimgunaan teknologi dan inovasi melalui penyediaan jaringan gentian optik meluas bagi kedua-dua perkhidmatan tetap dan bergerak, bagi memastikan liputan kualiti pengalaman yang lebih efisien dan efektif selaras dengan pendekatan ekonomi digital berasaskan teknologi tinggi.

Selain mempertingkatkan kesinambungan digital, KKMM turut melaksanakan inisiatif pembangunan dan menggalakkan ekonomi digital yang dapat melonjakkan penguasaan pendigitalan dalam kalangan rakyat segenap lapisan masyarakat.

Selaras dengan RUU Perbekalan 2022 yang telah mengetengahkan tema industri kreatif sebagai salah sebuah industri strategik dan berimpak tinggi, kementerian akan membuat perancangan inklusif dan komprehensif bagi memastikan agenda pengukuhan ekosistem industri kreatif tercapai dan mampu memberi sumbangan yang signifikan kepada ekonomi negara.

Seramai lapan orang Ahli Yang Berhormat Senator telah membahaskan perkara-perkara yang terletak di bawah tanggungjawab kementerian ini yang secara umumnya menyentuh empat perkara iaitu perkhidmatan internet dan jalur lebar, penyebaran maklumat, penyalahgunaan media sosial, jenayah siber, perkhidmatan telekomunikasi dan perlindungan data peribadi.

Yang Berhormat Senator Tuan Aklan a/l Ehtook dan Yang Berhormat Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip telah membahaskan isu perkara perkhidmatan internet jalur lebar. Yang Berhormat Senator Tuan Aklan a/l Ehtook ada? Ada, terima kasih. Akses kepada internet merupakan perkara yang utama dalam perhatian kerajaan segala inisiatif yang dirancang untuk dilaksanakan adalah bertujuan untuk menambah baik perkhidmatan ke seluruh negara.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Aspek sosioekonomi, pendidikan dan gaya hidup digital; rangkaian gentian optik dan liputan perkhidmatan 4G yang meluas ini turut akan mengukuhkan asas rangkaian dan membantu mempercepatkan pelaksanaan 5G ke seluruh negara. Merujuk kepada isu rangkaian 4G, inisiatif JENDELA fasa satu- sedang giat dilaksanakan dari tahun 2020.

Ia memfokuskan kepada peluasan liputan gentian optik, menambahkan pembangunan infrastruktur digital termasuk pembinaan tapak 4G baharu dan menaik taraf stesen pemancar sedia ada kepada 4G bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan 4G di seluruh negara untuk memberi kualiti pengalaman yang sama rata antara kawasan bandar dan kawasan luar bandar.

Seterusnya, sasaran fasa satu yang giat dilaksanakan sekarang adalah mempertingkatkan kelajuan jalur lebar alih kepada 25 megabit kepada 35 megabit, buat masa sekarang. Ke hadapan, kita naik lebih tinggi lagi. Ia membolehkan sebanyak 7.5 juta buah premis mendapat akses jalur lebar talian tetap berkelajuan gigabit daripada sembilan juta- premis serta memperluaskan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8 peratus kepada 96.9 peratus di kawasan berpenduduk. Pendekatan pelbagai sudut ini diambil oleh kerajaan bagi memastikan rakyat mempunyai akses internet yang berkualiti dan menyeluruh.

Kedua, lesen pemberi kemudahan rangkaian. Seterusnya ialah pertanyaan mengenai isu lesen pemberi kemudahan rangkaian ataupun dipanggil *network facilities provider* (NFP). Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 menggalakkan persaingan yang sihat dan kompetitif dalam pembangunan industri komunikasi demi kepentingan para pengguna. Mana-mana pihak yang berkecenderungan boleh memohon untuk mendapatkan lesen perkhidmatan internet talian tetap ataupun mudah alih, di kesemua pemegang lesen adalah tertakluk kepada peruntukan dan syarat pelesenan yang terkandung di bawah Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pelesenan) 2000 di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Sehingga kini, sebanyak 239 buah lesen pemberi kemudahan rangkaian atau *network facilities provider*, dengan izin, dan 173 lesen pemberi perkhidmatan rangkaian atau *network service provider* (NSP), dengan izin, telah dikeluarkan.

■1610

Ini membolehkan pemegang lesen tersebut membina infrastruktur komunikasi dan menawarkan perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara. Untuk makluman Yang Berhormat, Tenaga Nasional melalui anak syarikatnya Allo Technology Sendirian Berhad, telah pun menggunakan infrastruktur milik TNB bagi menyediakan liputan gentian optik berkelajuan tinggi kepada lebih 73 ribu buah premis di Melaka dan Perak mulai tahun 2021 pula.

Pihak Allo telah merancang untuk memperluaskan rangkaian perkhidmatan di Kedah, Pahang, Pulau Pinang dan Johor. Manakala, bagi negeri-negeri lain pula, pencapaian dan kajian akan terus dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan lebih banyak premis mendapat akses kepada rangkaian gentian optik.

Inisiatif peranti siswa. Bagi menjawab kepada pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Akin A/Ehtook, inisiatif peranti siswa untuk pelajar B40 di institut pengajian tinggi akan dilaksanakan oleh KKMM bersama Kementerian Kewangan, Kementerian Pengajian Tinggi dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia tersebut sedang dimuktamadkan. Secara amnya, peranti tersebut perlulah daripada jenama yang jenis berkualiti dan menepati piawaian antarabangsa serta kelulusan pensijilan oleh pihak SIRIM.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya memberikan makluman balas isu penyalahgunaan media sosial yang dibangkitkan Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi. Ada? Tiada tidak apa.

Mengenai pindaan terhadap Akta SKMM bagi menangani isu penyalahgunaan media sosial seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff. Ada? Okey.

Pada masa ini, peruntukan perundangan sedia ada dilihat sebagai mencukupi. Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta 588 memperuntukkan kesalahan bagi penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian dan lain-lain bagi membuat wujudkan meminta-minta atau memulakan penghantaran kandungan yang lucah, sumbang, palsu, mengancam dan jelik sifatnya dengan niat untuk menyakit hati, menganiaya, mengugut dan mengganggu orang lain.

Jika disabit kesalahan, individu boleh didenda melebihi RM50 ribu, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Selain itu, undang-undang relevan yang ada juga akan terpakai mengikut fakta kes yang disiasat. Pihak yang terbabit turut tertakluk kepada peruntukan undang-undang sedia ada seperti kanun keseksaan dan enakmen undang-undang syariah di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam Negeri-negeri.

Seterusnya, bagi menjawab Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan. Okey, terima kasih. Mengenai kawalan terhadap *scammer* atas talian yang berterusan menipu masyarakat. Di bawah strategi keselamatan siber *Cyber Security Strategy* tahun 2022 hingga tahun 2024 yang dikendalikan oleh Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) sebanyak RM1.8 bilion telah diperuntukkan oleh kerajaan dalam usaha untuk memastikan ekosistem keselamatan siber negara kekal kukuh dan tidak dikompromi.

Dalam hal ini, penyelarasan program aktiviti peruntukan akan dibuat oleh pihak NACSA melibatkan pelbagai kementerian, jabatan termasuk agensi di bawah KKMM iaitu *Cyber Security Malaysia* dan *Malaysia Digital Economy Corporation* dalam usaha mengenai isu berkaitan keselamatan siber termasuklah penipuan dalam talian.

Ini Yang Berhormat, sebab apa kita lihat walaupun peringatan demi peringatan yang kita bagi tetapi masih ada orang yang terkena dengan *scammer* ini terutamanya *love scam* ini. *Love scam* yang ingin berkahwin. Baru-baru ini ada isu di mana Yang Berhormat Menteri Kewangan kononnya hendak berkahwin dengan seorang janda berumur dekat 60 tahun. Jadi, ada terkena juga... [Tepuk] Dengan hadiah sebuah kereta *Rolls-Royce*... [Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Siapakah yang hendak kahwin lagi itu?

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Siapakah yang hendak kahwin lagi?

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: *Dak* hendak kahwin. Siapa yang hendak berkahwin dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, *scam* ya?

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: *Scammer*. Hadiah... [Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Nasib baik tidak betul.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Wang tunai dan juga kereta *Rolls-Royce* dan dia berumur 60 tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Dia boleh percaya. Dia masukkan duit kepada *scammer* ini kerana ingin berkahwin dengan Yang Berhormat Menteri yang muda. Saya pun tidak faham... [Ketawa] Kegiatan penipuan *scam* sama ada secara talian *online* ataupun luar talian adalah di bawah bidang kuasa PDRM, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Hal Ehwal Pengguna, Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara Malaysia atau agensi lain berasaskan kepada jenis penipuan yang dijalankan.

PDRM dan SKMM telah menubuhkan jawatankuasa induk PDRM MCMC bagi membanteras jenayah dan melindungi pengguna internet dalam negara. Jawatankuasa ini menyelaraskan dan memastikan tindakan penguatkuasaan yang melibatkan kedua-dua agensi dapat dijalankan dengan lebih pantas dan berkesan termasuklah daripada segi pemantapan tindakan siasatan operasi pencegahan dan pentadbiran.

SKMM turut bekerjasama dengan pihak penyedia perkhidmatan e-dagang bagi menurunkan atau menyekat kandungan iklan atau perlakuan yang didapati melakukan kesalahan di bawah undang-undang mana undang-undang yang bertulis. Ini termasuklah iklan, judi dan sebagainya.

Selain itu PDRM turut membangunkan aplikasi *Semak Mule* selain laman web yang sama untuk memudahkan masyarakat membuat semakan awal terhadap akaun bank, nombor telefon yang digunakan oleh sindiket penipuan sebelum melakukan sebarang transaksi. Sebuah akaun *Facebook* dan *Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police* telah diwujudkan bagi berkongsi dan memberi amaran kepada orang ramai mengenai ancaman penipuan dan jenayah siber dalam usaha bagi membanteras kes penipuan dalam talian.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita di kementerian dia kata Akta Perlindungan Peribadi tetapi akta ini hanya swasta. Jadi, kalau untuk peribadi ini maknanya tidak ada. Oleh sebab itu, kita wujudkan *Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police* dan juga kerjasama dengan MCMC.

Selain tindakan pencegahan dan penguatkuasaan, perkara ini yang turut diberikan keutamaan dalam usaha meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung dengan aktiviti salah guna di sisi undang-undang termasuklah ke atas penipuan atas talian dan jenayah komunikasi. Antara kempen kesedaran yang turut dijalankan oleh kempen *hashtag* TakNakScam dengan usaha sama PDRM, KPDNHEP, SC, Bursa Malaysia Berhad, Persatuan Bank-bank Malaysia, *CyberSecurity Malaysia*, FOMCA serta Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan untuk pengguna Malaysia (ERA Consumer Malaysia).

Kempen *hashtag* TakNakScam ini menyeru orang ramai untuk mengingati tiga langkah mudah kenal pasti, semak dan lapor agar kekal berwaspada dalam mengenal pasti, mengesahkan dan melaporkan kes-kes penipuan kewangan.

Ini berbagai-bagai cara kita buat tetapi masih ada orang yang kena *scam* ini. Kita pun tidak faham. Portal sebenarnya.my yang disediakan oleh SKMM bagi membolehkan orang ramai menyemak dan mendapatkan kebenaran kepada sesuatu berita atau perkara turut menyediakan maklumat mengenai isu-isu penipuan atau *scam* ini. Antara Januari hingga Oktober 2021, Dato' telah menerima sejumlah 1,865 aduan berhubung dengan penipuan. Antara isu berkaitan penipuan ini iaitu menggunakan akaun sosial media palsu, laman web palsu serta tujuan penipuan *love scam* dan sebagainya.

Mengenai isu perlindungan data peribadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang. Ada, tiada? Oh, ada. Tiada?

Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi, tiada. Ini RTM. Media rasmi kerajaan. Untuk OKU ini- jadi macam-macam program. Kita sekarang ini semua... [Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa sedang berjalan.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Okey. Seterusnya, menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya berkenaan dengan isu perkhidmatan telekomunikasi. Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya. Okey, terima kasih.

Secara amnya, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 menetapkan bahawa penentuan harga dan jenis pakej telekomunikasi yang ditawarkan oleh syarikat telekomunikasi yang dilesenkan adalah secara komersial mengikut permintaan pasaran dan pengguna. Akta Komunikasi Multimedia 1998 menggariskan beberapa prinsip serta kadar yang harus dipatuhi oleh pemberi perkhidmatan.

Antaranya, satu kadar mestilah adil dan tidak diskriminasi. Kadar mestilah berpanduan kos kadar mestilah tidak mengandungi diskaun yang prejudis terhadap peluang persaingan. Dalam hal ini, pasaran telekomunikasi adalah kompetitif dan terdapat 13 buah syarikat telekomunikasi yang menyediakan perkhidmatan pakej termasuklah pakej peranti, jam pintar berserta data yang ditawarkan dalam pelbagai peringkat harga.

■1620

Seterusnya, menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin mengenai laman web pornografi. Ada? Tidak ya. Pornografi, tidak ada. Akan tetapi pornografi ini saya jawab sedikitlah. Berkenaan kita hendak menyekatnya agak susah sebab dia sentiasa tukar IP dia. Jadi, kita sukar.

Judi dengan pornografi ini agak susah dikekang walaupun macam-macam kita buat. Apa yang pentingnya ibu bapalah. Jadi, yang lain...

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat. Masa sudah sampai.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Sedikit lagi penutup.

Kementerian sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2022 yang menyentuh mengenai peranan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Saya ucapkan terima kasih banyak-banyak dan kalau apa-apa yang kita tidak dapat jawab, kita akan jawab secara bertulis.

Jadi sebab tadi ini Tuan Yang di-Pertua, dia bagi lima minit tambah. Sekarang tukar Tuan Yang di-Pertua. Saya hormat masa. Tuan Yang di-Pertua ini tidak boleh tambah. Terima kasih banyak. Sekian... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

*Kalau menyayat dengan sembilu;
Dapat di jalan hilir;
Kalau hendak berbagi malu;
Senang saja tidak berfikir... [Ketawa]*

Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi bin Zainul Abidin dengan ucapan penghargaan.

Sukacita dipohon supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan menjawab.

4.21 ptg.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator kerana telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2022 yang amat penting ini. Tidak kurang daripada 15 orang Ahli Yang Berhormat Senator telah turut sama berbahas dan perkara yang dibangkitkan merentasi kepentingan rakyat, perniagaan dan negara. Saya hargai semua cadangan, teguran serta pandangan yang disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat Senator semua.

Sebelum saya menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh sepanjang tempoh perbahasan, izinkan saya mengambil kesempatan di sini untuk menzahirkan rasa dukacita atas bencana banjir yang sedang melanda negara dan bersimpati kepada semua Keluarga Malaysia yang terkesan.

Salam takziah kepada mereka yang telah kehilangan orang yang tersayang serta jutaan terima kasih kepada seluruh Keluarga Malaysia yang telah turut sama untuk membantu mereka yang terjejas. Kerajaan kekal komited untuk membantu seluruh Keluarga Malaysia yang terkesan dan seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerajaan telah mengambil beberapa langkah segera bagi mengurangkan beban Keluarga Malaysia yang terkesan daripada musibah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh tiga hari perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2022, izinkan saya menyentuh beberapa topik utama dalam ucapan penggulungan ini. Beberapa orang Ahli Yang Berhormat Senator telah menyentuh soal peruntukan tahun 2022 bagi sesebuah kementerian, segmen masyarakat atau program.

Yang Berhormat Senator Tuan Aklan a/l Ehtook menegaskan bahawa bajet ini adalah untuk semua rakyat dan perlunya MoF memberikan perhatian kepada keperluan kumpulan minoriti.

Saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat Senator berhubung perkara ini. Jika dilihat, inilah hasrat kerajaan apabila langkah utama Bajet 2022 adalah untuk manfaat semua rakyat dan terbuka buat setiap komuniti masyarakat.

Bantuan Keluarga Malaysia diperuntukkan RM8.2 bilion untuk manfaat 9.6 juta orang penerima dalam kalangan semua yang memerlukan. JaminKerja pula disediakan RM4.8 bilion untuk mewujudkan 600 ribu peluang pekerjaan baharu terutamanya buat belia Malaysia, tanpa mengira bangsa. Tidak dilupakan SemarakNiaga bernilai RM40 bilion iaitu kemudahan pembiayaan pelbagai bentuk untuk manfaat semua usahawan PKS tempatan.

Dalam masa yang sama, kerajaan tidak alpa akan keperluan buat kumpulan minoriti di Malaysia. Saya menerima baik keprihatinan Yang Berhormat Senator Tuan Akmaz yang membangkitkan nasib komuniti seperti Orang Asli, komuniti Siam, Sikh, Sri Lanka dan Portugis yang walaupun kumpulannya kecil tetapi mereka juga ada keperluan khusus. Dalam ucapan bajet, telah diumumkan peruntukan RM10 juta buat anak-anak Sabah dan Sarawak sebagai usaha untuk mendalami budaya, bahasa dan warisan komuniti masing-masing.

Maka Tuan Yang di-Pertua, sukacita diumumkan MoF akan turut memperluaskan manfaat kumpulan minoriti lain dengan peruntukan tambahan RM5 juta melalui ketua masyarakat atau NGO untuk menggalakkan pembelajaran budaya dan bahasa. Selain mengeratkan ukhuwah komuniti dan mendorong pembangunan sahsiah remaja, pembelajaran ilmu bahasa misalnya bahasa Thai berupaya menyumbang kepada manfaat ekonomi melalui hubungan dagangan dengan negara jiran serta menyokong perkhidmatan penyumberan luar serantau di Malaysia.

Selanjutnya, saya juga merakamkan ucapan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid yang menyentuh perlunya peruntukan belanja mengurus lebih besar pada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Kerajaan ini sememangnya menitikberatkan keperluan komuniti Orang Asli.

Untuk makluman semua, bagi tempoh lima tahun sebelum kerajaan semasa, peruntukan belanja mengurus atau OE JAKOA hanya meningkat sebanyak RM10 juta iaitu daripada RM103 juta semasa Bajet 2016 kepada RM113 juta semasa Belanjawan 2020. Dalam bajet pertama saya, OE JAKOA di bawah Bajet 2021 telah ditingkatkan sebanyak RM10 juta kepada RM123 juta dan seterusnya dinaikkan lagi hampir RM40 juta kepada RM162 juta untuk Bajet 2022.

Peningkatan ini antaranya untuk tujuan pengangkutan anak-anak Orang Asli ke sekolah serta kenaikan wang saku murid sekolah menengah daripada RM2 kepada RM4 sehari yang bakal memanfaatkan 16 ribu orang murid Orang Asli. Kerajaan juga bersetuju memanjangkan Skim Bantuan Geran Pendidikan Orang Asli kepada IPT GLC seperti UTP, UNITEN dan juga MMU.

Bagi mengelakkan keciciran daripada menerima BKM, kerajaan akan melaksanakan pendaftaran automatik berdasarkan data JAKOA dan dengan itu komuniti Orang Asli tidak perlu memohon. Untuk memudahkan cara penyampaian BKM kepada penerima, sukacita saya maklumkan bahawa Program Bank Bergerak di Sabah dan Sarawak seperti yang diumumkan dalam Bajet 2022 akan juga merangkumi Semenanjung Malaysia khususnya bagi beroperasi di kawasan pedalaman komuniti Orang Asli.

Selanjutnya Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba, memohon penjelasan berhubung nasib OKU selepas tamat program *MySTEP*. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, *MySTEP* ialah program yang menawarkan peluang pekerjaan jangka pendek secara kontrak di sektor awam dan GLC dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran. Ia memberi peluang untuk mendapatkan pengalaman kerja sebenar, sekali gus membuktikan kebolehan peserta kepada majikan. Dengan pengalaman itu, diharapkan peluang mereka mendapat pekerjaan di pasaran terbuka, menjadi lebih baik.

Berdasarkan pencapaian tahun 2021, seramai 61 ribu telah ditempatkan di sektor awam dan GLC, termasuk golongan OKU yang berdaftar dengan JKM. Peserta yang tamat *MySTEP* ini tidak diserap secara automatik. Prosedur serta tatacara pengambilan ke dalam perkhidmatan awam dan GLC masih terpakai seperti mana biasa.

Namun, kerajaan yakin peserta ini bakal mempunyai kelebihan untuk terpilih dalam sesi temu duga berbekalkan pengalaman yang diperoleh melalui MySTEP.

Untuk makluman juga, kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008 memperuntukkan dasar satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada OKU. Ini selaras dengan usaha meningkatkan lagi keupayaan modal insan khususnya bagi OKU. Seperti mana yang diumumkan dalam Bajet 2022, kerajaan akan melanjutkan program MySTEP ini pada tahun hadapan dengan menyediakan 80 ribu peluang pekerjaan. Seajar dengan usaha memastikan golongan OKU mendapat peluang pekerjaan, kerajaan turut mengumumkan penetapan satu peratus kuota khas kepada OKU bagi program MySTEP 2022.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat sebilangan Ahli Yang Berhormat Senator turut membangkitkan berhubung pelaksanaan program-program perlindungan sosial. Antaranya, seperti Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz yang menyentuh berhubung Baucar Perlindungan Tenang dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain yang membangkitkan soal pelaksanaan mySalam.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Baucar Perlindungan Tenang dengan nilai RM50 telah diumumkan dalam Belanjawan 2021 untuk manfaat golongan B40. Kesemua lapan juta orang penerima Bantuan Prihatin Rakyat layak menerima baucar tersebut. Sehingga 15 Disember, hampir 900 ribu- golongan B40 telah menebus baucar ini dengan nilai hampir RM45 juta melalui pembelian insurans atau takaful yang didaftarkan sebagai produk Perlindungan Tenang.

Umumnya program ini melibatkan 16 buah syarikat insurans dan pengendali takaful di bawah Persatuan Insurans Am Malaysia, Persatuan Insurans Hayat Malaysia dan Persatuan Takaful Malaysia. Semakan kelayakan untuk menuntut baucar ini boleh dibuat dengan melayari www.mypt3.my. atau mengunjungi mana-mana syarikat insurans atau pengendali takaful yang menawarkan produk Perlindungan Tenang.

■1630

Bagi pemohon yang layak, penebusan baucar boleh dibuat dengan melayari www.mycoverage.my atau melalui pembelian terus di kaunter. Produk Perlindungan Tenang merangkumi pelbagai jenis perlindungan termasuk perlindungan untuk insurans hayat, penyakit kritikal, hospitalisasi, hilang upaya kebakaran dan kerosakan isi rumah akibat banjir. Seperti di umum dalam Bajet 2022, baucar Perlindungan Tenang ini telah ditambah baik dan ditingkatkan nilai baucar kepada RM75 untuk tahun 2022.

Sukacita diumumkan bahawa golongan B40 boleh menebus baucar RM75 ini bermula 1 Januari 2022 dengan syarikat insurans dan pengendali takaful yang berdaftar. Berhubung skim mySalam, izinkan saya jelaskan mengenai penambahbaikan yang dibuat oleh kerajaan ini. Pada tahun 2019, skim ini telah membantu 4.3 juta- individu B40, dengan bayaran manfaat berjumlah RM11.5 juta. Sebagai perlindungan semasa kerajaan pentadbiran sedia ada, manfaat mySalam bagi hospitalisasi dan penyakit kritikal telah meningkat kepada RM76.9 juta atau lebih enam kali ganda pada tahun 2020 dan seterusnya naik kepada RM120.9 juta untuk tempoh sebelas bulan hingga November 2021.

Selain itu mySalam juga telah mengeluarkan RM119.6 juta sehingga November 2021 atas tuntutan berkaitan COVID-19. Di samping itu dalam Bajet 2022, skim mySalam akan diperluas sehingga dua kali- ganda bagi merangkumi lebih daripada sembilan juta-individu. MySalam juga telah ditambah baik dengan peruntukan RM50 juta bagi bantuan peranti perubatan kepada B40. Kerajaan akan terus memantau prestasi dan menambah baik skim ini berdasarkan kemampuan dana mySalam. Umumnya, piagam pelanggan memproses tuntutan ialah 10 hari bekerja bagi mengurangkan insiden kelewatan dan meningkatkan kesedaran bilangan kakitangan, bilangan kakitangan ditingkatkan di samping menyediakan kaunter khas di hospital utama di setiap negeri.

Keselamatan data penerima mySalam adalah serius dan tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan Akta Rahsia Rasmi 1972. Pihak *Great Eastern Takaful Berhad* yang mengendalikan skim mySalam hanya dapat menggunakan data bagi skim mySalam sahaja dan tidak dibenarkan menggunakan data tersebut bagi kegunaan lain seperti menjual produk insurans atau takaful lain kepada penerima mySalam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Arman mengetengahkan cadangan agar syarikat GLC dan swasta dapat menyediakan tablet dan *internet* kepada pelajar B40 sebagai salah satu CSR. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan menyambut baik sebarang cadangan menyediakan kemudahan khususnya kepada pelajar-pelajar daripada keluarga B40. Kerajaan mengalu-alukan mana-mana syarikat GLC dan swasta untuk menjalankan tanggungjawab sosial dalam membantu keperluan murid-murid sekolah seperti pemberian komputer, kemudahan *internet* dan lain-lain.

Pun begitu, khususnya GLC, sebarang pelaksanaan, cadangan hendaklah mengambil kira kedudukan kewangan syarikat serta mendapat persetujuan lembaga pengarah masing-masing. Setakat ini, GLC telah pun menyumbang 150 ribu buah komputer riba kepada sekolah di kawasan berpendapatan rendah. Kerajaan juga dalam proses meneliti keberhasilan program tersebut bagi mempertimbangkan perluasan program dengan menyediakan peranti untuk murid sekolah.

Selanjutnya, suka untuk saya mengambil kesempatan di sini bagi menyatakan bahawa GLIC dan GLC amat memainkan peranan mereka dalam bersama-sama kerajaan semasa tempoh pandemik COVID-19 ini menular di negara kita. Sejak Mac 2020 sehingga Disember 2021, jumlah sumbangan yang telah diberikan oleh GLIC dan GLC bernilai lebih RM8.19 bilion. Antaranya termasuklah moratorium sehingga enam bulan, insentif pengecualian serta pengurangan sewa sebanyak 50 peratus kepada pengusaha yang berniaga di bangunan milik GLIC dan GLC seperti KLCC, hentian RnR, PLUS dan sebagainya.

Kedua, rebat sehingga 30 peratus oleh PETRONAS kepada peniaga bumiputera di ruang niaga Suria KLCC, Mesra Mall dan Alamanda Putrajaya. Nilainya lebih kurang RM15 juta. Ketiga, membantu lebih 2,200 orang peniaga bumiputera melalui moratorium bayaran pinjaman, penangguhan bayaran pokok dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada telahan yang disuarakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying bahawa seolah-olahnya terdapat ketidaktelusan berhubung pembelian vaksin COVID-19 dan penggunaan dana Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN). Izinkan saya memberi pencerahan berhubung perkara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, semasa pembentangan Belanjawan 2021, saya telah umumkan perolehan bekalan vaksin COVID-19 dijangka melibatkan kos melebihi RM3 bilion untuk keperluan rakyat Malaysia.

Namun, memandangkan pada masa itu jumlah bekalan dan harga masih belum dimuktamadkan oleh syarikat pembekal vaksin, maka tiada peruntukan dikhususkan sebagai sebahagian daripada peruntukan RM322.5 bilion dalam Belanjawan 2021. Hanya menjelang Mac 2021 iaitu setelah kerajaan melaksanakan rundingan bekalan vaksin bagi keperluan sehingga 120 peratus penduduk Malaysia, kerajaan menetapkan sebanyak RM5 bilion diperlukan bagi perolehan bekalan vaksin serta perbelanjaan lain berkaitan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Bagi mempercepat pelaksanaan PICK supaya selesai menjelang Disember 2021, kerajaan memutuskan untuk membiayai perbelanjaan PICK ini sebanyak RM5 bilion menggunakan sumber dana KWAN. Dengan adanya sumber khusus untuk pelaksanaan PICK, Malaysia telah diiktiraf mencapai kadar vaksinasi antara yang terpentas di dunia. Setakat ini, lebih 97 peratus penduduk dewasa telah lengkap di vaksinasi dan ini telah mengurangkan bilangan kes COVID-19 dan juga tahap penggunaan ICU yang kini berada di bawah 60 peratus. Pencapaian ini yang membolehkan hampir ke semua negeri beralih ke Fasa 4 di bawah Pelan Pemulihan Negara.

KWAN asalnya dengan nawaitu untuk memanfaatkan generasi akan datang. Tidakkah penggunaan KWAN untuk PICK amat wajar bagi menjamin masa hadapan negara? Perkara ini dipersetujui oleh semua dan dengan itu pindaan Akta KWAN membenarkan perbelanjaan untuk vaksin telah diluluskan dan sebulat suara di Dewan Rakyat termasuk juga Ahli-ahli Parlimen dari kedua-dua belah pihak.

Berdasarkan penilaian semasa adalah amat penting semua rakyat diberikan dos penggalak terutamanya dengan kemunculan varian Omikron. Demi memelihara kesejahteraan rakyat, saya ingin umumkan kerajaan memutuskan untuk meningkatkan peruntukan pembiayaan KWAN daripada RM5 bilion kepada RM6 bilion.

Pertambahan ini pastinya untuk memastikan bekalan vaksin mencukupi termasuk dos penggalak yang bukan sahaja untuk penduduk dewasa tetapi juga golongan remaja. Bagi menjamin kesejahteraan rakyat, kerajaan akan bertindak secara proaktif dan terus memantau keadaan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa tidak mengizinkan, bagi sebarang persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya jawab dalam penggulangan ini, saya akan beri jawapan secara bertulis. Sekali lagi saya rakamkan ucapan terima kasih atas input-input yang dikongsi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang tempoh perbahasan ini. Saya dengan rendah diri sekali lagi mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat semua untuk menyokong dan seterusnya meluluskan secara sebulat suara Bajet 2022 ini.

Saya juga secara peribadi dan rakan-rakan saya dari Kementerian Kewangan amnya, mendoakan agar musibah banjir yang melanda negara pada waktu ini akan segera reda. Marilah kita bergandingan menggembleng keringat dan usaha, tidak kira anggota kerajaan, Ahli Parlimen, GLC, GLIC, syarikat swasta, NGO, pemimpin setempat dan seluruh Keluarga Malaysia untuk turun ke lapangan menghulur tenaga serta bantuan kepada saudara, saudari yang memerlukan. Di sebalik musibah, moga-moga ada hikmah dan ganjaran buat semua, *insya-Allah*. Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah*. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*, dengan jawapan dan penggulangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Berhormat Datuk Seri Utama Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz itu, maka Jadual yang telah ditetapkan bagi urusan kita di Dewan ini selesai. Akan tetapi dalam keselesaan tersebut, kita perlu meneruskan apa yang dikenakan sebagai status dan prosedur.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Menteri Kewangan [Datuk Seri Utama Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2022 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2), rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

■1640

Tuan Yang di-Pertua: Sila, ada sokongan?

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato Sri Alexander Nanta Linggi]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR (PINDAAN) 2021

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" **[13 Disember 2021]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kenalah bagi pihak saya dan bagi pihak Dewan Negara menyatakan bahawa atas himpitan masa atau tempoh yang kita hadapi, perkara-perkara berikut diharap mendapat perhatian dan juga pelaksanaan kita bersama.

Pertamanya, bukanlah sesuatu yang saya sukai untuk mengehadkan masa sewenang-wenang. Namun, lantaran desakan yang dikenakan kepada pihak Dewan Negara begitu terhad tempohnya, maka saya kenalah menyatakan bahawa perkara-perkara berkaitan dengan keputusan dari Dewan Rakyat kepada Dewan Negara kita mempunyai tujuh rang undang-undang yang diminta dibincangkan dan diluluskan dalam Dewan Negara.

Kedua, tambahan ada satu Rang Undang-undang Perlembagaan yang memerlukan sokongan dua pertiga Ahli di Dewan ini. Ketiga, untuk Mesyuarat kali ini juga kita tinggal hanya dua hari untuk menyelesaikan urusan sebanyak sembilan rang undang-undang kesemuanya.

Kerjasama semua Ahli Yang Berhormat dipohon untuk mematuhi had masa perbahasan dengan menjadikannya agar ringkas, tepat dan padat. Saya tidak mahu mendengar apa-apa sindiran daripada mana-mana pihak termasuk Menteri atau Timbalan Menteri bahawa ujaran berhubung dengan tempoh itu merupakan suatu permainan, tidak. Ia menepati tanggungjawab kita di Dewan ini. Namun, saya ingin merakamkan bahawa pada masa akan datang, kerajaan hendaklah memberi tempoh yang cukup kepada Dewan ini supaya perbahasan hanya menepati tempoh dan isiannya... *[Tepuk]*

Kita di sini bukanlah sebagai pihak yang akan meluluskan sahaja tanpa diberi peluang untuk menganalisis sepanjang mungkin. Justeru, nahas kepada politik ataupun nahas kepada masa terpaksa kita lihat dari sudut keperluan Dewan Negara sebagai Dewan tertinggi juga di negara ini.

Begitu juga huraian Yang Berhormat Menteri-menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri haruslah padat, ringkas dan menepati. Apabila kita bermula pada tahun hadapan, *insya-Allah* suasana baru akan muncul dan kita beroleh tempoh yang diperlukan secukupnya... *[Tepuk]*.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya jemput dengan sukacitanya perbahasan atas rang undang-undang ini. Oleh sebab senarai yang diberi itu dikatakan telah berubah lantaran sebahagian telah meninggalkan Dewan, maka mungkin saya boleh jemput Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris dahulu.

4.44 ptg.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim.* Pertamanya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya juga ingin mengambil kesempatan untuk memperkatakan hujah sahaja di sini.

Saya berharap menerusi rang undang-undang ini, merupakan arah kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan perundangan konservasi hidupan liar sekali gus untuk menjamin kelangsungan khazanah hidupan liar negara kita supaya dijaga nilai tertibnya.

Tuan Yang di-Pertua: Pentadbiran, Yang Berhormat telah menyarankan kepada saya supaya kita berbincang dalam tempoh tujuh minit. Silakan.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, penyelarasan dan pengukuhan hukuman dan penalti. Menetapkan hukuman penjara selama tiga tahun ke atas bagi membolehkan kesalahan tersebut dikategorikan sebagai kesalahan boleh tangkap selaras dengan Kanun Tatacara Jenayah.

Meningkatkan kadar hukuman dan penalti. Contohnya, denda maksimum bagi kesalahan berat seperti kes melibatkan pemburuan haram hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya seperti harimau belang, harimau kumbang, harimau dahan, kambing gurun dan seladang ini ditingkatkan denda maksimum daripada RM500 ribu kepada RM1 juta, manakala hukuman penjara maksimum ditingkatkan daripada 10 tahun hingga kepada 15 tahun sebagai hukuman yang bersifat mencegah dan memberi pengajaran yang sewajarnya kepada pelaku jenayah.

Di negeri Terengganu memang banyak dan sangat luas tetapi ramai pemburu haram ini sebenarnya berminat dengan hidupan liar yang dilindungi. Akan tetapi dia ada dua kategori, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, mereka yang minat membura dan yang keduanya mereka yang berminat untuk rekreasi di hutan hujan. Kadang-kadang pihak berkuasa salah tafsir dan ada yang betul-betul ingin merasakan nikmat *rainforest* hutan hujan di negeri Terengganu tetapi mereka kena tangkap atas alasan memburu hidupan liar.

Justeru itu, saya memohon sedikit penjelasan supaya pihak berkuasa menetapkan tarikh ataupun bulan yang sesuai untuk memburu yang dibenarkan seperti memburu ayam dan sebagainya kepada satu tarikh yang ditetapkan dan tarikh lain tidak dibenarkan untuk memburu. Jadi di sini para penggiat *rainforest*, hutan hujan ini dia boleh masuk ke hutan untuk beriadah dengan keluarga mereka. Justeru itu, persimpangan ini perlu di tertib oleh pihak berkuasa.

Saya juga hendak bertanya, ada juga sindiket yang menjual kucing dan anjing. Kadang-kadang ada kucing-kucing peliharaan di kawasan kediaman hilang secara tiba-tiba dan ini ada juga platform di media sosial yang sesiapa yang berminat untuk membeli kucing atau anjing boleh berurusan dengan pemilik itu atas tujuan membela dan sebagainya. Jadi saya hendak tahu juga, adakah perkara ini *legal*, dengan izin, kerana tindakan menculik kucing-kucing atau anjing kepunyaan orang lain kemudian dijual dan ia merupakan satu perkara yang tidak wajar sebenarnya. Justeru itu, mohon penjelasan daripada pihak kementerian.

Di sini juga, saya ingin mohon penjelasan tentang mereka yang terlampau minat dengan kucing ataupun anjing. Di negara kita, negara Islam jadi keharmonian perlu dijaga. Kepada yang bukan Islam, mereka selalu membawa anjing ke restoran, kita makan di tepi kiri dia, anjing duduk di kerusi kanan. Saya rasa ini tidak sesuai walaupun pada mereka ia merupakan seekor binatang yang perlu dijaga tetapi kepada orang Islam, ia merupakan satu perkara yang tidak boleh dibolehkan.

Justeru itu, saya minta pihak berkuasa untuk membuat satu tatacara supaya anjing-anjing yang dibawa oleh mereka yang bukan Islam tidak lagi berada di restoran, tidak lagi berada di padang-padang permainan. Ini dibahaskan banyak dan membuatkan keharmonian tidak terjamin di negara kita, di media sosial dan sebagainya. Maki hamun di antara satu sama lain, di antara orang bukan Islam dengan orang Islam. Jadi saya minta sedikit pencerahan untuk sensitiviti kepada orang Islam.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua untuk memberi laluan kepada sahabat-sahabat lain. *Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

Saya minta Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid, beliau tidak ada di sini.

Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying... [Disampuk] Tiada.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin, sila.

■1650

4.50 ptg.

Tuan Haji Aziz bin Ariffin: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Tenaga dan Sumber Asli yang berjaya membentangkan rang undang-undang yang tertangguh sekian lama. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memetik Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara iaitu hidupan liar untuk generasi akan datang. Namun malangnya, ia tidak memenuhi inspirasi sebagaimana pemulihan hidupan liar kerana haiwan seperti monyet, gajah, tapir, harimau, musang, orang utan dan lain-lain tidak diberikan kawasan atau tempat bagi pembiakan haiwan yang hampir pupus.

Melalui pelaksanaan pindaan rang undang-undang ini, ia secara tidak langsung dapat mencerminkan pendirian negara yang sangat serius dalam memelihara khazanah negara serta menunjukkan ketegasan negara dalam mengawal pencerobohan hutan, pembalakan haram dan juga pemburuan haram hidupan liar. Hampir 97 peratus rakyat Malaysia menyokong hasrat serta niat yang dilakukan kerajaan untuk menjamin serta memulihara alam sekitar. Secara umumnya saya menyokong segala pindaan dibawa kerajaan pada kali ini. Namun, terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Hari Hidupan Liar Sedunia 2021 disambut pada 3 Mac lepas. Apa ertinya kita merayakan sambutan Hari Hidupan Liar Sedunia setiap tahun, jika hidupan liar kita masih diancam dan diasak dengan pelbagai permasalahan yang tiada penghujungnya sehingga mengancam kehidupannya di planet ini. Menurut laporan kebangsaan yang keenam Malaysia kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi 2019, negara dilaporkan memiliki 306 spesies mamalia, 742 spesies burung, 242 spesies amfibia, 567 spesies reptilia, lebih 2,000 spesies ikan dan 150 ribu- spesies invertebrata.

Ini bermakna hutan dan hidupan liar negara kita merupakan khazanah penting negara yang perlu dipelihara yang semakin terancam. Banyak spesies haiwan di Malaysia akan pupus jika tiada langkah drastik diambil untuk menangani isu ini.

Melindungi hidupan liar dan khazanah alam semula jadi bukan tanggungjawab agensi penguatkuasaan semata-mata, sebaliknya ia memerlukan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan, badan korporat dan komuniti tempatan. Pembabitkan komuniti yang melibatkan Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia, Orang Asli serta masyarakat setempat dalam program seperti Program Perlindungan Biodiversiti dan Rondaan mampu menjadikan penguatkuasaan lebih berkesan di samping memupuk rasa bertanggungjawab dalam melindungi khazanah flora dan fauna.

Saya minta Tuan Yang di-Pertua, kementerian menyatakan apa bentuk program serta pendekatan yang diambil untuk menggalakkan lebih banyak penglibatan orang awam dalam program-program kesedaran dan pemantauan yang telah dilaksanakan. Sehingga kini, berapakah jumlah kamera yang berjaya dipasang oleh pihak kementerian yang bertujuan untuk memastikan bahawa tidak berlakunya pencerobohan haram ataupun pemburuan haram dari terus berlaku serta berapakah jumlah tangkapan yang berjaya dibuat berdasarkan penggunaan kamera terbabit?

Tuan Yang di-Pertua, kepantasan media sosial sebagai elemen promosi menjadikan teknologi itu pilihan sindiket memasarkan hidupan liar secara haram untuk mengaut keuntungan mudah. Kaedah tersebut mudah kerana dapat menghubungkan pengguna di dalam dan di luar negara terutamanya menerusi *Facebook*, *Instagram*, *WeChat*, dan *WhatsApp*. Medium itu digunakan pemburu haram untuk mencari pembeli bagi mendapatkan haiwan liar yang ditangkap.

Tidak dinafikan penggunaan media sosial serta perdagangan atas talian kini menjadi satu normalisasi baharu bukan sahaja di negara kita malah di seluruh dunia. Antara tujuan utama pindaan akta ini juga adalah bagi menangani penjualan hidupan liar atas talian yang terlalu berleluasa beberapa tahun kebelakangan ini.

Maka dengan pindaan akta ini, saya berharap agensi terlibat diberikan ruang penguatkuasaan yang lebih luas untuk bertindak menangani perkara ini. Cuma apa yang menjadi persoalan adalah apakah secara spesifik mekanisme yang akan dilaksanakan oleh kementerian dan agensi terlibat bagi menangani aktiviti jenayah perdagangan hidupan atas talian ini. Adakah akta sedia ada ini dapat mengenakan sebarang hukuman ke atas kesalahan yang dibuktikan secara atas talian.

Tuan Yang di-Pertua, apa usaha pihak kementerian dalam membantu para penyelidik tempatan serta mahasiswa yang berminat untuk menjalankan penyelidikan terutamanya penyelidikan berkaitan memelihara dan pemulihan ekosistem negara. Tuan Yang di-Pertua, melalui rang undang-undang ini kita dapat melihat bahawa jumlah denda maksimum RM500 ribu akan ditingkatkan kepada RM1juta. Penjara maksimum pula akan dinaikkan kepada 15 tahun berbanding sebelum ini ialah 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dijelaskan oleh Tuan Yang di-Pertua bahawa masa itu begitu diperlukan pada waktu ini, dengan ini saya menyokong...

Tuan Yang di-Pertua: Habiskan ayat itu, yang akhir sekali.

Tuan Haji Aziz bin Ariffin: Walaupun kita ada kerajaan negeri dan perbadanan yang mengelola, akan tetapi kementerian juga harus menyediakan peruntukan khas untuk memastikan haiwan yang berada di dalam zoo menerima kawalan dan penjagaan yang baik dan menerima rawatan yang sepatutnya. Mereka ini terus terjamin demi masa hadapan generasi akan datang. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Pemuliharaan Hidupan Liar (Pindaan) 2001. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin.

Saya jemput Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

4.58 ptg

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk rang undang-undang ini saya hendak mulakan dengan satu kenyataan tegas bahawa saya berharap rang undang-undang ini akan lebih responsif kepada isu yang melingkari isu-isu perundangan dan penguatkuasaan berkaitan hidupan liar yang sangat mencabar. Kita berhadapan dengan isu penyeludupan, pemburuan haram, penganiayaan, pemerdagangan, kepupusan dan juga penyeludupan hidupan liar sehingga mengakibatkan ketidakseimbangan kepada alam sekitar. Terjejasnya hidupan liar akan menjejaskan keseluruhan ekosistem alam.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya ingin menyentuh tentang kenaikan ataupun peningkatan pindaan ini yang cukup signifikan iaitu kenaikan denda sehingga 100 peratus. Akan tetapi ada satu isu yang sedikit mengganggu saya Tuan Yang di-Pertua iaitu yang disebut sebagai aktiviti pemungutan yang juga banyak membunuh spesies hidupan liar termasuk penyu.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apa inisiatif kerajaan khususnya berkaitan hukuman untuk mengekang aktiviti pemungutan telur penyu dan juga penjualan serta penyeludupan telur penyu dalam negara dan dari luar negara.

■1700

Masalah tentang telur penyu ini iaitu kita tidak ada undang-undang yang seragam dalam konteks mengekang aktiviti pemungutan, penjualan dan penyeludupan telur penyu ini. Ada disentuh sedikit dalam fasal 48 rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, tetapi tidak secara khusus dan terperinci. Maka, saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah berkaitan dengan advokasi berkaitan rang undang-undang ini yang saya lihat ia adalah sama juga penting dengan pelaksanaan rang undang-undang ini.

Jadi, usaha-usaha untuk membanteras kegiatan perburuan haram ini terkait rapat dengan satu kebimbangan saya yang cukup besar Tuan Yang di-Pertua, iaitu rasuah yang menjadi cabaran utama dan kendala utama dalam memerangi jenayah hidupan liar. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah jaminan kerajaan bahawa isu rasuah dalam aktiviti perburuan haram dan penyeludupan haiwan-haiwan ini menjadi keutamaan kerajaan dalam rang undang-undang ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kerajaan ataupun bagaimanakah kerajaan mengambil langkah dalam mengawal pintu keluar masuk negara dalam memastikan aktiviti mengimport dan mengeksport haiwan hidupan liar ini dapat dikawal dengan semaksimum mungkin? Ia membawa kepada soalan seterusnya iaitu bagaimanakah kerajaan akan mengambil tindakan terhadap kesalahan-kesalahan mempromosi mana-mana hidupan liar di media sosial?

Adakah kerajaan mempunyai mekanisme untuk mengawal kesalahan yang dibuat di media sosial tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang terakhir ialah bagaimanakah kerajaan dapat menimbangkan juga isu intervensi dan pemulihan bagi kes-kes trauma haiwan-haiwan ini sehingga menjejaskan isu mental hidupan-hidupan liar khususnya bagi kes-kes kurungan komersial, pemisahan anak ibu haiwan ataupun hidupan liar, perpindahan atau migrasi hidupan liar akibat kegiatan pembalakan haram dan penyeksaan terhadap haiwan-haiwan ini akibat pemburuan haram yang mengakibatkan kematian yang tragik dan sadis.

Tuan Yang di-Pertua, ekosistem pemuliharaan ini harus dipertahankan demi menjaga hukum alam dan konservasi melindungi makhluk hidupan liar yang kian pupus dan terancam. Advokasi berkaitan pemuliharaan hidupan liar ini harus bergerak seiring dengan kesedaran awam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Fadhlina binti Dato' Sidek. Jika ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin menyertai, silakan.

Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

5.02 ptg.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pemuliharaan Hidupan Liar (Pindaan) 2021 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa pindaan akta ini iaitu Akta 716 adalah pindaan yang sangat diperlukan ketika ini kerana kita menyedari bahawa isu kepupusan hidupan liar sedang dihadapi di seluruh dunia termasuk Malaysia. Malaysia merupakan sebuah negara yang masih lagi kaya dengan kepelbagaian biodiversiti termasuk spesies haiwan liar. Menurut Laporan Kebangsaan Ke-6 Malaysia, kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi 2019, negara dilaporkan memiliki 306 spesies mamalia, 742 spesies burung, 242 spesies amfibia, 567 spesies reptilia, lebih 2,000 spesies ikan dan 150 ribu spesies invertebrata.

Namun dalam masa yang sama, negara juga diancam dengan kekurangan hidupan liar yang mungkin boleh pupus jika tidak diberikan perhatian serius. Sebagai contohnya, Harimau Malaya- *Panthera Tigris Jacksoni* hanya tinggal kurang daripada 200 ekor. Jika tidak diberikan kawalan yang serius, dibimbangkan generasi akan datang hanya mengenal harimau ini melalui gambar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, terfikir tak macam mana mereka membilang atau mengira harimau yang dalam hutan itu? Ini petang dah lanjut ini, saya tanya itulah kut ada jawapannya.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: [Ketawa] Sebab jawapannya itu daripada...

Tuan Yang di-Pertua: Agak-agak macam mana?... [Ketawa] Tak apalah, teruskanlah. Teruskanlah.

Siap, lepas ini Yang Berhormat Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya selepas Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Okey. Hanya mengenal harimau ini melalui gambar, video atau simbol di Jata Negara sahaja. Antara haiwan lain yang turut diancam kepupusan merupakan seladang atau nama saintifiknya, *Bos Gaurus* merupakan mamalia darat kedua terbesar di Malaysia selepas gajah. Seterusnya gajah- *Borneo Pygmy*, juga dikenali dengan panggilan “Gajah Kerdil Borneo”, atau nama saintifiknya *Elephas Maximus Borneensis*. Ia merupakan subspesies terkecil di dunia dan boleh ditemui di Timur Sabah dan Utara Kalimantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh rang undang-undang ini kerana sudah tiba masanya akta yang berusia 10 tahun ini dipinda agar ia selaras dengan perkembangan teknologi dan isu semasa. Seperti contohnya isu penjualan hidupan liar dalam talian *online*, golongan pemburu haram tanpa segan silu menjual hidupan liar melalui iklan di media sosial. Saya ingin tahu, sejauh manakah tindakan proaktif KeTSA bagi menangani hal ini?

Selain itu, saya juga ingin mendapatkan penjelasan kementerian berkenaan Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi kerajaan. Berapakah bilangan operasi OBK pada tahun 2020 dan 2021 ini?

Sejauh manakah kejayaan OBK ini dalam usaha membanteras pencerobohan pembekalan haram dan pemburuan hidupan liar? Saya juga menyambut baik usaha KeTSA yang telah melaksanakan *Biodiversity Protection and Patrolling Programme* (BP3) yang merupakan renjer hidupan liar.

Kerajaan memanfaatkan tenaga kepakaran veteran Angkatan Tentera Malaysia, veteran PDRM dan juga Orang Asal bagi menjalankan aktiviti rondaan dan penguatkuasaan di Taman Negara, rizab hidupan liar, hutan simpan dan pos kawalan sempadan. Apakah kementerian bercadang untuk menambah baik lagi program BP3 ini selaras dengan usaha murni yang terkandung dalam rang undang-undang yang kita bahaskan ini?

Seterusnya, saya ingin tahu, adakah PERHILITAN turut menjalinkan hubungan kerjasama di peringkat antarabangsa dalam aktiviti penguatkuasaan dan perkongsian maklumat? Kita sedia maklum hari ini wujudkan aktiviti jenayah rentas sempadan. Maka, usaha untuk mengekang penyeludupan hidupan liar sama ada melalui pintu masuk sempadan seperti lapangan terbang mahupun lorong tikus perlu dipergiatkan lagi. Hal ini amat penting kerana kita tidak mahu Malaysia terus kekal dilabel sebagai pusat transit dan hab penyeludupan hidupan liar antarabangsa.

Dalam kita berbahas berkenaan pemuliharaan hidupan liar, kita tidak dapat lari daripada menyentuh berkenaan konflik haiwan liar dengan manusia. Hal ini kerana menjadi tanggungjawab kerajaan juga bagi mempertingkatkan keselamatan rakyat daripada ancaman hidupan liar seperti gajah dan harimau kerana ia boleh meragut nyawa dan merugikan ekonomi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya beri contoh beberapa kes gangguan gajah liar yang berlaku tahun ini seperti mana yang dilaporkan oleh media. Pertama, empat orang sekeluarga masyarakat Orang Asli di Kampung Char, Pos Hendrop di sini mengalami kerugian lebih RM10 ribu selepas 1,000 batang pokok pisang yang mengeluarkan hasil enam bulan lalu telah dimusnahkan sekumpulan gajah liar.

■1710

Kedua, seekor gajah jantan yang berkeliaran di hutan Kampung Bukit Hijau, Kupang, Kedah berjaya ditangkap di kawasan hutan berhampiran kampung berkenaan.

Ketiga, seekor gajah jantan liar merosakkan sebanyak 550 batang pokok kelapa sawit selepas memasuki dua buah kebun milik penduduk di Kampung Mentangau dekat Kemuncur, Pahang. Ini belum lagi yang melibatkan gangguan dari spesies monyet, kera dan seumpamanya yang berlaku di seluruh negara. Sedikit lagi.

Jadi saya ingin tahu apakah langkah kementerian dalam menangani kes gangguan gajah yang memasuki ke kawasan kampung dan pertanian. Sebagai akhirnya, saya ingin tahu apakah usaha di peringkat kementerian agar pindaan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar (Pindaan) 2021 yang kita buat pada hari ini turut diselaraskan dengan enakmen dan ordinan yang berkuat kuasa di negeri Sabah dan Sarawak agar ia selari dengan akta yang berkuat kuasa di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Dengan ini, saya menyokong usul ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

Dijemput Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya.

5.11 ptg.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pemuliharaan Hidupan Liar (Pindaan) 2021 ini.

Seperti yang dimaklumkan, cadangan Rang Undang-undang Pemuliharaan Hidupan Liar (Pindaan) 2021 ini merupakan pindaan kali pertama sejak akta ini digazetkan pada 28 Disember 2010. Saya menzahirkan sekalung tahniah pada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara PERHILITAN dan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli yang mempelopori inisiatif pemuliharaan ini supaya akta ini proaktif dan reaktif dalam menghadapi pelbagai isu semasa berkaitan dengan usaha negara dalam memulihara hidupan liar.

Ini sememangnya sejajar dengan komitmen kerajaan dalam memastikan perundangan negara ini tidak lapuk dan sentiasa selari dengan perkembangan dan keperluan semasa. Sudah pasti latar belakang di sebalik keperluan kita bersetuju untuk meminda Akta 716 ini begitu sentimental dalam jiwa seluruh Keluarga Malaysia kerana Tuhan Maha Mencipta telah menganugerahkan bumi Malaysia ini dengan kesuburan tanahnya, keindahan flora dan fauna serta kemewahan biodiversitinya. Bak kata orang tua, tanamlah apa sahaja di tanah kita ini, pasti akan hidup.

Tuan Yang di-Pertua: Orang tua-tua Yang Berhormat, bukan orang tua. Orang tua-tua.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Orang tua-tua, tanamlah apa sahaja di tanah kita ini, pasti akan hidup. Hanya satu sahaja kalau ditanam ia tidak akan hidup, mayat yang kita tanam memang tidak akan hidup.

Tuan Yang di-Pertua, hutan dan hidupan liar di negara kita merupakan khazanah penting negara. Namun, apa ertinya jika khazanah negara ini terus diasak dan diancam dengan pelbagai permasalahan yang tiada penghujungnya sehingga boleh mengancam kewujudannya. Tentunya masih segar dalam ingatan kita, pada tahun 2019 yang lalu 'Iman', spesies Badak Sumatera terakhir di Malaysia telah pergi meninggalkan kita. Pemergian 'Iman' merupakan episod paling mendukacitakan berkaitan kelestarian hidupan liar di negara kita dan ia juga menandakan sudah tiada lagi spesies Badak Sumatera di negara kita.

Tidak cukup dengan itu, hampir setiap tahun kita akan disajikan dengan kisah-kisah pembunuhan spesies gajah *Borneo Pygmy* iaitu subspesies gajah terkecil di dunia. Ia turut dikenali oleh masyarakat Sabah dengan nama "Gergasi Lembut Borneo." Populasi spesies ini dijangka semakin di ambang kepupusan dengan hanya kira-kira 2,000 ekor sahaja yang tinggal.

Manakala bagi spesies harimau Malaya atau Harimau Belang yang lebih mesra dipanggil Harimau Belang di kalangan rakyat Malaysia turut terancam. Ikoniknya Pak Belang ini sehingga diangkat dalam hikayat cerita-cerita rakyat sebagai raja rimba yang gagah berani. Malahan darjat harimau Malaya ini dijunjung menjadi simbol yang signifikan bagi Keluarga Malaysia hingga tersemat di Jata Negara, membawa interpretasi lambang gagah berani. Malah ia turut menjadi lambang rasmi pasukan bola sepak negara yang diminati ramai.

Untuk makluman, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) telah mengadakan Kempen Selamatkan Harimau Malaya sebagai salah satu usaha dalam Program Pencapaian 100 Hari Keluarga Malaysia. Sebagai EXCO Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), sukacita saya ingin memaklumkan bahawa FAM telah menandatangani satu memorandum persefahaman dengan Menteri KeTSA, Yang Berhormat Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan dalam usaha menyelamatkan Harimau Malaya. MoU ini adalah bertujuan untuk memastikan Harimau Malaya yang menjadi simbol Jata Negara dan sinonim dengan pasukan bola sepak kebangsaan ini tidak pupus dari habitatnya. Tahniah FAM dan tahniah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli atas usaha bersama ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya percaya kita sedia maklum bahawa spesies Harimau Malaya ini sedang terancam dan sangat membimbangkan. Berdasarkan laporan daripada penyelidikan, harimau pertama yang dilaksanakan dari tahun 2016 hingga tahun 2020, anggaran populasi Harimau Malaya kini adalah kurang daripada 200 ekor sahaja. Mengambil kira jumlah populasi tersebut, spesies Harimau Malaya atau harimau belang ini akan dijangka pupus dalam tempoh lima hingga 10 tahun lagi. Ramai tidak sedar bahawa hidupan liar memainkan fungsi dan peranan yang sangat penting dalam persekitaran semula jadi kita.

Antara fungsi ekologi dan kemandirian spesies serta menyokong struktur tropika iaitu memastikan keseimbangan dalam rantaian makanan dan sebagai jurutera alam sekitar. Sekiranya fungsi-fungsi ini terganggu, maka keseimbangan ekosistem secara holistiknya juga akan terjejas. Oleh sebab itu, saya berpandangan bahawa cadangan pindaan Akta 716 ini sangat tepat pada masanya supaya kita dapat bersiap siaga dalam instrumen perundangan serta penguatkuasaan dalam mendepani faktor-faktor kepada permasalahan dalam pemuliharaan hidupan liar di negara ini.

Antara objektif utama pindaan Akta 716 ini dilaksanakan adalah untuk mengadakan peruntukan yang seiring dengan perkembangan teknologi semasa yang berkaitan dengan skop perlindungan hidupan liar. Kepesatan teknologi telah merangsang kelicikan pemburu haram yang semakin aktif mengeksploitasi hidupan liar secara mempromosi atas talian dan jualan melalui platform media sosial dan e-dagang amatlah perlu dihalang dan dibanteras dengan segera.

Maka bagi mengatasi kelicikan pemburu haram itu, satu seksyen baru iaitu seksyen 88B diperkenalkan bagi membolehkan tindakan perundangan dikenakan kepada individu yang mengiklankan atau mempromosi hidupan liar bagi maksud menjual atau menawar perolehan hidupan liar ini secara haram. Sememangnya penyeludupan dan penjualan hidupan liar dikatakan perdagangan haram ketiga paling bernilai di dunia selepas dadah dan senjata api. Selain itu, pindaan ini akan lebih responsif kepada keperluan semasa dalam membanteras jenayah hidupan liar.

Penguatkuasaan Akta 716 yang sedia ada tidak dapat menurunkan kadar jenayah hidupan liar di mana mereka telah membawa ancaman serta menyebabkan kepupusan hidupan liar di negara kita. Pendekatan ini bukan sahaja bertujuan untuk melindungi hidupan liar malah turut melindungi habitatnya melalui penguatkuasaan hukuman dan penalti yang lebih keras. Saya difahamkan bahawa pindaan ini akan meletakkan denda maksimum bagi kesalahan berat seperti pemburuan haram hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya seperti harimau belang, harimau kumbang, harimau dahan, kambing gurun dan seladang ditingkatkan daripada RM500 ribu kepada RM1 juta. Sekian, saya mohon untuk menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas penyampaian dan juga sokongan tersebut.

Oleh sebab kita telah selesai senarai yang menzahirkan keinginan untuk berucap, maka saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab dan membuat gulungan.

■1720

5.20 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Datuk Ali anak Biju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab yang berucap tidak ramai, mungkin selesai cepat.

Datuk Ali anak Biju: Akan tetapi jawapannya agak panjang juga sebab dari kelmarin. Selamat petang dan salam sejahtera.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tujuh orang Ahli Yang Berhormat Senator telah membahaskan...

Tuan Yang di-Pertua: Lima.

Datuk Ali anak Biju: Tujuh. Semalam ada dua.

Tuan Yang di-Pertua: Oh semalam.

Datuk Ali anak Biju: Semalam ada dua, tujuh. Isu perkara yang berkaitan dengan RUU ini. Sebelum saya menjawab soalan yang dikemukakan, ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian.

Pertama, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair telah mengutarakan tiga soalan mengenai penyeludupan 50 ekor badak sumbu iaitu negara asal sumbu tersebut berdasarkan ujian DNA oleh makmal forensik Jabatan PERHILITAN, mekanisme penyeliaan harga bagi sumbu yang dirampas, kaedah penilaian bahagian atau organ hidupan liar. Adakah siasatan terperinci dilaksanakan bagi menumpaskan dalang penyeludup sumbu tersebut serta keperluan untuk menaikkan kadar penalti dan hukuman penjara.

Berdasarkan keputusan ujian DNA dari Makmal Forensik Hidupan Liar Kebangsaan PERHILITAN, sumbu badak tersebut adalah berasal daripada spesies badak sumbu di Afrika Selatan. Penilaian harga bagi sesuatu hidupan liar yang dirampas telah dibuat berdasarkan harga yang diperolehi daripada kajian dan perbandingan dengan harga semasa di pasaran yang dijual di peringkat antarabangsa.

Selain itu, rujukan juga dibuat berdasarkan penerbitan oleh badan antarabangsa seperti Konvensyen Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Terancam Flora dan Fauna (CITES) dan maklumat tersebut bukan kerajaan, pada NGO, Jabatan PERHILITAN ada menyediakan pangkalan data bagi harga setiap hidupan liar dan dinilai mengikut harga semasa. Siasatan secara terperinci bagi kes penyeludupan badak sumbu sedang dijalankan. Semua proses siasatan dilaksanakan oleh Pusat Perisikan dan Teknikal Anti Jenayah Hidupan Liar (INTAC) di bawah Jabatan PERHILITAN. Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator supaya kadar penalti dan hukuman pemenjaraan wajar dinaikkan, kementerian ini berpandangan bahawa kadar yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini adalah memadai.

Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad pula telah membangkitkan empat isu iaitu bilangan kakitangan Jabatan PERHILITAN yang terhad dan keperluan kerjasama dengan masyarakat Orang Asli, lokasi Harimau Malaya yang bermasalah dan cacat kekal ditempatkan dan keperluan meningkatkan bajet untuk operasi zoo.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kementerian ini mengambil maklum terdapat kekangan kakitangan Jabatan PERHILITAN yang terhad. Sehubungan itu, kerjasama strategik telah dilaksanakan dengan pelbagai agensi melalui program antaranya ialah Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (BP3) yang bermula secara rasmi pada 16 Jun 2020 telah melibatkan komuniti Orang Asli.

Pada tahun 2021, seramai 600 orang renjer hidupan liar telah dilantik di bawah BP3 yang terdiri daripada 160 orang veteran angkatan tentera, 15 orang veteran PDRM dan 425 Orang Asli bagi menjalankan aktiviti penguatkuasaan sepanjang 62,251 kilometer di kawasan *hotspot* pemburuan dan pencerobohan haram.

Kepakaran veteran angkatan tentera dan Orang Asli dapat meningkatkan lagi keberkesanan penguatkuasaan bagi membanteras pencerobohan, pembalakan haram serta pemburuan hidupan liar. Pelantikan sebegini memberi peluang kerjaya di samping memartabatkan kemahiran dan kepakaran golongan ini di lapangan.

Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan atau *National Wildlife Rescue Centre* di Sungkai, Perak menjadi pusat penempatan hidupan liar termasuk Harimau Malaya yang cedera serta terlibat dalam konflik hidupan liar dan manusia. NWRC ini ditubuhkan pada tahun 2013 sebagai pusat menyelamat hidupan liar bagi memenuhi keperluan di bawah CITES untuk penempatan sementara hidupan liar yang dirampas di bawah Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008, Akta 686.

KeTSA melalui PERHILITAN juga telah mengambil langkah segera sejak Mac 2020 dalam membantu ZPT untuk meneruskan operasinya. Antara inisiatif jangka pendek yang dilaksanakan ialah penyaluran Dana Prihatin Kebajikan Hidupan Liar bermula Mei 2020 hingga 2021 dengan peruntukan sebanyak RM7.3 juta kepada premis ZPT yang terjejas.

Pemberian diskaun dan rebat bil elektrik dan pengagihan lebih 205.9 tan barangan makanan mentah iaitu daging dan tulang sejuk beku bernilai RM4.1 juta. Inisiatif jangka panjang pula melibatkan pembangunan model baharu ZPT yang bertujuan mengurangkan pergantungan ZPT kepada kerajaan serta mengukuhkan operasi ZPT supaya lebih berdaya maju dan pada masa yang sama memastikan kebajikan hidupan liar terpelihara.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris ingin bertanya mengenai penguatkuasaan ke atas sindiket menjual anjing dan kucing. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, haiwan domestik seperti anjing dan kucing adalah di luar bidang kuasa Jabatan PERHILITAN. Ia terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Tuan Yang di-Pertua: Bagaimanakah kalau anjing itu liar?

Datuk Ali anak Biju: [Ketawa] Anjing liar- kita tidak ada anjing liar.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada?

Datuk Ali anak Biju: Itu di bawah pihak berkuasa tempatan, anjing yang berkeliaran itu, masih di bawah mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Saya syorkan kepada Yang Berhormat supaya lihat balik hal itu sebab ia mungkin melibatkan konflik lantaran anjing yang liar pun ada tinggal dalam belukar dan juga separa hutan.

Datuk Ali anak Biju: Satu cadangan yang baik daripada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kita ringkaskan kalau ada lagi tambahan?

Datuk Ali anak Biju: Untuk Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris sudah ada. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin dan Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek bertanyakan mengenai perkara mekanisme dalam pengawalan terhadap tindakan mempromosi atau menjual hidupan liar di dalam media sosial. Pindaan ke atas Akta 716 ini juga telah memperkenalkan seksyen 88(B) bagi membolehkan tindakan perundangan dikenakan ke atas individu yang mengiklankan atau mempromosikan hidupan liar bagi maksud menjual atau menawarkan perolehan hidupan liar secara haram.

Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin juga bertanya mengenai berapakah jumlah kamera yang digunakan untuk memantau pemburuan haram?

Pada setakat ini, sebanyak lebih 4,000 unit perangkap kamera dipasang di 20 plot di bawah *First National Tiger Survey* seluruh hutan di *Central Forest Spine* termasuk kawasan perlindungan seperti Taman Negeri Royal Belum, Taman Negara meliputi negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan dan Taman Negara Endau, Rompin.

Mengenai macam mana kita menghitung berapa banyak harimau ini sebenarnya kita boleh meletakkan kamera ini dan daripada kamera ini kita melihat corak belang harimau itu. Ini di mana setiap seekor harimau itu bentuk corak belangnya adalah unik. Daripada situlah kita membandingkan dan kita akan tahu, jumlah harimau belang yang tinggal sekarang ini.

Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin juga bertanya jumlah tangkapan yang telah dilakukan oleh Jabatan PERHILITAN. Sebanyak 39 siri operasi rondaan di lapangan telah berjaya dilaksanakan sepanjang pelaksanaan oleh Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) selama tiga tahun di Semenanjung Malaysia. Sebanyak 181 Kertas Siasatan telah dibuka yang melibatkan tangkapan 350 orang pesalah jenayah terdiri daripada 253 orang warga tempatan dan 97 orang warga asing. Di samping itu, sebanyak 1,425 jerat hidupan liar telah berjaya dimusnahkan dengan keseluruhan nilai sitaan sebanyak RM36.11 juta.

Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan juga bertanyakan mengenai penguatkuasaan dan perkongsian maklumat PERHILITAN bagi mengekang perdagangan haram di sempadan negara. Jabatan PERHILITAN memperkukuhkan jaringan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang terlibat dengan keselamatan sempadan negara seperti dengan;

- (i) Kastam Diraja Malaysia;
- (ii) Agensi penguatkuasaan Maritim Malaysia; dan
- (iii) Polis Diraja Malaysia.

■1730

Di peringkat antarabangsa pula, Jabatan PERHILITAN telah memperkukuhkan penguatkuasaan menerusi perisikan iaitu *Intelligence-Led Enforcement* dengan kerjasama *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC) serta dengan NGO seperti trafik.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris juga telah bertanya mengutarakan dua persoalan iaitu berkaitan dengan penetapan tarikh untuk aktiviti berburu di hidupan liar. Untuk makluman, bukan semua hidupan liar yang boleh diburu sepanjang tahun kerana terdapat pelbagai spesies seperti ayam hutan, babi hutan, landak, burung ruak-ruak, dan pelbagai spesies lain mempunyai musim yang tertentu dan tertakluk kepada Perintah Pemuliharaan Hidupan Liar (Musim Terbuka, Kaedah dan Masa Memburu) 2014.

Ini bagi membolehkan hidupan liar ini dapat membiak semula sebelum musim yang akan datang. Jadi untuk itulah penggulungan saya pada kali ini Tuan Yang di-Pertua dan setakat ini penjelasan saya berikan berkaitan dengan isu telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-undang Hidupan Liar (Pindaan) 2021.

Saya berharap agar penjelasan tersebut telah mendapat menjawab semua soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 75 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri Perpaduan Negara (Datuk Halimah binti Mohamed Sadique) dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah.* Ahli-ahli Yang Berhormat jam menunjukkan 5.35 petang maka selesai buat fasa pertama tugas kita pada hari ini dan Dewan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi esok hari.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang]